



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

**Mengenai:**

#### **Aktiviti Kawalan Pekerja Asing**

- Kementerian Dalam Negeri:-
  - Yang Berbahagia Dato' Seri Alwi bin Haji Ibrahim, Ketua Setiausaha
- Kementerian Sumber Manusia:-
  - Yang Berbahagia Dato' Amir bin Omar, Ketua Setiausaha
- Jabatan Imigresen Malaysia:-
  - Yang Berbahagia Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Pengarah

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
KHAMIS, 10 OKTOBER 2019**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad - *Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Chen [Subang]  
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]  
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]  
YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]  
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]  
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]  
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]

**Tidak Hadir [Dengan maaf]**

YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Nurul Adila binti Hamdan [Jurubahasa Serentak Kanan (Jurubahasa dan Terjemahan) Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]  
Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Bahagian Audit Prestasi II, Sektor Audit Prestasi]  
Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria [Pengarah Bahagian Susulan Audit, Sektor Audit Prestasi]  
YBrs. Dr. Yati binti Md Lasa [Timbalan Pengarah Audit Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri]  
Luqmanul Hakim bin Tarmizi [Penolong Pengarah Audit Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri]

*samb/-*



**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)

**Jabatan Audit Negara** (*samb/-*) Puan Mazura binti Rabu [Penolong Juruaudit Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri]

Encik Mohd Khairie bin Md Saad [Penolong Juruaudit Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri]

Encik Mohammad Mortadza bin Ahmad [Penolong Juruaudit Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri]

**Kementerian Kewangan**

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]

Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]

**Jabatan Peguam Negara**

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat]

Cik Nurul Hidayah binti Md Radzi [Peguam Kanan Persekutuan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

YBhg. Datuk Abd. Aziz bin Aban [Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Noor Aini Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Perakaunan Persekutuan)]

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

YBhg. Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien [Ketua Setiausaha]

Encik Baidilleh bin Ghazali [Pengarah Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam]

YBrs. Dr. Maziah Che Yusoff [Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Ketua Setiausaha]  
YBhg. Dato' Wan Ahmad Dahlan bin Haji Ab. Aziz [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan)]  
Encik Mohd Zamri bin Mat Zain [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Pekerja Asing)]  
Puan Kartina binti Zamhari [Setiausaha Bahagian (Audit Dalam)]

**Kementerian Dalam Negeri** (*samb/-*)

Puan Helina binti Dato' Sulaiman [Penasihat Undang-undang]  
Encik Asmar Asmadi bin Abdullah Sani [Setiausaha Bahagian (Hal Ehwal Imigresen)]  
Encik Roslan bin Mohd Dah [Ketua Seksyen Audit 4 (Audit Dalam)]  
Encik Mohd. Nazri bin Salim [Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan Bahagian Audit Dalam]

**Jabatan Imigresen Malaysia**

YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud [Ketua Pengarah Imigresen]  
YBhg. Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman [Timbalan Ketua Pengarah (Kawalan)]  
Encik Mohammad Abiddin bin Abd Rahman [Pengarah Bahagian Pekerja Asing]  
Encik Rosfan bin Hashim [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat & Rekod]  
Encik Saravana Kumar a/l Marimuthu [Pengarah Bahagian Operasi Siasatan & Pendakwaan]  
Encik Mohamad Nurzaini bin Kasi [Penolong Pengarah Kanan Imigresen]

**Kementerian Sumber Manusia**

YBhg. Dato' Amir bin Omar [Ketua Setiausaha]  
Encik Asri Ab. Rahman [Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia]  
Encik John Riba Anak Marin [Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)]  
Encik Bashah bin Bachik [Timbalan Setiausaha Bahagian (Dasar Cawangan Dasar Perburuhan)]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Khamis, 10 Oktober 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.05 pagi

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi kepada semua Ahli-ahli PAC Parlimen. Saya hendak ucapkan juga selamat datang kepada Yang Berbahagia Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussen selaku Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang datang sebagai *ex-officio* PAC Parlimen. Sebenarnya ini kali pertama seorang KSU dapat bersama-sama kita, tapi minta maaf Dato' duduk belakang saya pula. Selamat datang juga kepada *ex-officio* yang lain. Yang ada iaitu daripada MOF, daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Akauntan Negara dan terima kasih semua di atas komitmen untuk hadir dalam setiap mesyuarat PAC Parlimen.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen mengadakan Prosiding Aktiviti Kawalan Pekerja Asing yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1. Dalam prosiding ini PAC Parlimen akan mendengar penjelasan daripada dua KSU secara serentak iaitu KSU Kementerian Dalam Negeri dan KSU Kementerian Sumber Manusia. Lagi satu ditambah lagi dengan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen. Maksudnya tiga *very important person* daripada dua kementerian yang berlainan. Hadir nanti di hadapan kita adalah Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim, Yang Berbahagia Dato' Amir bin Omar, Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud yang juga merupakan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia.

Sebelum kita memulakan prosiding ini, saya ingin memaklumkan kepada semua Ahli-ahli PAC Parlimen bahawa pada hari Isnin depan 14 Oktober, Jabatan Audit Negara akan membentangkan Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 di Dewan Rakyat. Dewan Rakyat bermaksud pukul 10 pagi dan Yang Berbahagia Dato' Nik Azman bin Nik Abdul Majid yang juga merupakan Ketua Audit Negara akan memberikan taklimat berhubung penyata kewangan berkenaan pada jam 10.15 pagi di bilik ini. Sepatutnya ia patut dibentangkan hari Selasa, semalam ke apa— macam itu, 9 Oktober. Akan tetapi, terpaksa ditunda kepada minggu depan. Selepas sahaja kita mendapat taklimat itu, satu sidang akhbar



akan diadakan di Pejabat Sekretariat PAC Parlimen seperti yang kita buat sebelum ini. Jadinya saya juga berharap semua Ahli-ahli PAC Parlimen dapat menghadirkan diri untuk taklimat terutamanya taklimatnya satu, keduanya adalah sidang akhbar.

Saya akan memberikan sedikit sebanyak latar belakang mengenai prosiding pada hari ini. Ini saya hendak tanya dengan Jabatan Audit Negara, Tuan Haji Khalid. Hendak saya yang terangkan ke ataupun Tuan Haji Khalid nanti yang akan terangkan mengenai isu ini. Sebab selalunya bila saya terangkan, nanti Audit cakap sudah berulang balik semula. Jadinya Tuan Haji hendak terangkan ke atau saya yang terangkan?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) Jabatan Audit Negara]:** *[Berucap tanpa pembesar suara] The background?*

**Tuan Pengerusi:** *The background, semua.*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *[Berucap tanpa pembesar suara] It is okay to...*

**Tuan Pengerusi:** Saya tanya, bukannya saya minta pendapat.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *[Berucap tanpa pembesar suara] Introduce the topic* untuk yang *the* latar belakang pun okey Yang Berhormat. *We will zoom into issue-nya.*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Jadinya saya hendak maklumkanlah kepada semua Ahli Mesyuarat. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing ini telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Telah ditubuhkan pada 8 Julai 1992 lagi dan pada 5 Julai 2005, JKKPA memutuskan pusat kelulusan setempat ataupun *one stop centre* diwujudkan di KDN.

#### ■1110

Jadinya, OSC ini berfungsi untuk memproses permohonan majikan untuk mengambil pekerja asing dan meluluskan permohonan yang lengkap dengan hari yang sama ia diterima. Bahagian Pengurusan Pekerja Asing KDN berperanan sebagai urus setia OSC. Pada 16 Mac 2006, JKKPA telah mewajibkan penilaian ke atas kelayakan majikan serta mengutamakan warganegara untuk mengisi jawatan kosong di bawah penilaian *Job Clearing System (JCS)*. Objektifnya adalah untuk mengawal aktiviti kawalan pekerja asing ini adalah untuk memastikan pekerja asing yang diambil bekerja di Malaysia adalah sah mengikut undang-undang dan prosedur yang ditetapkan bagi menampung keperluan buruh asing. Aktiviti kawalan terhadap pekerja asing ini meliputi tujuh perkara:

- (i) saringan kelayakan majikan melalui penilaian JCS;
- (ii) kuota kelayakan majikan oleh OSC;

- (iii) saringan di negara sumber melibatkan saringan *Immigration security clearance* dan saringan kesihatan ataupun *Bio-Medical*;
- (iv) visa perjalanan menggunakan Visa Dengan Rujukan (VDR);
- (v) pemeriksaan kesihatan *Foreign Workers' Medical Examination (FOMEMA)*;
- (vi) Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS); dan
- (vii) *Check Out Memo (COM)*.

Jadinya, berdasarkan data dari sistem MyIMMs setakat bulan Disember 2018, terdapat seramai 1.21 juta orang pekerja asing yang sah dan aktif bekerja di Semenanjung Malaysia. Ini tidak termasuk Sabah, Sarawak dan juga pembantu rumah. Dari segi pengauditan JAN terhadap aktiviti kawalan pekerja asing ini, JAN akan memberi taklimat kepada kita mengenai rumusan yang telah dijumpai oleh Audit. Jadinya, tanpa membuang masa, saya ingin menjemput Tuan Haji Khalid Khan, selaku Timbalan Ketua Audit Negara Bahagian Prestasi untuk memberikan penjelasan terperinci serta status terkini dalam Paparan Ketua Audit Negara berhubung aktiviti kawalan pekerja asing sebelum kita menjemput semua saksi kita masuk. Dipersilakan Tuan Haji.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi), Jabatan Audit Negara]:** Terima kasih Tuan Pengerusi PAC, seterusnya Ahli Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, ahli *ex-officio* sekalian. Terima kasih atas peluang untuk kita memberi sedikit taklimat. *I think most of the background info* sudah dinyatakan oleh Tuan Pengerusi tadi. Jadi, saya terus akan pergi kepada isu. Akan tetapi sebelum itu, saya ingin *recap* balik iaitu dalam pengauditan ini, kita melibatkan dua kementerian iaitu KSM dan KDN. Dalam pemprosesan pekerja asing ini kita melihat peringkat-peringkat yang terlibat. Tadi disebutkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk pekerja asing. Kemudian, *the one stop centre (OSC)* di pihak KDN dan juga di pihak KSM, di mana wujud *Job Clearing System (JCS)* daripada majikan yang perlu memohon sebelum dibawa kepada KDN. Ada satu lagi komponen iaitu di KDN pula ada kelulusan khas. *That means, they bypass the whole system. Those are the overall* kita lihat perkara tersebut adalah berlaku semasa pengauditan ini dijalankan. *Then the connection*, satu lagi adalah antara majikan selepas melalui kuota yang diluluskan oleh KDN yang melibatkan ejen di negara sumber. *The leakage between those system itu, the loophole* yang nampak, yang kita boleh nampak. *That is why* dalam laporan ia melaporkan *the wrong usage of ID, unauthorised usage. It could be hacking* ataupun *internal collaborated with some parties outside*. Kita tidak dapat pastikan tetapi wujud sedemikian rupa-lah. Itu merupakan *the gist of our audit findings*.

Jadi, untuk melihat dengan lebih dekat, saya mohon Tuan Pengerusi, *because we involved a lot of technicality system*, jadi saya ada bawa *strong team here. On my right is*



Pengarah Audit Prestasi iaitu Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail, Dr. Yati binti Md Lasa *is the anchor and then, we have* Encik Luqmanul Hakim bin Tarmizi. *They will help in the* penerangan. So *overall*, penemuan bagi tempoh 2016 hingga 2018, sebanyak 512,315 kuota diluluskan melalui kelulusan khas Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri atau jawatankuasa tertentu. Seramai 22,000 iaitu 4.5 peratus orang asing yang telah digaji dalam subsektor beku yang memberi kesan kepada peluang pekerjaan tempatan...

**Tuan Pengerusi:** Tuan Haji, sekejap. Saya *backtrack* sedikit. Bila dikatakan yang kelulusan khas itu, kelulusan khas ini siapa yang boleh memberi kelulusan dan berapa jumlah ia balik semula? Saya maklum tadi Tuan Haji ada sebut tetapi saya hendak membuat catatan sedikit.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** Kelulusan khas ini adalah pada Menteri. Kelulusan Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Hanya Menteri sahaja-lah?

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Bahagian Audit Prestasi II, Sektor Audit Prestasi, Jabatan Audit Negara]:** Juga jawatankuasa tertentu.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** Jawatankuasa dan Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa apa?

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Jawatankuasa tertentu.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** Apa nama jawatankuasa? *Be specific.*

**Tuan Pengerusi:** Mana boleh jawatankuasa tertentu.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** Ada spesifik ia.

**Tuan Pengerusi:** Kena nama spesifik ia.

**Dr. Yati binti Md Lasa [Timbalan Pengarah Audit Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Audit Negara]:** Yang Berhormat, untuk jawatankuasa tertentu, bila ia berdasarkan kes...

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa tertentu?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** *No, no. Case by case.* Jawatankuasa *taskforce* sekiranya adanya keperluan guna tenaga tentang projek tertentu. Contohnya, *Pengerang Integrated Petroleum Complex*. So, mereka akan tubuhkan satu jawatankuasa. Jawatankuasa...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya Dr., ia bila ada keperluan, ia akan *set*-kan satu jawatankuasa macam itu?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya, banyak-lah jawatankuasa ini?



**Dr. Yati binti Md Lasa:** Tidak. Jawatankuasa itu *case by case*. Maksudnya, pengerusinya oleh Ketua Setiausaha atau dengan ketiadaannya, dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Operasi, ahlinya wakil Bahagian Pekerja Asing, semua wakil agensi kawal selia. Maksud kawal selia adalah kementerian yang berkaitan dengan sektor pekerjaan tersebut. Contohnya, sekiranya projek pembinaan, sektor pembinaan, jadinya wakilnya dari CIDB, agensi kawal selia. Wakil dari Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan lain-lain wakil yang mempunyai pengetahuan tentang sesuatu permohonan. Contohnya macam tadi, *taskforce* Jawatankuasa *Pengerang Integrated Petroleum Complex*, mereka yang berkaitan akan turut serta sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Pekerja Asing yang dinamakan oleh Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi masa Audit buat siasatan itu, dapat makluman-kah? *For example, when it comes to Pengerang*, berapa banyak kelulusan khas yang diberikan? *When it comes to CIDB*, berapa? Ada tidak? *That one* ada? Tidak apa. Ini saya tanya sahaja.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Yang Berhormat, ia tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Ada atau tidak ada?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ia berdasarkan majikan...

**Tuan Pengerusi:** Keseluruhan?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Kalau ikut dalam sistem, nama syarikat itu pelbagai. Jadi, mereka akan mohon dan kelulusan itu akan ditapis melalui jawatankuasa khas. Itu jika *case by case*. Ada juga majikan yang datang— Oleh sebab ikut rekod kita, sepanjang tempoh tiga tahun, kelulusan khas sebanyak 512,315, melebihi daripada keseluruhan kuota baharu. Kuota khas ini selain daripada kelulusan jawatankuasa tadi, ada juga melalui terus kepada Menteri Dalam Negeri (MDN). Ini kerana berdasarkan Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing (JKPA) 2005 membenarkan sebarang penolakan terhadap permohonan pekerja asing boleh merayu kepada Menteri Dalam Negeri dan mereka akan meluluskan. Jadi, semasa semakan Audit, permohonan itu ada kalanya bukan melalui— Tidak terus oleh majikan terus kepada Menteri tetapi oleh pengantara. So, beberapa syarikat akan menggunakan pengantara ini untuk hantar-lah. Akan tetapi disebabkan Menteri mempunyai kuasa, pihak Bahagian Pengurusan Pekerja Asing (BPPA) akan memprosesnya dan meluluskan ikut prosedur yang betul-lah.

**Tuan Pengerusi:** Pengantara itu apa tadi?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Pengantara itu maksudnya mereka...

**Tuan Pengerusi:** Tidak faham saya ini. *[Ketawa]* Itu yang hendak memahamkan dahulu itu.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Pengantara itu contohnya ada lima syarikat menghantar kepada mereka yang ada— Sekejap ya Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Kelulusan khas yang diperakui oleh pihak MDN atau KSU. Contohnya, untuk bilangan 10 syarikat, tarikh pertimbangan oleh MDN pada 12 April 2018, nama pengantara oleh Encik Mohd Arshad bin Abu Bakar. Maksudnya Encik Mohd Arshad akan membawa nama-nama syarikat ini untuk memohon...

■1120

**Tuan Pengerusi:** Maknanya individu adalah pengantara ini ya?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Oh, macam *runner* lah ini.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya, *runner* Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** *Chairman*, saya hendak tanya soalan *follow up* boleh ya? Terima kasih. Okey, kalau ke muka surat dua, slaid itu saya hendak tanya sebelum kita teruskan, sama ada dalam audit itu, *did you all find out whether there is actually some sort of body KSM kah, JKK all these right, is there a body that is like ombudsman for them, the workers to complain about issues*, ada tidak? Dalam KDN ada tidak dia satu divisyen yang jaga kepentingan pekerja asing yang ditindas ataupun dibuli oleh majikan. Sama ada atau kalau tidak ada maknanya *we should make a recommendation* lah, betul tidak?

*I mean we are trying to clean up all these messes here, but the most important client I think to some extent is the worker himself, the foreign workers who are mistreated and also you know being treated around like nobody's business.*

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Saya hendak jawab?

**Tuan Wong Chen:** Ya, sila.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Untuk urusan pekerja asing, prosedur utamanya boleh kita lihat pada slaid yang berikutnya yang ada ketiga itu, yang ada carta itu. Ini proses keseluruhan pekerja asing yang sepatutnya yang cantik. Sekiranya berlakunya kelulusan khas ada beberapa peringkat mereka akan langkai. *So, bypass* lah.

Di peringkat pertama kawalan penilaian majikan, maksudnya majikan akan datang ke JTKSM ataupun Kementerian Sumber Manusia di mana jabatan ini di tempatkan mereka memohon untuk pekerja asing. Peringkat pertama mereka perlu iklankan kekosongan jawatan untuk memberi keutamaan kepada rakyat tempatan. Akan tetapi *finding*...



**Tuan Pengerusi:** Iklan itu berapa lama?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** *Finding* kita *once* dia iklan sahaja mereka terus boleh mohon dalam sistem ePPAx, sistem yang dibangunkan oleh KSM. Tidak ada tempoh ditetapkan. Maksudnya dia sudah dapat ID...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya, boleh Yang Berhormat. Jadi waktu di sini selepas mereka mohon di ePPAx, JTKSM, jawatankuasa ini akan menilai kelayakan majikan ini sama ada mereka mematuhi Akta Buruh, mempunyai kewangan yang kukuh, SSM nya okey dan *all those things* yang berkaitan dengan kelayakan majikanlah. Sekiranya mereka lulus untuk saringan ini mereka akan diberi surat sokongan oleh JTKSM. Maksudnya mereka layak untuk membawa pekerja asing.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** Tuan Pengerusi *I think before* Dr. Yati *proceeds with the procedure to answer* Yang Berhormat Subang punya soalan tadi, *whether there is a body* ataupun *ombudsman for workers to complain on abuses* dan sebagainya, *I think more like fully this should come under* KSM lah. KSM *because our main auditee* di sini di peringkat KSM kita hanya melihat dari segi permohonan kerja, pengiklanan kan jadi aspek itu mungkin ada, kita tidak berani hendak kata tidak ada sebab *we didn't go into in depth on that part. Maybe you can ask* KSM nanti bila dia hadir ya. Itu yang...

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Saya rasa saya belum habis...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya begini. Nanti sekejap yang tadi Dr. bagi tahu. Fahamkan saya mengenai perkara ini.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Dia hendak mohon, dia masuk iklan dalam *JobsMalaysia* itulah untuk mencari pekerja.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi dalam waktu yang sama dia mohon juga untuk pekerja asing inikah?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya, dalam sistem ePPAx itu adalah sistem untuk memohon pekerja asing. *JobsMalaysia* adalah iklan.

**Tuan Pengerusi:** Oh, maknanya *intention* itu tidak berapa betul.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya dia kena perbetulkan dari situ. Betul tidak, betul tidak maksud saya. Sefahaman saya ini.



**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Kalau saya boleh tambahlah. Dalam iklan itu memaklumkan bahawa ada kekosongan...

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** ...Di industri berkenaan, kita memerlukan begini, begini dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, betul, ya lah.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** So, itu diberi peluang untuk pekerja tempatanlah.

**Tuan Pengerusi:** Tempatan, betul.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** *It is not for* pekerja asing.

**Tuan Pengerusi:** *That one* pekerja tempatan.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** *Then* dalam masa yang sama *the* proses itu berjalan.

**Tuan Pengerusi:** Dia proses dia menjadi orang lah ini.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya itu sebab saya tanya berapa lama...

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Kalau *no limit*...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Boleh saya tambah. *That means if I can conclude, just for syorlah in other words because the process doesn't allow for some due diligence.*

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Di sini menjawab soalan Yang Berhormat tadi sama ada, ada pihak yang memantau atau tidak? Sepatutnya JTKSM tadi adalah peranannya di situ. Dia menilai majikan itu layak atau tidak. Akan tetapi di sini selepas majikan mendapat surat sokongan, sistem ePPAx tidak bercantum dengan sistem di KDN. Jadi majikan-majikan yang telah mendapat kelulusan untuk membawa pekerja asing berdasarkan kelulusan tadi, bila KDN dan seterusnya proses berlaku dia tidak tahu syarikat tadi majikan diluluskan tetapi tidak tahu berapa, bila majikan ambil, siapa pekerja mereka melainkan ada laporan oleh pihak yang dianiaya tadi contohnya pekerja terhadap JTKSM, baru JTKSM akan membuat siasatan atau mengambil tindakan berdasarkan Akta Buruh.

Jadi selepas mereka mendapat surat sokongan, mereka akan pergi ke KDN untuk *one stop centre* dan proses seterusnya akan berterusan lah dan akan membawa— kuota di sini akan diperoleh dan akan diproses saringan di luar negara.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya yang proses ini, kuota ini bawah kelulusan khas jugalah ini?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Tuan Pengerusi ini sistem yang betul, yang cantik belum khas lagi. Kalau khas dia tidak melalui langsung...

**Tuan Pengerusi:** Sistem?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Bukan, tidak melalui JTKSM, dia terus ke KDN. Terus ke Menteri Dalam Negeri. Maksudnya prosedur yang awal tadi tidak ada. Kalau ikut rekod kita kolum pertama, kalau ikut kita senaraikan analisis majikan, 6,748 majikan yang melalui kelulusan khas tidak melalui JCS tadi. Maksudnya JCS ini berada di KSM, JTKSM. *Job Clearing System*.

Sebab Tuan Pengerusi kalau ikutkan rekod kita itu... [Disampuk] 6,748 majikan.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** *Chairman*, cuma hendak buat perbandingan. Kalau antara yang *direct* itu. Akan tetapi kalau yang melalui Jawatankuasa tadi itu berapa banyak?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Melalui kelulusan khas data kita 2016 sehingga 2018 majikan yang mendapat kelulusan khas 7,784 majikan. Memohon melalui ePPAx ada rekodlah. Maksudnya mungkin hari itu dia sudah buat melalui prosedur yang betul akan tetapi disebabkan kuota mereka sudah penuh, mereka akan buat rayuan untuk dapat kelulusan khas. Jadi majikan ini ada memohon melalui sistem atau melalui JCS, 1,036. Jadi bakinya 6,748 tidak memohon melalui ePPAx. Tidak melalui JTKSM atau tidak melalui JSC. 6,748.

**Tuan Pengerusi:** 6,748 ini tidak yang tidak melalui...

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya, yang tidak melalui ePPAx ataupun JCS.

**Tuan Pengerusi:** Yang melalui?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** 1,036.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Oh, lagi banyak yang tidak melalui.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya, saya. Oleh sebab yang melalui—majikan yang dapat kelulusan khas 7,784 bagi tempoh tiga tahun Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya hendak tanya, majikan ini adakah tertakluk kepada ejen sekali? Ini kerana mereka yang dapat banyak.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Sekarang ini semua permohonan majikan perlu hadir sendiri, tetapi yang *runner* dia memanglah melibatkan ejen Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ejen yang 10 ejen tadi itulah?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Minta yang sebelum ini, sebelum ini.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** 10 ejen? Bukan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Pengantara, pengantara.

**Tuan Pengerusi:** 10 ejen, 10 yang tadi itu. Pengantara.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Itu pengantara. Tuan Pengerusi kalau ikut rekod kami ini, ini adalah perakuan yang diluluskan oleh KSU ataupun SUB PA tetapi ia tidak melanggar peraturan



sebenarnya. Cuma kami *report* dalam pemerhatian, pengantara ini ada sembilan pengantara yang ada rekod kami...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Nama ada?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ada. Encik Mohd Arshad bin Abu Bakar...

**Tuan Pengerusi:** Sebelum itu, sebelum itu.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Lajunya hendak sebut nama. Ini saya hendak tanya... *[Ketawa]* Saya hendak tanya. *[Ketawa]* Dia sudah tahu kita hendak menanya. Akan tetapi sebelum itu siapa yang luluskan senarai ini? Senarai pengantara ini?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Tidak ada, tidak ada sebarang kelulusan.

**Tuan Pengerusi:** Habis macam mana dia ini boleh diiktiraf dan juga ada lantikan dan kita *acknowledge* dia sebagai...

■1130

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Yang Berhormat, kalau ikut fail yang kita semak, surat-surat itu ada nama-nama perantara ini sebab mereka ada alamat semua, bukan. Jadi mereka hantar, memohon untuk kelulusan khas tanpa melalui JCS ataupun sistem. Jadi, di situ, Menteri akan minitkan, "*Sila uruskan*", "*Diluluskan*", SUB atau macam itulah. Dia minit di situ. Jadi, surat itu akan turun ke KDN untuk arahan untuk proses seterusnya. Akan tetapi untuk tujuan supaya teratur, pihak BPPA juga mengambil inisiatif menyemak *properly* permohonan majikan tadi itu sama ada mereka betul-betul layak atau tidak. Mereka saring jugalah.

**Tuan Pengerusi:** Saring juga lah.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Walaupun dia mohon, contohnya untuk 10 buah syarikat itu ada 1,500 pekerja asing yang dimohon tetapi yang diperakukan oleh pihak KDN, tidak sampai 1,500 lah. Ada lagi peringkat saringan mereka lah. Cuma ia memberi kesan kepada pegawai di BPPA, sepatutnya tanggungjawab itu diuruskan di peringkat KSM yang menilai syarikat-syarikat tadi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi, sebab...

**Tuan Pengerusi:** Tadi yang saya berhentikan dia sebab nama itu kan? Kalau dia hendak sambung bolehlah Dr. Yati, kalau hendak sambung.

*[Ahli-ahli Jawatankuasa berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Boleh baca?

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Kalau baca, masuk *Hansard*. Boleh baca.

*[Ahli-ahli Jawatankuasa berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*



**Tuan Pengerusi:** Bolehlah, bolehlah sebab ini pun kita tidak keluarkan...

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Boleh *on mic*? [Ketawa] Okey. Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Alwi bin Haji Che Ahmad, Yang Berhormat Muhammad Yusof bin Haji Mohd Nor, Tuan Haji Mohd Jamil bin Selamat, Puan Sri Dayana Kartika, Tan Sri Pandikar Amin, Tan Sri Haji Noh Omar, Haji Fuad bin Haji Othman dan Dato' Masir Kujat. Ya, ini ada dalam rekod kitalah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Pekerja asing untuk pembantu rumah kah atau pekerja-pekerja?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Yang Berhormat, yang kita audit ini semua pekerja asing, tidak termasuk pembantu rumah. Tidak ada.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Hendak tanya, adakah permohonan ini datang daripada majikan ataupun ejen? Daripada majikan ataupun ejen?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Dr., adakah Tan Sri Noh Omar?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Tan Sri Haji Noh Omar.

[Ahli-ahli Jawatankuasa berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Yang Berhormat, ini yang kita ambil. Ada banyak sebenarnya lagi perantara yang lain. [Ketawa] Tidak ada. Ini sebab ia...

**Tuan Pengerusi:** Ini yang besar?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Bukan. Ini sampel yang kita rekod.

**Tuan Pengerusi:** Oh, sampel. Macam mana ambil sampel itu?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ini...

**Tuan Pengerusi:** Sampel itu berdasarkan apa?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Yang Berhormat, ini kelulusan khas, diperakukan oleh KSU dan Setiausaha Bahagian kerana dalam tempoh tersebut tiada perakuan oleh Menteri itu sendiri. Maksudnya, Menteri cuma minit, ia punya minit ceraihan itu tidak ada tandatangan, akhirnya tidak ada perakuan oleh— Akan tetapi SOP masih teratur.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Hendak tanya, menjadi perantara ini menjadi satu kesalahan kah atau tidak?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Tidak.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tidak ya? Itu maknanya kebijaksanaan masing-masing.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kita semua baik di sini. Tipu kalau ada, *declare*.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Itu belum lagi disemak. Itu setakat yang disemak.

**Tuan Wong Chen:** Saya hendak tahu Dr., di sini. Pada pendapat Dr., lebih kurang senarai ini berapa orang? Apa yang dibacakan itu 10 orang. *You think the number is like* 100 orang kah atau 200 orang kah? Soalan kedua, perantara ini adakah mereka boleh dapat boleh *profit* daripada status mereka?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Itu di luar kami punya skop. Tidak ada senarai keseluruhan Yang Berhormat, minta maaf.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Rough figure, how many?*

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Oleh sebabnya perantara, selain ada nama-nama tertentu, ia ada juga melalui ejen-ejen pencari kerja. Maksudnya, ada syarikat tertentu.

**Tuan Pengerusi:** Dr. cakap nama-nama tertentu itu, maksudnya apa?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Maksudnya ada— Oleh sebabnya, dalam surat-surat yang mohon itu, namanya pelbagai. Ada yang persendirian yang melalui terus Menteri. Jadi, kita tidak ambillah rekod keseluruhan tetapi dalam fail kita semua ada. Cuma kami ambil sampel 10 orang ini sebab ia diperakukan oleh KSU atau SUB. Itu sahaja yang kami rekodkan dalam pemerhatian.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *Chairman...*

**Tuan Pengerusi:** Jadinya, bila sampel— Sekejap, ustaz. Oleh sebab bila kita bercakap mengenai sampel, sampel itu ia mesti ada asas. Asasnya adalah mungkin— itu yang saya tadi tanya, sampel ini berdasarkan apa? Adakah kerana *random*? Keduanya, ataupun kalau nama itu *very significant*, maka ia diambil, dijadikan sampel ataupun mungkin *timeframe*. Oleh sebab itu saya hendak tahu sampel ini berdasarkan apa? Maka, nama 10 orang ini keluar. Itu yang saya hendak minta maklum balas mengenai perkara ini.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Mungkin boleh tambah sedikit Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Minta Dr. dulu.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Okey, untuk yang tadi itu sebab kami punya tempoh pengauditan adalah 2016 hingga 2018. Jadi, senarai 10 yang terpilih ini kerana ia ada isu, kita bawa ke hadapan sebab tiada tandatangan perakuan akhir oleh Menteri Dalam Negeri. Untuk yang lain-lain itu, disebabkan ia mematuhi JKPA punya keperluan iaitu MDN mempunyai kuasa untuk lulus, kita tidak ambil rekod itu untuk kita jadikan pemerhatian Audit kepada pihak kementerian. Jadi, yang itu cuma dalam rekod, kita tidak laporkan kepada pihak kementerian untuk tindakan lanjut.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** *Chairman...*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*



**Tuan Wong Chen:** *Sorry* ustaz. Oleh sebab saya hendak *follow up question* saya tadi, belum jawab lagi itu. Kita tahu kalau perantara ini di-*appointed officially*, memang *legal*. Soalan saya ialah adakah perantara ini buat *business*, jadi broker, boleh untung besar sebagai perantara?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Itu tidak ada rekod untuk kita laporkan. *Beyond our controls* sebab...

**Tuan Pengerusi:** Sekejap Dr., tutup...

[Ahli-ahli Jawatankuasa berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *This 'area' is a red flag. So, I think the enforcement agency boleh pursue on that, because it is beyond our Audit punya skop lah. We do not go beyond* hendak *investigate*.

**Tuan Wong Chen:** *So, I would like to tell the— At least, ask the SPRM department to look into this matter. If they are doing a real business, not just brokering* ataupun tulis nama sahaja, pakai nama, *then okay. It is legal, you can do a business, no problem.* Kalau dia tidak buat input tetapi untung RM2,000 atau RM3,000 seorang pekerja, *that is something wrong.*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *Chairman*, saya sebenarnya semakin tidak faham sebab kita masih dalam pengenalan, bukan? Kita belum masuk lagi penemuan Audit. [Disampuk] *On issue.*

**Seorang Ahli:** Isu dia.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Oh, ini *part of* ini. Okey, kalau sebut fasal pengantara ini, saya cuba hendak memahami apakah tugas sebenar pengantara dalam proses ini? Ini disebabkan kalau disebutkan pengantara tadi sebagai *runner*, saya tadi terfikir bahawa dia— Saya fikir dia adalah seorang pembawa fail, pergi mewakili syarikat majikan untuk pergi berurusan di kementerian, dia ulang-alik. Akan tetapi bila keluar nama besar, saya tidak fikir itu *runner*. Itu *something* yang lain yang perlu didefinisikan kepada kami supaya kami dapat memahami apakah sebenarnya peranan pengantara ini.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Okey, Yang Berhormat. Contoh surat yang kami lihat ya. [Membaca sepucuk surat] Alamat kepada Yang Berhormat Dato' Sri Menteri KDN yang lama, oleh "Mohd Yusof bin Jamaludin, No. 48, Jalan Abdul Latif Batu Pahat, Johor Darul Takzim".

**Tuan Pengerusi:** Batu Pahat pula itu.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Alamat. Jadi, Audit anggap itu surat mereka. [Membaca sepucuk surat] "Yang Berhormat Dato' Sri, Perkara: Permohonan Kelulusan Khas Pekerja Asing untuk Sektor Perkilangan, Perkhidmatan, Pembinaan, Pertanian dan Perladangan dari Negara Sumber

*Secara Manual Tanpa Kiraan Nisbah (Kuota) dan Pengecualian Perakuan GCS dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia”.*

■1140

Ini bermaksud tidak melalui prosedur yang pertama. “*Saya ingin memohon jasa baik Yang Berhormat Dato’ Seri untuk memberi kelulusan khas kepada pekerja asing dari negara sumber tanpa kiraan nisbah dan dikecualikan daripada perakuan JCS dan JTKSM. Berikut adalah senarai syarikat bagi permohonan kelulusan khas Yang Berhormat Dato’ Seri.*”

So, ada beberapa nama syarikat dan sektornya, jumlah yang dimohon oleh syarikat tersebut. Ini salah satu contoh yang saya boleh...

**Tuan Wong Chen:** Jumlah itu berapa dalam surat itu?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Dalam...

**Tuan Wong Chen:** Jumlah pekerja?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Jumlah pekerja –minta maaf. Kita punya contoh yang saya ini – contohnya ada dalam surat ini ada 16 syarikat. Syarikat pertama mohon 50 pekerja. Syarikat kedua 50, 50 pekerja. Macam itulah Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen:** Ini bermakna lebih kurang 800 pekerjalah. *In one letter, you can write approval to bypass 800 pekerja. Tanpa sistem.*

**Dr. Yati binti Md Lasa:** *I think more than that, to say.*

**Tuan Wong Chen:** *More than that?*

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya, ya.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Sebenarnya, penama tadi siapa? Mohd Yusof bin Haji Mohd Nor, ya?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Akan tetapi, macam saya kata tadi, BPA akan menyaring lagilah...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Ya, ya *lah.*

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Menapis dan kelulusan akhirnya bukanlah keseluruhannya. Ini sebab mereka lihat juga sama ada majikan ini betul layak, ada *double application* atau tidak. Ini sebab ada –untuk makluman Yang Berhormat semua, ada kalanya syarikat ini menggunakan pengantara yang ini. Ada juga syarikat itu guna juga pengantara yang kedua untuk memohon. Jadi, BPPA atau KDN akan menyemak betul-betullah. Tidak ada *double application*-lah.

**Tuan Pengerusi:** *Double application.*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** So, maknanya saya hendak kefahaman sajalah. Ini bermakna Mohd Yusof tadi itu, dia adalah merupakan pengantara. Satu contoh tugas pengantara.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya.



**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Terima kasih.

**Tuan Wong Chen:** Dr. Yati, soalan tambahan saya, okey. *You* sudah buat *sample*, betul?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** Satu surat 800 orang. Lebih kurang 800 orang sampai ke 1,000 oranglah. *What percentage* dalam *sample you* yang boleh *bypass*. Kalau ada 1,000 kes *you* tengok, kalau 200 *bypass* melalui surat, maknanya 20 peratus. *Do you have any idea what percentage?*

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Kalau *percentage* dia, kelulusan khas itu, kita banding dengan kuota baharu itulah. Berapa ratus?

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Dekat dengan 500.

**Tuan Wong Chen:** Lebih kurang. *I mean...*

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Dalam *more than that...*

**Tuan Wong Chen:** Kami hendak tahu berapa peratus melalui proses yang biasa? Berapa peratus yang *bypass*?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** 60 peratus.

**Tuan Wong Chen:** 60 peratus *bypass*?

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Ya, kalau ikutkanlah.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ini sebab kalau ikutkan *finding* kita, yang lulus kelulusan khas, 512,315 permohonan untuk tempoh tiga tahun. Akan tetapi, yang prosedur betul...

**Tuan Pengerusi:** Yang Dr. Yati bagi ini untuk yang inilah ya?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya. Ya.

**Tuan Pengerusi:** Yang tadi itu *kah*?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya, betul

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey.

**Tuan Wong Chen:** *This is because...*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya ingin...

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Cuma, kelulusan khas tadi untuk makluman Yang Berhormat ada dua *kan*? Satu memang melalui terus MDN. Ada yang melalui jawatankuasa khas tadi.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Sebelum saya bagi mikrofon itu...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Itu sebab saya tanya Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap Yang Berhormat Jasin. Ini sebab Yang Berhormat Kuala Krau hendak bertanya dulu. Selepas itu Yang Berhormat Jasin. Akan tetapi, saya hendak ingatkan Mesyuarat bahawa kita sudah 45 minit sudah dekat dalam ini. Okey, sebelum itu, Yang Berhormat Kuala Krau.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Okey. Yang saya faham, pengantara ini bukan *runner*. Dia adalah pemohon bagi pihak beberapa syarikat. Betul tidak? Dia yang menghantar surat permohonan.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Ya.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya. Betul, betul.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Kalau *runner*, dia lain.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Ya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Dia ejen –hendak kata ejen pun dia bukan ejen.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Kami namakan dia pengantarah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Ya *lah*. Akan tetapi, pengantara itu bukan *reflect* kepada *runner*-lah. Kalau *runner* itu lain.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Ya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Pengantara ini tidak salah *kan*?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Tidak.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tidak.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi, tadi saya tanya tadi. Adakah permohonan yang datang daripada majikan ataupun ejen? Yang besar tadi ejen. Fasal ejen ini kalau dia minta, dia bukan saja tidak melalui KSM bahkan sebenarnya tidak menggunakan kuota langsung. Ini fasal kalau peraturan yang lama, peraturan dulu, *for every two workers, Malaysian workers*, satu orang saja pekerja asing. *Two to one*. Akan tetapi, kalau dibuat macam ini...

**Tuan Wong Chen:** Habislah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ia sudah terbalik sudah. Satu ke dua ataupun sepuluh ke satu. Ini bermakna tidak berapa tepatlah.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Yang Berhormat, untuk respons kepada soalan itu, dalam kes ini, ejen tidak ada memohon. Ini disebabkan semua yang mohon melalui pengantara atau kelulusan khas ini adalah majikan. Ini disebabkan mereka mesti berdaftar sebagai syarikat yang sah dan memang layak untuk mengambil pekerja asing berdasarkan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Dr. Yati, apabila you cakap yang penama tadi itu, dia jadi ejenlah.

**Seorang Ahli:** Pengantara.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Dia mewakili majikan. *Kan*?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya *lah*. Kalau bahasa *inverted commas*-nya macam ejenlah.



**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *In bracket, ejenlah.*

**Tuan Pengerusi:** Yang lain dapat itu, dia dapat komisen kah?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Luar, luar skop... *[Ketawa]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Wong Chen:** SPRM

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Ini mengalahkan SPRM lah *you* ni. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Kah Woh [Bukit Bendera]:** Ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey.

**Tuan Wong Kah Woh:** Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ada soalan. Maaf ya tadi saya terlambat masuk. Mungkin tertinggal mana-mana. Akan tetapi, apabila saya terdengar nama-nama yang disebut oleh Dr. Yati, *no worry, no worry. This is PAC, you can say anything.* Cuma, saya hendak dapatkan pencerahan ataupun penjelasan lanjut. Apakah peranan mereka? Apakah yang telah dibuat oleh nama-nama ini? Katakan surat permohonan, surat sokongan dan sebagainya.

Actually, PAC di sini, *we are not here to actually find fault on them or what.* Kadang-kadang mungkin secara *genuine*, ada surat sokongan *kah* atau surat rayuan *kah* daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat. *So, we have to clear their names also.* So, mungkin Dr. Yati jangan secara *–don't just mention the name but let us know in details what have they done? What –* apakah peranan yang mereka mainkan dalam kuota-kuota yang diluluskan itu?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *The general calculation.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *I think it needs to be specific. Who has done what and so on? This is because I believe there are some genuine cases.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *There is always something.*

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab itu, tadi saya tanya *sample* itu asasnya apa? Ke sebab nama...

**Tuan Wong Kah Woh:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Nama Tan Sri Panglima Pandikar Amin bin Mulia. Jadinya, *wah*, ambil nama ini sebab ini nama besar. Itu yang saya tanya tadi Dr. Yati. Bukannya apa.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Oh ya. Okey, okey.

**Tuan Pengerusi:** *This is because we need to know the basis of the sample.*

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Yang itu saya sudah jawab kan Yang Berhormat? Okey. Yang Yang Berhormat tanya tadi berkaitan dengan apa peranan mereka? Berdasarkan semakan Audit, kita lihat apabila ada kelulusan khas, mengapa ia berlaku? Ini disebabkan berdasarkan kebenaran JKPA tadi, *kan.* Jadi, kita lihat balik. Siapa yang memohon? Jadi, macam saya

terangkan tadi. Surat yang dikemukakan oleh nama tertentu untuk senarai syarikat, mereka akan minit –hantar kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri akan minit-kan surat permohonan itu kepada pegawai KDN.

Jadi, contohnya Pejabat Perdana Menteri hantar kepada SUB Bahagian Pengurusan Pekerja Asing untuk uruskan permohonan kelulusan khas ini. Jadi, selepas menerima surat ini, mereka akan membuat saringan atau menyemak butiran syarikat yang memohon dan membuat syor secara minit ceraian kepada –mereka akan sepatutnya balik semula kepada MDN. Syarikat mana yang layak dan boleh mendapat pekerja asinglah.

Jadi, di situ ada tiga pihak yang akan membuat perakuan iaitu Yang Berhormat Menteri akan bersetuju dengan syor yang telah dibuat oleh Bahagian Pengurusan Pekerja Asing tadi. Prosedurnya macam itu. Peranan mereka seperti itulah.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Okey. Tuan Pengerusi, boleh saya tanya tidak?

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Nama-nama syarikat tersebut akan disenaraikan dalam surat pengantara dan yang disebut tadi tanpa menerusi...

**Dr. Yati binti Md Lasa:** JCS.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** JCS ya?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya saya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Adakah pihak jawatankuasa ini akan meneliti betul tidak syarikat itu wujud dan syarikat itu memerlukan pekerja asing?

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Kalau ikutkan semakan Audit kita, mereka semaklah. Memang layak disebabkan mereka akan berpandukan kepada Buku Panduan Dasar ini. Maksudnya syarikat itu, pembinaan *kah* apa? Berapa kuota yang perlu mereka ambil? Mereka akan siasat sampai situlah. Ini disebabkan nama syarikat itu ada nombor syarikat untuk menyatakan syarikat itu syarikat yang berdaftar yang sah.

Untuk kata penilaiannya berapa itu, mungkin pihak Yang Berhormat kena bertanya pihak *auditee* lebih lanjutlah. Macam mana mereka –yang itu agak susah untuk Audit terangkan di situ.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Untuk bilangan sebenar itu, you tahulah? [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi:** Kita tanya nanti. Kita boleh tanya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Bilangan berdasarkan perakuan itulah. Di dalam surat itu.



## ■1150

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi banyak kita boleh tanya dengan dia orang. Macam soalan-soalan yang kita dah tanya, kita tak pasti itu kita boleh tanya juga. Jadinya, mungkin Audit boleh terus pergi kepada apa penemuan lah kot. Isu dan kemudian boleh membantu kita dari segi macam mana. Lagi mudah macam itu.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Okey.

[Ketawa]

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** [Ketawa] Okey. *The second issue*. Tadi *the first issue* itu. *The second is* tempoh masa tidak ditetapkan dalam majikan mengiklankan kekosongan. Tadi pun kita sudah bincang. Seramai 21 ribu lebih orang pekerja asing daripada 123 majikan didapati tidak mematuhi dasar yang menetapkan kelulusan kuota pembayaran levi kali pertama di BPPA KDN. Seramai 84,000 orang bakal pekerja asing telah menjalani saringan di negara sumber secara tidak teratur, melakukan saringan Bio-Medical terlebih dahulu sebelum saringan ISC. Ini pun menunjukkan kelemahan tadi lah, di negara sumber ya. Dua sistem wujud itu. ISC dan Bio-Medical. Seterusnya...

**Tuan Pengerusi:** [Berucap tanpa pembesar suara] Maknanya, sistem itu dekat sana lain, dekat sini lain ya?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *No. It is in* negara sumber, we...

**Tuan Pengerusi:** [Berucap tanpa pembesar suara] Negara sumber ada dua sistem?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** Ya. Kita ada punya *appointed* syarikat untuk *handle* ya. *One is* ISC and *another is* Bio-Medical. Mengikut ia punya *sort of* peraturan or SOP, keperluan syarikat tadi selepas diluluskan oleh KDN. Katakan *they applied for* 100, *approved* 50. *So, the agent for* syarikat di negara sumber akan membuat saringan pekerja 50 orang itu. *Then, they have to go through* ISC dengan Bio-Medical. *The procedure is* ISC dahulu, *Immigration security clearance*. *But in this case, we found out that there are cases they do the other way around*. Itu yang kita perhatikan. *The last point* Tuan Pengerusi, seramai 1,000 orang pekerja asing gagal pemeriksaan kesihatan FOMEMA tetapi telah mendapat pas...

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] PLKS.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** Sorry. Pas apa tadi?

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Pas Kerja Sementara.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** Pas Kerja Sementara. Okey. Itu merupakan isu utama ya, Tuan Pengerusi. Saya juga rasa dalam perbincangan dengan pihak KSM, KDN dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), kita juga saya rasa perlu menekankan kepada *the integration*

of system itu. Disebabkan ada sistem yang tidak bercakap antara satu sama lain, semasa KSM— *why must there be a manual sijil to be brought up to KDN? So, it resulted in KDN having to verify.* Padahal benda proses itu dikatakan *must be cleared within a day. If you go by system, we know that they have gone through the screening of KSM, contohnya kan? So, connected to KDN system. Another issue on sistem ini adalah apabila ia forgo the normal process tadi, kelulusan khas. Itu yang menjadi masalah dari segi kelulusan, levi yang diluluskan disebabkan— dalam sistem ini, once the levy is approved, they have to pay for a certain amount based on the approved number of pekerja. This system allows syarikat untuk membayar secara staggered lah.*

*But what happened— yang findings kita yang ada dalam ini nanti, menunjukkan bahawa there is fraud. I mean, we suspect ada berlaku fraud, di mana levi yang sepatut dibayar, recorded dalam sistem as 'paid and received', but in actual fact it is not accounted for dalam JIM punya sistem. Okey? It is a very serious matter lah, okey.*

**Tuan Wong Chen:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] The amount berapa?*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Tahu tak?*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *The amount involved— berapa?*

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] 24.*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *RM24.55 million. Okey. It could be more. Because this is the period...*

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa pembesar suara] Sample only*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *Ya, a sample only. It could be more. Alright. So, the reason for this is, because ID of Immigration officer was being used. Kita punya suspicion, but there is no evidence ya. We think that there could be a collaboration between the system developer ke apa kan? The vendor. Because, there are so many connections to JIM. MyIMMs punya sistem itu. [Menunjukkan slaid] Even the agent di negara sumber itu, ISC itu connected to it for screening.*

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa pembesar suara] Yang dekat sana boleh connected to...*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *Connected to it. Yes. What I am trying to say is, yes it needs to be connected. Okay, fine. But we are not sure of how stringent is the security measure. The internet control dan sebagainya. Those kinds of things open up to banyaklah boleh perkara yang berlaku.*

**Tuan Pengerusi:** Bermaksud, tak ada security lah sistem ini.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *No, Tuan Pengerusi...*



**Tuan Pengerusi:** Macam mana...

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *...I would not say...*

**Tuan Pengerusi:** *The password share* ramai-ramai, macam itu?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *[Ketawa]* Itulah yang kita— penemuan kita, ID pegawai imigresen. *He can be in Pahang or apa tu but, showing activity going on* hari cuti dan luar *office hours*. Luar *office hours*. Okey, *what is...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* On Malaysia *shore* lah? Bukan luar?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** Ya, ya. Dalam Malaysia, *but it could be somewhere it is happening* kan? *Remotely doing it*. So, *what happened was this officer* sudah kita *identify*. So, *they have made a police report that their IDs were being misused* lah. Okey, *but under investigation* lah. *Right*. Setakat itu, Tuan Pengerusi.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Okey. Boleh minta satu, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. *Since he is under investigation*, jadi maksudnya senarai itu, *does it match*, padan tak dengan senarai yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri? Contohnya, *because to— or is it completely different?*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *This one is a— we are talking more about ID control within system* ya. MyIMMs system under Immigration okey, the ID control is very loose, in a way. *Because, an ID is unique to an officer, but we see activities which are not- should not be happening—* yang berlaku ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *[Mencelah]* Ada dua soalan saya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, *quickly*.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Okey, *quickly* ya. Saya hendak tanya. Kalau kita tengok apa yang berlaku ini, sistem— sebab kita sedang juga- Dalam minggu lepas, kita membincangkan tentang kemasukan pelajar asing. Sekarang ini adalah kemasukan pekerja asing. Sebagai sebuah kerajaan, adakah sepatutnya format yang sama, sistem yang sama, kita buat yang terbaik supaya perkara-perkara itu mudah diuruskan? Tak payah kita beli lagi *scanner whatever it is* yang sebagaimana yang kita sebutlah. Oleh sebab kita hendak cantumkan nanti. Oleh sebab *you all* merayau ke semua jabatan bukan? So, *you* tahu the *problem* dan sepatutnya kita kena...

**Tuan Wong Chen:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Janganlah guna “merayau”.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** ...kita kena persembahkan. Kalau tidak ia akan...

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** ...kalau tak, ia akan habis begitu sahaja. Kedua, saya hendak tanya. Bila *you* audit-audit ini, adakah sistem ataupun perkara yang berlaku ini masih berlaku dalam kerajaan yang baharu? Oleh sebab saya tak nak mewarisi...

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sama lah.

*[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih banyak Tuan Haji...

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Oh, dia jawab ya? Okey

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *Because, we are talking holistically about system* tadi, bukan?

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yes.

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** So, ini mewarisi ini. Selagi sistem *is there, we cannot be assured that* benda itu tak berlaku lah. Kecuali *now, what we have suggested to JIM is to tighten up on ID control. Because,* dalam pengurusan sistem ini, jikalau *ID control* di peringkat jabatan, *it cannot be blamed entirely on... yang happening tu because of that. But, there are... control* dalam jabatan. *System administrator. Because...*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Membawa maksud, contohnya pengantara tadi masih ada lagi dalam sistem selepas perubahan ini?

**Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan:** *No, here is not about* pengantara, Yang Berhormat ya. *It is more on the— now we are talking about the system.* Apa yang mengendalikan sistem itu. Ya, okey. *Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Eh, nak pergi *toilet*. Jangan pergi berdua. Lelaki, bahaya. Okey, teruskan.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Tuan Pengerusi, nombor 8 itu penting juga lah. Nombor 8 itu.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Dia kata 70 percent daripada 41,000 itu...

**Tuan Pengerusi:** Okey, boleh tak beri perhatian sikit?



**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** ...Yang gagal FOMEMA, patutnya *within* dalam tempoh sebulan kena hantar balik

**Tuan Pengerusi:** Yes.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Akan tetapi *Check Out Memo* tidak dikeluarkan. Jadi, 29,000 ataupun bersamaan 70 peratus itu kita tak tahu di mana...

**Tuan Pengerusi:** Ia merata-rata lah.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** ...sama ada di...

**Tuan Pengerusi:** Sama ada balik ataupun sama ada di Malaysia.

**Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail:** Ya. Itu pun kelemahan ia lah.

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey. *Alright*.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Bahaya kepada kesihatan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, betul. Oleh sebab ada tibi, ada apa semua ini. Okey, terima kasih banyak kepada Jabatan Audit Negara. Boleh tolong bantu duduk belakang. Terima kasih banyak Tuan Haji, terima kasih Audit, bekerja keras.

**[Saksi dari Kementerian Dalam Negeri/Kementerian Sumber Manusia/Jabatan Imigresen Malaysia mengambil tempat di depan Jawatankuasa]**

■1200

12.04 tghri.

**Tuan Pengerusi:** Okey, kita boleh mulakan prosiding kita. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat pagi semua. Hadir di hadapan PAC Parlimen ketika ini adalah Yang Berbahagia Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim selaku Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri (KDN), Yang Berbahagia Dato' Amir bin Omar selaku Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Sumber Manusia (KSM), Yang Berbahagia Dato' Wan Ahmad Dahlan bin Haji Ab. Aziz selaku Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Dasar dan Kawalan KDN, Yang Berbahagia Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud selaku Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia serta barisan pengurusan kanan dari KDN dan KSM.

Terlebih dahulu bagi pihak PAC Parlimen, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri, Yang Berbahagia Datuk, Dato', tuan-tuan, puan-puan sekalian kerana hadir dalam prosiding PAC Parlimen. Tajuk yang kita bincangkan adalah berhubung aktiviti kawalan pekerja asing.

Untuk saya rekodkan di sini, ini adalah kali pertama bagi PAC Parlimen Penggal Ke-14, kita telah memanggil dua KSU secara serentak dalam satu prosiding. Kami di PAC Parlimen memang-lah mengucapkan ribuan terima kasih kepada komitmen kedua-dua KSU dari KDN dan juga KSM atas komitmen yang diberikan kepada jawatankuasa tetap Parlimen ini.

Yang Berbahagia Tan Sri dan Datuk, Dato' semua, sebentar tadi dalam masa semasa Yang Berbahagia Tan Sri dan Dato' semua menunggu di luar, PAC telah mendengar taklimat ringkas daripada Yang Berusaha Tuan Haji Khalid Khan selaku Timbalan Ketua Audit Negara Bahagian Prestasi berhubung dengan aktiviti kawalan pekerja asing termasuk status terkini di dalam AG Dashboard. Jadinya saya tidak mahu membuang masa, jadinya saya jemput mungkin Yang Berbahagia Tan Sri dahulu yang akan memberikan keterangan dan juga Yang Berbahagia Dato' KSU akan memberikan keterangan dan juga penjelasan berhubung isu aktiviti kawalan pekerja asing. Ini adalah dilaporkan dalam LKAN Tahun 2018 Siri 1. Jadinya, terima kasih. So, dipersilakan Yang Berbahagia Tan Sri.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim [Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat tengah hari Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, KSU KSM, pegawai-pegawai kanan *from* KDN dan juga *from* Jabatan Imigresen Malaysia *without...*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berbahagia Tan Sri, saya hendak minta maaf. KSU Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) juga berada dengan kita sebagai *ex-officio* kita.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Sorry* Yang Berbahagia Dato' Saiful, KSU MEA dan pegawai kanan *from* Jabatan Audit Negara, agensi dan jabatan lain. Saya tidak perlu sebut semua.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli PAC kerana memberi ruang kepada kami *from* KDN, KSM dan juga Jabatan Imigresen untuk menjelaskan perkara yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara berkaitan dengan pengurusan pekerja asing. Jadi, saya juga telah menjelaskan perkara ini dalam sesi khas bersama Ketua Audit Negara beberapa minggu yang lepas. Saya ingin menjelaskan di sini Yang Berhormat, bahawa isu pengurusan pekerja asing merupakan isu yang mendapat perhatian daripada banyak pihak termasuk Kabinet. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kita telah banyak membincangkan perkara-perkara ini dalam pelbagai forum. Saya berterima kasih kepada Jabatan Audit Negara kerana membuat audit dan juga meng-*highlight* beberapa kelemahan dan juga perkara-perkara yang boleh diperbaiki oleh kementerian dan juga Jabatan Imigresen serta KSM. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada perkara yang telah dibangkitkan di sini.



Pada waktu yang sama juga, saya ingin menyebut bahawa tindakan-tindakan susulan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan, isu-isu yang ada lima atau enam perkara yang berkaitan dengan KDN dan imigresen. Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah pun mengambil tindakan-tindakan proaktif memperbaiki perkara-perkara yang dibuat teguran dan sebagainya termasuk membuat laporan polis untuk membetulkan perkara-perkara yang mungkin boleh diperbaiki untuk pengurusan pekerja asing. Saya ingin memaklumkan bahawa urusan pekerja asing ini bukan sahaja melibatkan KDN, tetapi juga Kementerian Sumber Manusia.

Jadi *at the same time*, kita juga telah *engaged with National Cyber Security Agency* pada bulan Jun baru-baru ini untuk membantu imigresen khususnya bagi menjalankan audit sistem *especially regards to the* aspek keselamatan terhadap sistem MyIMMs yang digunakan oleh Jabatan Imigresen untuk membuat tindakan susulan secara terperinci dan melihat di mana ada kelemahan-kelemahan untuk kita perbaiki.

■1210

Saya juga ingin menyebut bahawa sistem MyIMMs ini ataupun untuk *core business* imigresen ini telah pun bermula begitu lamalah, *I* ingat *since* 2012 dulu. Kita memahami banyak perkara-perkara yang perlu diperbaiki, di naik taraf sistem ini.

Untuk makluman Ahli-ahli PAC juga, bahawa kementerian sedang menguruskan untuk *upgrade* sistem imigresen ini melalui *National Integrated Immigration System (NIISe)* bagi menggantikan MyIMMS. Jadi, untuk makluman Ahli-ahli PAC, projek ini telah bermula dengan *request for proposal (RFP)* yang dibuat secara tender terbuka untuk tujuan menggantikan sistem MyIMMs yang kita akui ada beberapa kelemahan dan ketidakmampuan untuk melaksanakan *core business* imigresen dan juga kementerianlah. Jadi, itu yang saya ingin sebutkan di sini Yang Berhormat, dengan izin, kalau mungkin saya hendak minta KP Imigresen untuk *explain the details of the* tindakan-tindakan penambahbaikan, langkah-langkah yang kita telah dan sedang lakukan untuk memperbaiki perkara-perkara yang di *highlight* oleh pihak jabatan ataupun Laporan Ketua Audit Negara.

**Tuan Pengerusi:** Okey, silakan.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Thank you* Tuan Pengerusi.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud [Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia]:** Terima kasih Yang Berbahagia Tan Sri KSU, Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli, pegawai-pegawai kanan. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Di dalam Laporan Ketua Audit Negara yang dibangkitkan ini saya akan bermula dengan isu nombor dua iaitu kelulusan kuota dan pembayaran levi yang tidak teratur. Isu yang

pertama mengenai tempoh iklan dan sebagainya, ini akan diterangkan oleh Kementerian Sumber Manusia...

**Tuan Pengerusi:** Saya minta maaf Dato'.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Boleh tidak dekatkan *mic* sebab semuanya akan direkodkan di dalam *Hansard*. Oleh sebab kalau tidak dengar nanti susah sebab kita juga ada orang yang buat penulisan sekali. Terima kasih.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Baik.

**Tuan Pengerusi:** Betulkan *mic* itu sikit. *Please speak closer to the mic.*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Isu yang pertama iaitu tiada tempoh ditetapkan untuk memohon kemasukan pekerja asing di dalam sistem ePPAx. Sistem ePPAx ini sebenarnya diuruskan oleh agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu *JobsMalaysia*. Isu yang dibangkitkan di sini ialah majikan yang memohon pekerja asing, apabila mereka mengiklankan kekosongan jawatan di dalam *JobsMalaysia*, selepas membuat pengiklanan boleh terus memohon pekerja asing. Jadi, saya difahamkan di dalam perkara ini penambahbaikan telah pun dibuat iaitu majikan perlu mengiklankan kekosongan jawatan berkenaan selama 30 hari. Selepas tempoh 30 hari ini jika sekiranya tidak ada permohonan oleh mana-mana pekerja tempatan yang berminat, maka ia akan diberikan *Job Clearing System* (JCS) untuk membuat permohonan pekerja asing.

**Tuan Pengerusi:** *Presently* memang 30 hari? KSM? *This is a new regulation? It is not concurrent?*

**Dato' Amir bin Omar [Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia]:** *Presently this is*— ini cadangan yang untuk kita buat.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapinya belum buatlah, baru cadangan?

**Dato' Amir bin Omar:** Belum buat lagi. Ya. Sekarang dua minggu.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang dua minggu. Jadinya, dua minggu bermaksud *you* masuk *for local* dan *at the same time*, syarikat itu pergi dekat mencari pekerja asing?

**Dato' Amir bin Omar:** Bukan, *you* masuk cadangan untuk pengambilan pekerja asing, kita buat pengiklanan untuk pekerja tempatan dulu, kalau tidak ada pekerja tempatan, baru dibenarkan untuk penggajian pekerja asing.

**Tuan Pengerusi:** Dua minggu?

**Dato' Amir bin Omar:** Yes. Kita cadang...

**Tuan Pengerusi:** Dua minggu *sufficient* kah?

**Dato' Amir bin Omar:** Tidak, itu yang...



**Tuan Pengerusi:** Sebelum ini?

**Dato' Amir bin Omar:** Sebelum ini yes, sekarang kita cadang 30 hari.

**Tuan Pengerusi:** 30 hari *sufficient*?

**Dato' Amir bin Omar:** *Insya-Allah, at least.*

**Tuan Pengerusi:** Proses *interview*, proses segala-galanya ataupun memberi alasan untuk panggil atau pun *hire* pekerja asing.

**Dato' Amir bin Omar:** Dengan tempoh 30 hari ini, *at least* kita boleh dapat pekerja-pekerja yang mampu untuk pekerja tempatan kerana dasar Kementerian Sumber Manusia adalah tumpuan untuk memberi pekerja tempatan peluang pekerjaan dan juga kita hendak juga mereka yang diberi pekerjaan itu mendapat gaji yang setimpal. Walau bagaimanapun, kadangkala kita akui banyak usaha-usaha yang di janji ini sebagai satu alasan, bila pekerja tempatan datang, dia *just ignore* dan cari pekerja asing. Itu kita akui dan kita pantau dari semasa ke semasa.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Tuan Pengerusi, dalam prosiding ini saya hendak pastikan perjalanannya. Sekarang ini Audit mendakwa tidak ada tempoh masa ditetapkan untuk memohon di ePPAx ini kan? Jadi, saya hendak faham, adakah prosiding ini pegawai-pegawai kita akan menjawab kenapa tidak ada ataupun hendak mempertahankan sebenarnya ada dan bukan untuk beritahu kami akan buat. Oleh sebab kami akan buat itu ialah penyelesaiannya tetapi kami hendak tahu dulu kenapa tidak ada ataupun mungkin Audit yang silap, Audit silap melaporkan, hendak betulkan Laporan Audit itu. Itu yang saya hendak faham prosiding ini.

**Dato' Amir bin Omar:** Tuan Pengerusi, sebenarnya betul penemuan Audit memang sekarang ini tidak ada. Kita bila ia daftar, ia terus boleh ambil pekerja asing.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ya, betul.

**Dato' Amir bin Omar:** Ya, yang itu betul, kita akui. Kita juga bersetuju dengan cadangan supaya tumpuan perlu diberi kepada pekerja tempatan dahulu. Oleh sebab itu, kita mencadangkan 30 hari itu lebih sesuai memberi masa untuk diberi peluang kepada pekerja tempatan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sebab itulah soalan saya tadi, adakah 30 hari itu *sufficient* mengambil kira nanti perlu untuk mengadakan *interview*? Selepas itu, *you* menunggu tempoh dengan *interview*, hendak pilih calon. So, 30 hari itu sesuai kah tidak? *Because at the same time*, tadi Dato' katakan bahawa ini satu pendekatan penambahbaikan, daripada tidak ada, pergi ke 30 hari. *But*, 30 hari itu macam mana boleh dapat 30 hari, *instead of* dua bulan kah, enam bulan kah? Itu yang saya minta jawapan itu. Macam *sufficient* kah tidak *30 days* itu?

**Dato' Amir bin Omar:** 30 days ini... Tuan Pengerusi, memang bagi kita kalau boleh lama-lama itu *much better*. Cuma masalahnya kita akan berhadapan dengan majikan yang memohon agar dipercepatkan pengambilan pekerja asing, *because they are having a problem* bila tidak dapat penggantian itu, ia akan menyebabkan *business* tidak dapat bergerak.

**Tuan Pengerusi:** Bermaksud, kalau jawapan Dato' tadi kata mendapat *pressure* daripada majikan untuk mencari pekerja asing, *you are abide* dengan majikan ini hendak cari pekerja asing ini, sebab itu *you* buat 30 hari. Jadinya, tidak cukup 30 hari, cari pekerja asing. Adakah itu yang Dato' maksudkan?

**Dato' Amir bin Omar:** Bukan, maksud saya ialah tumpuan tetap kepada pekerja tempatan dan kita boleh buat *profiling* kepada syarikat-syarikat, siapa yang ambil pekerja asing dan pekerja tempatan. Oleh sebab itu, kita punya- *moving forward*, kita akan tengok keperluan sebenar dan kita akan mengadakan satu kajian, *what would be the real demand*. Macam kalau ambil pekerja asing, mesti ada *exit clause*. Maksudnya, selepas beberapa tahun, kena ambil balik pekerja tempatan supaya tumpuan dalam keadaan ePPAX ini ialah untuk memastikan pekerja tempatan diberi tumpuan. Kalau tidak, ia akan jadi masalah di mana pekerja tempatan- isu ini ialah saya tahu apa yang Tuan Pengerusi maksudkan. Benda ini jadi sebagai satu *regulation* sahaja tetapi hendak buat, dia tidak buat. Memang kita akui itu tetapi tujuan kita *at least, to give an opportunity* kepada Kementerian Sumber Manusia, mereka yang layak dan kita dapati sesuai.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Subang.

**Tuan Wong Chen:** Baik, soalan saya. Okey, terima kasih. Dato' daripada Kementerian Sumber Manusia, betul tidak? Baik, saya hendak tanya sebab isunya senang. *Effectiveness of your campaign or your iklan itu it depends on how many people come to your website*. Berapa orang yang betul-betul mari ke *JobsMalaysia.gov.my* untuk tengok dan cari kerja? *That's one issue. So, can you give us the basic data, how many visitors every day or every month? Whether this policy is just for show, as what Dato' Chairperson say. Is it for show or is it really you are trying to do something? That depends on how you promote that website, how many people use that website.*

**Dato' Amir bin Omar:** Tuan Pengerusi, kalau boleh saya hendak *highlight*. Pada masa sekarang kita ada lebih daripada 300,000, *because* profil yang mendaftar di *JobsMalaysia* memang kita kutip dan kita *update* dari semasa ke semasa untuk mendapat siapakah yang berminat, di sektor mana dan pekerjaan mana. Kita akan- sebab itu 30 hari ini kita rasa sudah memadai untuk kita buat pepadanan pekerjaan sesuai dengan permintaan yang diperlukan oleh majikan-majikan yang telah berdaftar untuk keperluan mendapat pekerja asing.



**Tuan Wong Chen:** Ini majikan— bila majikan mengiklankan ia punya *job*, betul tidak? Berapa orang yang pergi tengok *whether there is a job there? That is my question*, bukannya berapa orang daftar dengan *website* itu.

■1220

**Dato' Amir bin Omar:** Saya faham. Sebenarnya, kita ada *JobsMalaysia* yang mana kita ada pendaftar dan kita akan *approach* pendaftar ini, *as an active measure, offer them, these are the jobs* yang mana majikan perlu menemu duga pekerja-pekerja yang kita kemukakan. Kalau ada benda-benda itu, dia akan laporkan kita, maknanya ada kesesuaian atau tidak. Cuma masalahnya kadang-kadang bila mereka datang, dia kata sebenarnya *job* ini adalah untuk pekerja asing. Itu yang kita dapat *feedback*. Kita juga *monitor* benda-benda ini yang – Benda ini berlaku. Walau bagaimanapun, kita akan memberi peluang kepada pekerja tempatan.

**Tuan Wong Chen:** Maknanya majikan ini pakai sahajalah. *They actually intend to hire foreign workers but you allow them just to put the advertisement*. Sebab bila *interview* dia kata, “*Sebenarnya kita looking for Bangladeshi worker*”. Betul atau tidak?

**Tuan Pengerusi:** Okey Dato'. Selepas ini sebelum saya beri kepada Yang Berhormat Johor Bahru, saya... [Ketawa] Nanti Encik Asri. Semua perbincangan kali ini memang kita akan masukkan dalam *Hansard*. Ini saya hendak ingatkan semula kepada semua tetapi ia adalah rahsia sampailah ia dibentangkan ke dalam Parlimen. Jadinya, Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada *JobsMalaysia* tadi. Sekarang pun saya cuba hendak *log in* ataupun hendak buka *website* itu memang tidak dapat. *I* buka *JobStreet* boleh, *I* buka *Woop* pun boleh tetapi hendak buka sekarang, *problem*.

Kedua, saya ada pengalaman menggunakan iklan di *websites* yang lain *Annexio*, *JobStreet* semua ini. Di *JobStreet* sebagai contoh, pengiklanannya mengambil tempoh dua bulan yang mana ketika itu pun kaedahnya selepas dua bulan tidak ada apa semua, baru *advertisement* itu diturunkan. Cuma kaedah yang diulangi oleh Tuan Pengerusi tadi, seolah-olah ini hanya, bukannya betul-betul hendak selesaikan isu ini. Saya sebagai orang muda di luar sana, orang marah sangat sebab dia tahu apabila pergi di sini, *it is just for display*. *You* mohon tidak akan dapat *and then you* tahu sebulan selepas itu, *job* ini hilang, rupanya sudah buka kepada *foreign workers*.

Sepatutnya, yang kita lihat, yang kita cuba hendak perbaiki bukan hanya sekadar daripada segi audit tetapi maksudnya memang ada kesan secara langsung bahawa kaedah ini tidak membantu pekerja tempatan. Kalau Dato' boleh beri jaminan bahawa 30 hari ini merupakan solusi

untuk membolehkan anak muda di luar sana memohon pekerjaan, *we are quite confident. But at the moment, we think it is not enough.*

Jadi yang ini yang kita mohon supaya Dato' KSU untuk lihat balik bahawa pandangan kami 30 hari ini hanya untuk *display. If you are really* betul-betul komited hendak beri ruang kepada pekerja tempatan, minimum tiga bulan. *If not, six months because* pekerja tempatan 12 bulan pun masih ada yang tidak dapat pekerjaan.

**Tuan Wong Chen:** *Improve the website.*

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** *Ya, improve the website.*

**Tuan Pengerusi:** Ya, sebelum menjawab itu, sebelum menjawab apa Yang Berhormat Johor Bahru, sebab saya takut saya terlupa. Sebab mereka ini dah mula ini panggil...

*[Pembesar suara dimatikan]*

Jadinya, .... *[Ketawa]*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Sini tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Saya tutup, saya tutup. Jadinya saya, ya, tadi perlu juga menjawab. Selepas itu yang saya hendak tahu sebab saya dimaklumkan okey, pendaftaran majikan untuk mencari pekerja itu dalam *JobsMalaysia* itu memang okey, itu ada. Akan tetapi *the real* iklan itu ada atau tidak dibuat oleh – Ini saya hendak bertanya, ada atau tidak dibuat *the real* iklan hendak mencari pekerja ini? Ada atau tidak dibuat *instead of on top of just* mendaftar? Itu perlu juga jawapan sebab kita ada juga *clause* mengenai yang 3D dan segala-galanya. Jadinya Dato' jawab yang itu, jawab saya punya dan saya teruskan dengan *Vice* dulu sebelum menjawab.

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey, yang berkaitan Dato'. *Simple* sahaja. Tadi tidak dijawab, soalan pernah dibangkitkan. Bagaimana pihak KSM menentukan 30 hari itu? Apakah pertimbangan sebelum ini? *So, are you plucking these 30 days from the A or after a huge discussion, long discussion with any other stakeholder or what?* Okey.

**Tuan Pengerusi:** Dipersilakan, siapa? Encik Asri?

**Encik Asri Ab. Rahman [Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Kenalkan dirilah Encik Asri.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Saya Asri Ab. Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja. Sekarang yang sistem *JobsMalaysia* itu di bawah Jabatan Tenaga Kerja. *So* yang mana – Tan Sri, Dato' dan Ahli-ahli PAC dengan izin, yang mana sistem yang kita perkenalkan, ia dua sistem *actually*. Satu *JobsMalaysia* merupakan satu platform yang dibangunkan oleh kerajaan, bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pencari kerja di luar sana mencari



pekerjaan, mendaftar diri dan mencari pekerjaan. Pada masa yang sama, *the other site*, supaya majikan mengiklankan setiap kekosongan yang wujud di negara kita.

**Tuan Pengerusi:** Iklan itu buat atau tidak?

**Encik Asri Ab. Rahman:** *That* iklan, buat. Secara *general* dulu Tuan Pengerusi. *That is the* tujuan *JobsMalaysia* dibangunkan.

Proses pengiklanan dibuat oleh pihak majikan dan pencari kerja (*job seekers*) akan memasukkan biodata mencari pekerjaan dan ada satu platform yang mana kita buat *matching*. Di peringkat awal dulu, di fasa pertama, kita hanya bangunkan daripada segi pencari kerja dan juga untuk majikan mengiklankan kekosongan. *Matching* kita buat secara manual.

Fasa dua yang mana *complete* tahun 2018, so kita sudah buat fasa kedua yang mana *these are auto matching* dan kita *improve* lagi daripada segi kapasiti. Kalau dahulu kita perlukan *almost* – Pada satu-satu masa hanya boleh buat *hit* dia boleh hanya 3,000, sekarang kita tingkatkan sehingga 40,000. *But* kapasiti itu kita *improve from time to time*. *That is the principle of JobsMalaysia*.

Apabila kerajaan memperkenalkan proses permohonan pekerja asing, yang dahulunya proses permohonan pekerja asing *direct* kepada KDN. Akan tetapi pada satu masa kita merasakan bahawa setiap kekosongan yang wujud di negara ini, harus diberi keutamaan kepada pekerja tempatan dahulu. So kerajaan bersetuju supaya diadakan satu sistem permohonan pekerja asing yang kita panggil sistem ePPAx (elektronik permohonan pekerja asing). So dua sistem yang ada di KSM, di bawah JTK. Satu, *JobsMalaysia*, kekosongan dan juga pencari kerja. Pada masa yang sama, permohonan pekerja asing dibuat secara *online* untuk mengelakkan *human interference*, supaya majikan yang ingin memohon pekerja asing boleh gunakan *online* dan pada masa yang sama, dia kena iklankan kekosongan dalam *JobsMalaysia*, pada satu masa. Dia mohon pekerja asing, iklankan kekosongan. *That is* syarat yang kita letakkan.

Akan tetapi pada masa yang sama, *internally*, pihak kementerian dan juga pihak jabatan ada data yang mana pencari kerja tadi. Pada satu-satu masa kita ada kurang lebih 300,000. Akan tetapi di Malaysia, pencari kerja yang paling ramai yang berdaftar di bawah *JobsMalaysia* adalah golongan *semi* dan juga *upper skill*, yang mana di peringkat *graduate*, dalam lingkungan pada satu-satu masa *hit*-nya lebih kurang dalam 140,000 hingga 170,000 pada satu-satu masa. Akan tetapi *lower level*, yang mana majikan mencari pekerja, yang mana *for the past three years, hit* majikan yang mencari pekerja dalam lingkungan 10,000 hingga 12,000. Ada *fluctuate* yang masuk mencari, daftar untuk tujuan pekerja asing, yang kita nyatakan.

Jumlah permohonan yang dinyatakan itu berdasarkan permohonan yang majikan buat untuk mendapat – *be frank*, adalah untuk mendapatkan pekerja asing pada peringkat awal. *That*

*is why* kita *always educate our employer* di luar sana bahawa sepatutnya *you* tidak boleh nyatakan bahawa *you* mohon pekerja asing. Sepatutnya *you* iklankan kekosongan *because* hak kekosongan harus diberikan kepada pekerja tempatan, bukan pekerja asing. Akan tetapi pada masa yang sama, *as I mentioned* tadi, di kementerian dan juga jabatan, *we identified certain* sub sektor dan juga sektor yang mana *demand* pencari kerja *almost none*. *Number-nya very low*. Contohnya, pembinaan, perladangan dan juga pertanian.

**Tuan Pengerusi:** Ini yang 3D itu lah. *You* kena terangkan.

**Encik Asri Ab. Rahman:** *That is why* Tuan Pengerusi, *I think* zaman Tuan Pengerusi lagi, kita *always...*

**Tuan Pengerusi:** Ini memang *confirm*-kan saya...

**Encik Asri Ab. Rahman:** [*Ketawa*] Daripada dulu lagi, *we know, we always educate our employer* kenapa *that element* 3D itu harus diperkatakan.

#### ■1230

Di Kementerian Sumber Manusia, kita tidak *champion-kan* perkataan-perkataan 3D ini. Ini sebab *once you champion, that...*

**Seorang Ahli:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Encik Asri Ab. Rahman:** ...*Mindset* itu ada pada majikan. Apabila majikan datang, kenapa ia 3D? *This is because the same occupation, the same subsector* - 3D, ramai pekerja Malaysia yang pergi bekerja di negara jiran kita di sebelah. *So*, kalau kata, *we*— orang kata *decent pay and sufficient remuneration*, *I think* kita boleh *attract* sama. Akan tetapi sesetengah *subsector* yang kita nyatakan tadi, yang saya nyatakan tadi, *number of registration is very low*. *So*, apabila kita adakan *engagement from time to time* dengan pihak *stakeholders* dan juga dengan pihak kementerian yang kita juga ada agensi kawal selia yang mana bertanggungjawab terus kepada *subsector* yang dinyatakan tadi. Contohnya, sektor pertanian - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; perladangan – MPIC; pembinaan - KKR dan sebagainya.

*So*, kita *identify this particular* berdasarkan *hits* kepada dalam JobsMalaysia tadi, yang mana jumlahnya kecil, *so flexibility* yang dinyatakan tadi, kita berikan pertimbangan bahawa kemungkinan masa yang kita harus mengambil untuk mencari calon pekerja tempatan tidak begitu diberi penekanan. Akan tetapi pada masa yang sama, setiap permohonan pekerja asing, pegawai kita yang mana kita ada pejabat di seluruh negara dan juga di setiap negeri dan juga daerah, pegawai kita akan pergi ke tempat majikan yang memohon untuk *check* sama ada syarikat wujud atau tidak wujud. Itu pertama. Kedua, kita pergi *check* sama ada— ini disebabkan kita ada dari segi pertimbangan itu, *ratio*. Berapa tempatan, contohnya untuk pasaran eksport. Contohnya, satu *local* dan tiga asing yang dipersetujui oleh...



**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Satu *local*?

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Encik Asri Ab. Rahman:** Untuk sektor pembuatan, contohnya. Ya.

**Seorang Ahli:** *Manufacturing*.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Tuan Pengerusi, *that's why* yang dinyatakan ini...

**Tuan Pengerusi:** Bukannya apa...

**Encik Asri Ab. Rahman:** *That policy* ini...

**Tuan Pengerusi:** *I have to stop you there*.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Bukan ditetapkan oleh Kementerian Sumber Manusia...

**Tuan Pengerusi:** Encik Asri, *I have to stop you*.

**Encik Asri Ab. Rahman:** ...Dan juga KDN saja. Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Kenapa kita bertanya mengenai dasar-dasar yang hendak mencari pekerja asing ini sebab akhirnya ia hanya akan berkaitan kepada kelulusan mendapat pekerja asing daripada luar. Tadi, Dato' KSU sendiri tadi maklumkan bahawa— sebelum apa-apa ia sudah cakap sudah, sebenarnya kita hendak ambil pekerja asing. Jadinya, setiap syarikat itu kadang-kadang ia ada *limit*. Apabila ada *limit*, itu yang jadi masalah *the whole thing* ini, kan? Okey, sambung.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Akan tetapi saya terperanjat Tuan Pengerusi. Saya ingat dulu, syarat yang dulu, syaratnya dua tempatan, satu asing. Ini kalau sektor pembuatan, sektor pembuatan. Sektor pembuatan ini kilang, fasal banyak orang tempatan hendak bekerja di sana. Kalau cakap sektor pembinaan itu saya tidak ada masalah. Kalau sektor perladangan pun tidak ada masalah. Akan tetapi kalau sektor pembuatan 1:3, 3 ini *foreign*. Dulu saya ingat 2:1. Saya hendak tanya Encik Asri?

**Encik Asri Ab. Rahman:** Setuju, Yang Berhormat. Akan tetapi yang saya nyatakan tadi bahawa penetapan kuota juga *ratio* tadi bukan saja dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Dalam Negeri. Ini di mana kita hanya merupakan agensi yang *coordinate* pegawai ini. Akan tetapi kita ambil input juga daripada MITI dan kita ambil input agensi kawal selia yang tujuh tadi. Contohnya, pertanian dan perladangan untuk mendapatkan keperluan sebenar. So, untuk *accommodate that* permintaan yang mendesak yang dinyatakan bahawa kekurangan pekerja tempatan dan juga keperluan industri untuk menampung kekurangan tenaga kerja. So, perubahan tersebut dari semasa ke semasa, kita buat perubahan. Akan tetapi yang mana proses dulu, kita menyatakan bahawa setiap perubahan tersebut kita bawa kepada Jawatankuasa Kabinet Pekerja-pekerja Asing yang dipengerusikan pada masa tersebut oleh

Timbalan Perdana Menteri sendiri untuk pertimbangkan dan juga untuk putuskan. *So, that process over the time, that ratio* berubah mengikut keperluan semasa. Itu saja dulu.

**Seorang Ahli: Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Macam ini...

**Encik Asri Ab. Rahman :** Apa yang untuk... Okey.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** ...Yang biasa, kalau permohonan melalui KSM yang memberikan persetujuan ataupun sokongan kepada majikan, tidak ada masalah. Fasal kalau ia memberi sokongan kepada majikan, majikan memohon terus kepada KDN, tidak ada masalah. Akan tetapi ini yang *over and above*. Pengurusan terus. Itu masalah. Akan tetapi saya terperanjat dengar 1:3 ini. Masa bila kita membuat peraturan-peraturan ini?

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Encik Asri Ab. Rahman:** *The real actual date*, nanti saya— *I get back to their apa lah*, ya. Akan tetapi yang 30... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Tuan Pengerusi, kenapa 30 hari. Ini disebabkan dulu walaupun kita kata tidak nyatakan tempoh yang tetap tetapi di peringkat pegawai yang saya nyatakan tadi bahawa sesetengah sektor, kita *a bit relaxed* yang mana kita menyatakan bahawa berdasarkan permintaan daripada pekerja tempatan tidak terlalu tinggi. Berdasarkan *hits* dalam kita punya sistem. *So*, yang itu kita agak saja. Akan tetapi yang mana sektor yang kita merasakan bahawa masih ada permintaan daripada pekerja tempatan, contohnya perkhidmatan, pembuatan dan di sesetengah sektor pembinaan, kita melihat semula. Malahan, kita akan pastikan bahawa kuota itu diisi oleh pekerja tempatan dulu. Apabila ada teguran daripada pihak Audit daripada tempoh tersebut, kita ambil maklum dan kita adakan *engagement* balik dengan pihak *stakeholders* dan juga pihak industri. *So, that's why* kita *recommend*-kan bahawa *for starters*, kita *start* dengan minimum *30 days first*. *That's apa lah* dulu. *Thank you*, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ini cuma— ia dasar ini kena ubah di peringkat kementerian sajalah? *This is because you said for starters*. Jadinya, nanti kalau rasa macam tidak sesuai nanti, isu lagi, nanti hendak tukar lagi. Nanti tukar dasar lagi, tukar dasar lagi. Macam mana? Sila jawab.

**Dato' Amir bin Omar:** Ya, *thank you* Tuan Pengerusi. Sebenarnya ia ada jawatankuasa bersama antara KSN dengan KDN yang mana kita juga ada agensi-agensi kawal selia untuk kita dapat maklumat, keperluan dan juga sejauh manakah kritikalnya sektor itu kepada keperluan pekerja. Daripada situ, ia akan bawa *from time to time*, daripada pelbagai agensi kawal selia untuk melihat keperluan dan juga kuota yang ditetapkan. Itulah kita tetapkan. Kalau dulu, kita mohon sekarang, *the next day*, you boleh pekerja-pekerja itu. Kita rasa benda itu tidak sesuai. Tumpuan sepatutnya diberikan kepada pekerja tempatan. Oleh sebab itu, mula-mula kita



cadangkan sekarang ini, kita tingkatkan kepada 30 hari. Keperluan itu akan dikaji semula dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan semasa dan kedudukan keadaan ekonomi. *This is because* kalau kita rasakan sekarang ini banyak berlaku pemberhentian kerja. *So*, mungkin kita akan cuba dapat lebih banyak pekerja tempatan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Kuala Krau.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Ya, Dato' KSU. Tadi Dato' sebut fasal tempoh masa 30 hari. Dalam tempoh masa 30 hari ini, adakah mana-mana aduan daripada pekerja tempatan mengatakan bahawa mereka telah memohon tetapi telah diberikan alasan oleh majikan. Majikan tertentu mengatakan bahawa jawatan tersebut telah penuh dan sebagainya. Ada tidak bilangan majikan dan pekerja yang telah membuat aduan? Adakah dalam tempoh 30 hari ini dapat mengurangkan ketirisan dan kerugian bagi negara dalam bentuk pulangan levi pada negara?

**Encik Asri Ab. Rahman:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat, saya jawab soalan yang pertama. Kedua, tentang levi, kemungkinan sahabat saya daripada KDN boleh apa lah. *One fact* yang mana kita harus mengambil maklum juga, *out of total* 10,000 hingga 12,000 permohonan majikan setahun yang memasuki sistem ePPAx memohon pekerja asing, daripada permohonan tersebut yang kita pertimbangkan dan kita sokong untuk mengambil pekerja asing hanya 30 peratus.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** 12,000 ini majikan, ya?

**Encik Asri Ab. Rahman:** Majikan yang memohon, yang kita sokong, yang kita cadang untuk mengambil pekerja asing hanya 30 peratus daripada 10,000 hingga 12,000 permohonan tadi. Setiap tahun. *So*, yang mana kita merasakan bahawa pekerjaan tersebut masih ada pekerja tempatan dan ada unsur-unsur tadi, memang ada. Contohnya, kita kata, "You kena iklankan. Sekurang-kurangnya *you* kena letak *banner* depan kilang. Kena iklankan". Akan tetapi apabila pegawai kita turun dan tengok, kita *pun* pernah, Tuan Pengerusi. Kita *call* sendiri, contohnya "You ada iklankan kekosongan? Ada tidak kekosongan tersebut? Kita hendak pergi interview dan sebagainya". Dia menyatakan bahawa, "Oh, sudah penuh". Banyak majikan dan syarikat-syarikat buat begitu. Ia sudah penuh. *So*, apabila itu kita dapat maklumat, kita tidak benarkanlah.

■1240

*That is why* kita tak sokong, kita tak sokong. Sebab itu ramai yang *complaint* juga bahawa *it is not easy* untuk dapat dan bawa masuk pekerja asing ke negara ini lah, *in reality*.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Okey. Dalam...

**Tuan Pengerusi:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] *Random* lah tu ya? *Random calling*...

**Encik Asri Ab. Rahman:** *That is why* Tuan Pengerusi, kebanyakan pegawai kita di lapangan, kita beri syaratlah bahawa supaya mereka kena turun...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Setiap permohonan?

**Encik Asri Ab. Rahman:** Untuk setiap permohonan. Pergi dan lihat sama ada— pertama sekali saya nyatakan. Syarikat itu wujud. Kita tak nak, macam contohnya tohmahan-tohmahan mengatakan bahawa syarikat tak adapun tapi kita bagi. *So, at least* kita ada rekod. Sebab kita ada dalam sistem kita yang mana majikan perlu daftar dengan kita. *So*, dalam sistem itu *immediately* kita boleh *check through our system* sama ada ia wujud atau tak wujud. Akan tetapi untuk *confirm* sekali lagi kita akan pergi lihat dan kita akan semak EPF dia sama ada berapa *local* dan berapa dia layak pekerja asing dan sebagainya lah.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Pengerusi, berkaitan dengan kegagalan majikan mematuhi tempoh 30 hari tersebut. Adakah ada klausa undang-undang yang boleh mengambil tindakan terhadap majikan selain membekukan permohonan-permohonan daripada majikan tersebut. Sebab kalau kita tekan hanya beku dan mungkin dia menggunakan nama syarikat yang lain. Dia dapat bekalkan pekerja tanpa keizinan daripada pihak kementerian.

Soalan yang kedua saya Tuan Pengerusi, adakah banyak atau ada kes-kes tertentu yang Jabatan Sumber Manusia ini tidak tahu ada kelulusan pekerja asing datang ke negara kita atau memang semuanya ada dalam pengetahuan dan rekod daripada Kementerian Sumber Manusia.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Dato' Sri, *so far* belum ada undang-undang yang kita *regulate* untuk mewajibkan majikan mendaftar kekosongan *so far*. Walaupun ada perbincangan di peringkat kementerian untuk melihat dari segi keperluan tersebutlah. Yang mana *engagement* kita buat juga dengan pihak kesatuan majikan dan juga pekerja tentang *viable* untuk negara kita untuk memperkenalkan *that kind of* undang-undang ataupun tidak. *But strong objection from this employer side lah*.

*So*, tapi pada masa yang sama di sudut yang soalan yang kedua tadi. Pihak kementerian juga telah di peringkat amalan, telah bersetuju di peringkat Jawatankuasa Kerja Bersama yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Kementerian Sumber Manusia untuk pada tahun sekurang-kurangnya 2021, mewajibkan majikan mengadakan *social audit compliance internally* sebelum kita pertimbangkan mereka mengambil pekerja asing. Sebab yang pertama yang kita hendak supaya *internally* majikan bukan takat mematuhi undang-undang tapi kena *comply* juga dengan *social obligation*. Contohnya dari segi tempat tinggal dan perkara-perkara hak-hak pekerja dalam bentuk pematuhan standard-



standard antarabangsa. Pada masa yang sama dari segi *compliance* dengan undang-undang imigresen di negara kita.

Pada masa yang sama, sistem yang dinyatakan oleh KP Imigresen tadi, NISe tadi, pihak KDN. So, di KSM pun sudah di peringkat buat perolehan untuk sistem ePPAx fasa dua dan kemudian kita akan *integrate-kan these two systems* supaya apa data yang ada dengan imigresen dan juga KDN, KSM boleh baca dan apa yang data ada dengan KSM dan juga JTK, KDN dan imigresen boleh baca.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya, *integrated system* ya. Itu *confirm* ya, *integrated system*. Okey terima kasih.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Tuan Pengerusi, saya ada satu soalan susulan.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Sikit lagi, *JobsMalaysia*. Sebab saya rasa penjelasan tadi *to be fair* lebih jelaslah dengan keadaan sebenarnya. Akan tetapi dari segi *matching* tadi, syarat yang ditetapkan sekarang 30 hari dan cadangan Encik Asri tadi baik juga dari segi sektor. Maksudnya ada sektor dari segi perkhidmatan, sewajarnya mungkin tempoh masa itu dipanjangkan. Kalau pertanian kita tahu mungkin ada masalah 30 hari itu minimum tapi kalau ikut sektor itu, perlu ada pengkhususan.

Yang kedua, saya pasti bila di *JobStreet* bila diiklankan, bila berlaku padanan sama ada mereka yang memohon. Sebagai contoh kita lihat mungkin ada 50 orang memohon bagi pekerjaan tersebut tapi akhirnya syarikat tersebut masih mengatakan tiada pekerja yang bersesuaian. Jadi yang ini mungkin jatuh kategori bahawa dia mungkin menipu, bila kita *call* dia kata sudah penuh. Bila orang datang *call* dia kata pekerja asing sahaja. Yang kedua mungkin juga berlaku bila diiklankan, langsung tiada permohonan. Bila langsung tiada permohonan ini mungkin disebabkan bahawa memang tiada yang berminat. Akan tetapi saya rasa dari segi pengiklanan itu pun memang sudah ada perkara yang menyebabkan orang tak nak mohon. Sudah tulis besar-besar ini hanya untuk pekerja asing ataupun gaji yang terlalu rendah dan sebagainya. Jadi perlu ada jalan keluar dari segi *job matching* tersebutlah.

Ini hanya pandangan supaya ketetapan 30 hari tadi bukan nampak sekadar letak 30 hari tetapi kalau boleh diperincikan lagi supaya kita tahu hasrat daripada KSM ini adalah untuk *match-kan* pekerja tempatan. Akan tetapi bila betul-betul memang tak ada sudah keluar semua permasalahan ini, maka dibenarkan untuk syarikat tersebut untuk ambil pekerja asing.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli PAC. Saya *personally* bersetuju dengan ini dan pendekatan yang kita guna pakai sekarang pun ke arah tersebutlah.

*That is why* dari segi *engagement* dengan pihak *stakeholder* kita selalu adakan. Hendak *the meeting point* antara permintaan dengan penawaran. *It is not easy* yang mana *as I mentioned* tadi di peringkat awal, pendaftar— pencari kerja di negara kita sudah di peringkat tinggi, sekurang-kurangnya ada *degree* dan sebagainya. Akan tetapi pada masa yang sama, yang elemen yang kita hadapi juga dari segi penawaran tadi, majoriti penawaran *is not attractive enough* untuk *local jobseekers* pergi pada *that kind of* kekosongan ataupun subsektor lah.

Contohnya kita bagi dua tiga insiden yang mana kita dapati. Apabila jawatan yang ditawarkan agak *attractive* tetapi apabila kita *detail*-kan, sebenarnya berapa gaji yang ditawarkan. So, mereka pergi pada minimum, gaji RM1,100. Untuk gaji RM1,100 itu yang ditawarkan dengan *complexity of* tugas yang dinyatakan. *So that discourages actually the locals* untuk *take up that kind of jobs* lah.

So, usaha berterusan yang mana di peringkat kementerian mengadakan perbincangan dengan LC (*local companies*). Supaya *at least* perjawatan tertentu *actually* patutnya dengan *equal of remuneration*. Jangan *just simply* pergi kepada minimum yang kerajaan tetapkan RM1,100. *So that is why* kalau kita tengok dari segi keseimbangan di peringkat sekarang ini, lebih kepada pergi ke *minimum wage* walaupun tahap atau pekerjaan yang ditawarkan itu *semi-skill* dan sebagainya. Yang itu persoalan lain yang mana kemungkinan kita perlu bincang selanjutnya di peringkat kementerian.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Encik Asri. Saya akan *pass* nanti kepada— sekejap nanti kepada Dato' KP. Akan tetapi sebelum itu soalan terakhir untuk ini daripada Yang Berhormat Kuala Krau.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Saya ingat saya sudah tanya tadi. Cuma Encik Asri tidak menjawab secara ringkas dan padat. Sebenarnya adakah kementerian ini tahu sebenarnya berapa bilangan sebenarnya pekerja asing dan kelulusan ini sebenarnya dalam pengetahuan Kementerian Sumber Manusia atau KDN yang bertanggungjawab. Kalau saya hendak *detail*-kan lagi panjang pula cerita. Ada pula *bypass* atau kelulusan khas yang diberikan. Adakah sebab ini, ini akan melibatkan keselamatan negara. Selain daripada kerugian kepada levi yang kita kutip daripada pekerja asing yang kita dapat teguran— penemuan daripada Audit ini, melibatkan RM24.55 juta ini. Akan tetapi ia akan melibatkan juga dari segi keselamatan negara. Bilangan pekerja asing yang sebenarnya yang kita tak tahu, tidak ada rekod. Jadi saya hendak tahu, rekod ini sebenarnya KDN yang pegang atau Kementerian Sumber Manusia yang pegang? Data masuk berapa, keluar berapa. Ini, okey.



**Tuan Pengerusi:** Jawab. Sila jawab, sila jawab soalan tersebut. Siapa hendak jawab. Dato' KSU ke, ataupun— tak jawab dahulu soalan daripada Yang Berhormat tadi sama ada KSM ataupun KDN. Jawab dahulu.

■1250

**Encik Asri Ab. Rahman:** *Just on that* soalan. Kepada data yang saya nyatakan antara 10,000 hingga 12,000 majikan, yang itu kita ada data. Akan tetapi pada masa yang sama, keperluan undang-undang juga ada yang mana dalam tempoh 14 hari bawah seksyen 60K, Akta Kerja 1955, yang mana majikan perlu mendaftar balik, melaporkan balik apabila ia bawa masuk pekerja asing. Selepas Imigresen sudah bagi kebenaran masuk...

**Tuan Pengerusi:** Daftar balik kepada mana?

**Encik Asri Ab. Rahman:** Kepada Jabatan Tenaga Kerja. Jumlah pekerja asing yang dibawa masuk dan di gaji kan. Dalam tempoh 14 hari dibawa masuk, kena daftar balik kepada pihak jabatan. Setakat itu, yang itu kita ada.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Akan tetapi ada juga kes paling banyak yang kita kompaun dan kita caj di mahkamah, kegagalan majikan mendaftar jumlah pekerja asing dibawa masuk ke dalam negara.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Ini termasuk dengan data kelulusan khas yang...

**Encik Asri Ab. Rahman:** Yang kelulusan khas itu...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Bukan ya? Okey.

**Tuan Pengerusi:** Itu kementerian lain. Ini yang berkaitan dengan KSM sahaja. Oleh sebab itu-lah kita ada dua kementerian. Jadinya, jawab yang mana berkenaan dengan kementerian sendiri sahaja. Jadinya, saya serahkan semula kepada Imigresen. Kalau sebelum itu hendak menjawab— Yang Berbahagia Tan Sri hendak menjawab tadi persoalan Yang Berhormat?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tuan Pengerusi, kita di KDN ada yang dipanggil *one stop centre*. *One stop centre* ini ada melibatkan juga penglibatan agensi-agensi kawal selia. Maknanya, kalau ada permohonan selepas melalui ePPAx tadi, ia akan pergi kepada *one stop centre* ini, kita di situ akan buat temu duga. Prosesnya. Temu duga kalau *on manufacturing*, ada melibatkan MITI, contoh. Kalau *agriculture*, MOA dan sebagainya. Kemudian di situ juga selepas ditengok kelayakan apa semua, akan ada surat kelulusan. Kalau ia minta 100 tetapi ia layak mungkin 30, kita bagi 30 sahaja dan sebagainya. Kemudian kita ada keluarkan surat untuk bayaran levi dan selepas itu, surat kelulusan. Untuk menjawab juga kepada Yang Berhormat

Kuala Krau tadi, kita juga– Imigresen ada rekod-lah berapa yang dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) ini. Contohnya, kalau sekarang ini ada *2.1 something million, the numbers of foreign workers* yang ada dalam rekod, *in our record* dua juta lebih.

**Tuan Pengerusi:** Berapa juta lebih itu? Berapa lebihnya?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Kalau KP mungkin boleh...

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Yang Berhormat, sehingga September 2019, jumlah PLKS yang berdaftar ialah 1,975,879. PLKS ialah stiker pas kerja yang dikeluarkan kepada pekerja-pekerja di dalam sektor 3D ini tadi.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Numbers* ini *keep on changing* Yang Berhormat. Ia tidak statik. Maknanya, kadang-kadang bulan ini mungkin akan naik *2 million*, kadang-kadang– *It depends on* ini, *because* yang mana yang tidak *renew*, makna *the numbers* akan *reduce*. Kalau ada *approval* baharu, nombor akan meningkat. Macam itu-lah. *But, the figure around that-lah* tetapi sekarang ini sampai September tadi KP sebut, *1.975 million*.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Saya ulang balik ya, *1,975,879. Okay, thank you.* Terusakan.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya ialah slaid yang kedua iaitu mengenai kelulusan kuota dan pembayaran levi yang tidak teratur. Ini-lah perkara utama di-*highlight*-kan di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2018. Saya meringkaskan isunya di sini ialah 32,424 kuota yang tidak sah telah diwujudkan di dalam sistem yang melibatkan 123 majikan. Daripada 32,424 kuota ini tadi, sejumlah 21,378 pekerja asing telah dikeluarkan PLKS iaitu stiker untuk pekerja-pekerja dalam sektor 3D ini. Jumlah levi yang tidak diterima oleh kerajaan ialah RM24.5 juta. Yang Berhormat dan Ahli-ahli PAC, dasar mengenai pekerja asing ini yang melibatkan pembayaran kuota bagi tahun pertama, pembayaran levi untuk kuota tahun pertama mesti dibayar di *one stop centre* Kementerian Dalam Negeri, telah diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing 2005 iaitu kira-kira 14 tahun yang lalu. Di mana levi ialah RM1,850 bagi sektor perkhidmatan dan RM640 bagi sektor perladangan dan pertanian iaitu sektor-sektor yang selain daripada sektor perkhidmatan.

Berkaitan dengan isu yang dibincangkan di sini, Jabatan Imigresen telah membuat kajian bagaimana ia dilakukan. Modus operandi yang dilakukan ialah mereka yang melakukan perwujudan kuota secara tidak sah ini mempunyai pengetahuan yang cukup mendalam di dalam ICT. Ia berpunca daripada *ID hacking* iaitu ID milik pegawai Imigresen telah dicuri dan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu dan kuota akan diwujudkan untuk syarikat-syarikat tertentu iaitu majikan 123 ini tadi. Contohnya, syarikat ABC tidak pernah memohon pun pekerja asing melalui sistem ePPAx dan sebagainya tetapi tiba-tiba di dalam sistem boleh mempunyai kuota sebanyak jumlah tertentu seperti 10, 20 ataupun 100.



Kuota-kuota yang diwujudkan ini sebenarnya tidak melibatkan pertambahan kuota baharu, ia dihasilkan daripada kuota lama yang telah pun *expired*. Surat kelulusan yang diberikan untuk majikan membawa masuk pekerja asing yang dikeluarkan oleh *one stop centre* KDN sah selama 18 bulan. Selepas 18 bulan, surat kelulusan ini tidak lagi– ia telah dianggap *expired*. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, kuota yang diluluskan itu masih lagi berada di dalam sistem.

Selain daripada itu, terdapat juga kuota-kuota lama yang sememangnya berada di dalam sistem sebelum sistem ePPAx mula digunakan. Sistem ePPAx digunakan pada tahun 2016. Jadi, kuota lama ini telah di manipulasi oleh mereka yang mempunyai kepakaran di dalam ICT dengan mencuri ID milik pegawai imigresen dan mewujudkan sejumlah kuota-kuota tertentu. Perkara ini melibatkan pejabat-pejabat Imigresen negeri, maknanya PLKS ini diproses di pejabat-pejabat Imigresen negeri seperti Terengganu, Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor dan juga di bahagian-bahagian di Ibu Pejabat Imigresen sendiri. Contohnya, di Bahagian Visa, di Bahagian Penguatkuasa dan juga di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing. Berdasarkan...

**Tuan Pengerusi:** Sekejap Dato'. Itu penemuan Audit mengenai kelulusan kuota dan juga bayaran levi tidak teratur ini. Saya hendak tanya perkara pokok mengenai kelulusan kuota. Boleh tidak Yang Berbahagia Dato' nyatakan kuota ini dapat menerusi beberapa cara dan apakah cara-cara itu?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Kuota untuk pekerja asing ini diperoleh melalui satu cara sahaja iaitu di *one stop centre* di Kementerian Dalam Negeri, yang mana Setiausaha Bahagiannya ialah Encik Mohd Zamri di sebelah saya ini. Kita bercakap tentang kuota yang sah, bermakna...

**Tuan Pengerusi:** Okey. Kuota yang sah adalah satu cara sahaja. Jadinya, kuota khas itu tidak sah-lah? [*Disampuk*] Akan tetapi tadi dimaklumkan kuota yang sah cuma ada satu sahaja. Okey, boleh tidak bagi penerangan mengenai perkara ini?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Maksud Yang Berhormat, kuota khas ini macam mana? Maksudnya, kuota yang...

**Tuan Pengerusi:** Kelulusan khas.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Kelulusan khas pun akan melalui sistem *one stop centre* (OSC) juga. Ia tidak ada di luar daripada sistem. Ia *still* pergi kepada OSC.

**Tuan Pengerusi:** Boleh tidak terangkan mengenai *the details of* daripada mana kelulusan daripada kementerian melalui– *the process, the SOP* kelulusan khas. Kalau saya boleh dapat makluman. Oleh sebab itu antara yang di taklimat kan kepada kami Ahli-ahli PAC, jadinya kita perlu mendapat penerangan daripada kementerian sendiri ataupun daripada jabatan sendiri.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Saya minta Encik Mohd Zamri untuk *explain further on the process* itu.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Pekerja Asing), Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli PAC yang saya hormati sekalian. Umumnya- saya pergi penerangan yang pertama dahulu bagi mendapatkan *macro perspective, at the end of the day, how we approve any application done by the* majikan. Pertamanya, selepas *approval* dapat daripada JTK, so JTK akan *produce Job Clearance System* punya *cert, which is* majikan berkenaan layak, boleh dipertimbangkan untuk menggajikan pekerja asing atau *apply* pekerja asing. *After getting the cert, they were given three months time* untuk *turn up to one stop centre*. *For instance*, kalau-lah ia minta- Saya cerita dahulu *macro perspective*, Yang Berhormat. *For instance*, kalau ia minta *manufacturing*, maknanya dalam tempoh 3 bulan. Kata-lah hari ini dikeluarkan- *the issuance of the approval from JTK* itu keluar hari ini, maka mereka ada 3 bulan untuk *turn up*, untuk ditemudugakan secara *walk-in* oleh AKS. *For instance*, kes *manufacturing*, maka akan ditemu duga oleh wakil daripada MITI.

■1300

So, kita ada *more or less*- kita ada enam AKS (enam merujuk kepada sektor yang dibenarkan penggajian pekerja asing. Jumlah AKS adalah sembilan) di *one stop centre*. So, kalau *it depends* macam saya cakap tadi, *it depends on the sector* yang akan di temu duga. Itu perspektif pertama. So, lepas dapat itu maknanya...

**Tuan Pengerusi:** Bermaksud tiga bulan lah, tiga bulan, tiga bulan untuk *the whole process* kah macam mana?

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** *No, no. They were given three months time after getting the JCS from JTK* untuk *turn up at any time. Within three months time*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, so *yours will be one month and then after that* dalam masa tiga bulan itu dia pergi sana.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Ia terpulang pada majikan itu.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah, ya lah. *They can go to the...*

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** So, dia hendak hari ini kah ataupun *three months time* kah. *It depends*.

**Tuan Pengerusi:** Yes. Hari yang pertama dapat kelulusan *they can go to you...*

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** ...*Or maximum* dia boleh pergi, *the max will be three-month* lah. Okey, *clear*.



**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** So, keputusan akan dikeluarkan pada hari yang sama. *In fact*, Tuan Pengerusi kita telah buat cubaan tahun ini, kita keluarkan *result* 30 minit selepas temu duga dikeluarkan selepas sesi temu duga. Kita telah mencapai 92 percent pun dalam temu duga itu. Tidak apa itu urusan lain. Cumanya selepas itu mereka akan dapat 30 hari untuk bayar levi, kemudian *after getting approval*, mereka akan dapat 18 bulan untuk *bring them into* Malaysia. Itu yang konteks *macro perspective the whole ecosystem process* untuk membawa masuk pekerja asing.

Dalam konteks yang Tuan Pengerusi nyatakan kelulusan khas, kelulusan khas ini *they were given the mandate by the Jawatankuasa Kabinet* pada 2005 untuk memberi *empowerment* kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. *It was decided* dalam JKKPA-PATI dalam tahun 2005 untuk dalam konteks merayu. Kita guna konteks merayu. Saya guna *because I was interviewed by the Auditors* pun saya kata memang *stated* merayu. *I was* ditanyakan apakah konteks merayu? So, maknanya dalam konteks itu akan ditentukan oleh YB MDN seperti mana yang telah *powered given by* JKKPA-PATI pada tahun 2005.

Bergerak daripada situ Tuan Pengerusi, macam mana pun kalau berapa banyak- macam mana pun yang diputuskan adapun telah di minit kepada kita, kita akan membuat penilaian saksama seperti mana yang kita diputuskan oleh AKS juga.

*For instant* Tuan Pengerusi, kita menggunakan juga apa juga kriteria yang terpakai bagi setiap AKS yang pakai. *For instant* kalaulah diminta *for manufacturing, for manufacturing one third* (merujuk kepada kriteria kelayakan kuota pekerja asing sektor perkilangan iaitu berasaskan nisbah pekerja tempatan kepada pekerja asing 1:3). So, kalau kita akan lihat di punya kapasiti, kalau dia sudah ada *local* banyak ini so, *this is a numbers* yang dia *entitled to get the foreign workers*. So, kemudian kita akan log balik dalam sistem dan akan melalui sistem yang sama juga seperti mana yang mengguna pakai sistem permulaannya di JTK tadi.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Tuan Pengerusi, soalan saya, kalau ada satu surat daripada Menteri sebab dia ada kuasa Menteri yang telah diputuskan oleh Kabinet tadikan, mengarahkan untuk *one stop centre* untuk proses, berapa persen daripada yang diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri itu ditolak berdasarkan kepada *you* kata tadi *you* mempertahankan sistem pemrosesan itu.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Terima kasih Yang Berhormat. *In response to this*, saya tidak boleh kata spesifik *percentage*. *As long as you fulfill the criteria as per utilize* ataupun *practices* dalam AKS kita akan guna yang sama. So, *we are going to propose for instant*. Kalaulah dia kata dia layak 100, di minit 100, kalau dia dapat kosong, kosong saya akan *propose* kosong. So, dalam keadaan-keadaan tertentu saya kena cakap bermaknanya kalaulah Menteri ada

kuasa, okey, SUB so this is yang kita akan buat macam biasa, proposal, setuju tidak setuju atau *is there any other* keputusan-keputusan lain.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Sambung sikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Nanti dulu, saya dulu. Nanti kemudian saya bagi kepada Yang Berhormat.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Baik, baik.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya daripada itu- nanti selepas ini. Oh, lepas ini Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Kluang pun hendak, okey. *I'll give to* Yang Berhormat Hulu Langat selepas itu, *then I will give to* Yang Berhormat Kluang. Akan tetapi sebelum itu... Oleh sebab *I am concerned* sebab tadi dimaklumkan kalau ada yang macam Yang Berhormat Hulu Langat katakan tadi, kalau ada surat. Kalau ada surat *then you analyse*, selepas itu *based on your professionalism*, *you* tengok keperluan dia, kalau ada okey, kalau tidak ada *then you* akan memaklumkan balik, Encik Zamri akan maklumkan balik bahawa tidak ada keperluan untuk syarikat ini atau permohonan ini.

Ada tidak *any occasions* yang mana permohonan lain tetapi dapatnya lain, kemudian dirayu semula kepada SUB untuk mempertimbangkan semula.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya tidak ada kuasa untuk menentukan sebarang *numbers of quota* dan saya bergerak...

**Tuan Pengerusi:** Tadi kata, "*Oh, saya hendak- permohonan ini, selepas itu saya kosong, kosong lah...*".

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Bukan Tuan Pengerusi, I ingat macam ini. Apa yang Tuan Haji Zamri sebut ialah dia membuat perakuan, membuat perakuan, bukan memutuskan. Kalau Menteri kata lulus 100 selepas itu *one stop centre* akan tengok balik, kalau dia memenuhi syarat dia akan perakui berapa kelayakan. Perakuan akan diangkat balik kepada Menteri untuk kelulusan, *final* lah kalau kata dia lulus, luluslah, tidak ada, tidak adalah. Itu ya. *One stop centre*.

**Tuan Pengerusi:** *One stop centre* kah ataupun Menteri? Dia lain itu Tan Sri.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tidak, tidak *one stop centre* membuat perakuan. Tadi sudah *interview* semua itu, kemudian wakil itu akan membuat perakuan. Kalau keputusan...

**Tuan Pengerusi:** Dia proses.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** ...Kalau yang kelulusan khas tadi. Kalau yang biasa dia akan *decide* lah, agensi pelaksana akan *decide* tetapi yang mana ada minit-minit tadi lah yang kita akan angkat balik kepada Menteri...



**Tuan Pengerusi:** Proses dan di tengok.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** ...Bahawa *this is the* kelayakan yang sepatutnya diperoleh oleh syarikat A contohnya. Jadi kita angkat balik.

**Tuan Pengerusi:** Sebab Tan Sri kerana apa, kerana daripada Laporan Audit yang merisaukan kami di pihak PAC ataupun yang *concern* lah, *we are very concerned*. Ini kerana kelulusan khas itu lebih daripada yang melalui proses biasa, itu dan *you hold you* punya *thought in answering that*. Saya akan bagi kepada Yang Berhormat Hulu Langat dulu *and then* selepas itu Yang Berhormat Kluang ya. Okey, dipersilakan.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Saya cuma hendak pastikan memang proses dia Yang Berhormat Menteri *direct* kepada *one stop centre* ataupun kepada pegawai-pegawai dulu baru sampai kepada *you*. Keduanya *you* dapat daripada JTK ataupun *direct* daripada Menteri tadi. Soalan kedua saya.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Yang Berhormat dia ada dua macam saya ada *mention* tadi Yang Berhormat. Konteks ini ada dua. Kalau yang mengikut *after getting the approval from* JTK makna kita akan dapat daripada JTK. Dapat daripada JTK ini tertakluk kepada majikan sama ada dia hendak *turn up* atau tidak dalam tempoh tiga bulan. So, kalau lah majikan *turn up* dalam tempoh tiga bulan, makna kita akan proses sehinggalah *at the end of the session*. Maknanya dia akan dapat A tolak, diterima atau B di tolak. Walaupun terima atau tolaklah. Itu maknanya proses bermula daripada menggunakan ePPAx sampailah ke OSC KDN.

Kedua pula Yang Berhormat, berkaitan dengan kelulusan khas, memang kita akan dapat minit daripada— minit ini *varies*. Ia akan melalui Tan Sri KSU ataupun terus kepada SUB. Cuma selepas itu kita akan buat *paper* balik kepada Menteri. Seingat saya *none of* yang Menteri minit kepada saya kita tidak *put up back to* Menteri. So, maknanya kita akan angkat balik untuk memberi perakuan secara profesional apakah bilangan yang bersesuaian. A mungkin dia layak, B mungkin dia tidak layak ataupun lain-lain keputusan yang kita rasakan bersesuaian untuk kita *put up back to Minister, yet you are waiting for final decision going to be made by the Minister*.

So, maknanya proses itu kita buat secara konsisten dengan menggunakan dan memberi pertimbangan atau mengangkat perakuan semula kepada *Minister* sama ada majikan itu layak untuk diberi pertimbangan menggaji pekerja asing atau tidak. Memang *we are very consistent right from the beginning*. Kalau ada perakuan daripada *Minister* kita akan *put up back* di perakuan untuk dapatkan *last consent from* Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Pengerusi, Tuan Haji ya. Berdasarkan jawapan tadi...

**Tuan Pengerusi:** Tuan Haji mana?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Itu siapa? Tuan Haji kah?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tuan Haji, Haji Zamri.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Haji Zamri. Fasal dia nampak macam baru balik haji. Tuan Haji Zamri ya.

Okey, berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat diberikan oleh Tuan Haji Zamri mengatakan bahawa walaupun ada minit daripada Menteri tidak semestinya apa yang diminit oleh Menteri itu di terima 100 peratus tetapi mestilah melalui proses yang betul, tepat daripada OSC yang dikendalikan oleh *you*, betul? *You* akan membuat perakuan barulah dapat kelulusan sebenar daripada pihak Menteri, betul? Terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Tuan Pengerusi, soalan saya *simple* sahaja. Saya cuma hendak pastikan kenapa ada pembayaran levi yang tidak teratur ini. Ini kerana seharusnya semua majikan yang mohon untuk dapat pekerja asing ini buat bayaran levi terlebih dahulu baru dapat PLKS. Akan tetapi apa masalah yang berlaku di sini akhirnya kerajaan tidak dapat kutipan, bayaran ini dan keluarkan PLKS tanpa dapat apa-apa bayaran.

■1310

**Tuan Pengerusi:** Sekejap. Saya hendak minta persetujuan Ahli Mesyuarat dahulu sebab saya tengok jam sebelah kiri itu pukul 1.10 petang. Okey, sebab kami berpendapat isu ini adalah sangat penting sebab ini antara– Bukan isulah. Perkara yang kita siasat di bawah PAC yang kami percaya ia kalau kita tengok secara *detail* boleh membantu kepada pengurusan yang lebih efektif. Jadinya, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, kalau sekiranya prosiding ini disambung di sebelah petang, adakah ia menjadi masalah kepada pihak kementerian?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Dalam 2.30 petang. Boleh? *So*, kita siapkan *lunch* semua.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Nampak *tense* sikit. Kita beri makan dulu.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi sebelum itu, Yang Berhormat Hulu Langat hendak bertanya soalan. *After that* nanti saya serahkan kepada Dato' dan juga kepada Encik Zamri.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Saya perlu jawab...

**Puan Wong Shu Qi:** Soalan saya dulu.

**Tuan Pengerusi:** Okey, KP Imigresen menjawab soalan kepada Yang Berhormat Kluang. Selepas itu, saya akan benarkan soalan terakhir sebelum kita *break* kepada Yang Berhormat Hulu Langat dan dia hendak menunjukan soalan kepada Tuan Haji Zamri.



**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan daripada Yang Berhormat Kluang tadi ialah kenapa wujudnya kuota-kuota yang tidak sah ini? Oleh kerana sedangkan kuota sepatutnya melalui *one stop centre*. Seperti mana yang saya terangkan sebentar tadi bahawa kuota yang tidak sah ini diwujudkan melalui *ID hacking*. Seseorang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan di dalam ICT telah mencuri ID milik pegawai-pegawai Imigresen. Dengan menggunakan kuota-kuota lama yang telah *expired*, kuota-kuota lama yang belum digunakan yang masih berada di dalam sistem, mereka *utilised* kuota-kuota lama ini untuk *create* di dalam sistem seolah-olah syarikat ABC contohnya, telah pun mempunyai kuota, telah pun membayar levi yang diperlukan sedangkan bayaran tidak dibuat dan ini tidak disedari oleh pegawai-pegawai Imigresen.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi laporan polis telah dibuat mengenai perkara ini?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Sejumlah 13 laporan polis telah pun dibuat, Yang Berhormat, mulai tahun 2017 sehingga tahun 2018. Polis menyiasat perkara ini di bawah *computer crime* dan pembuktian data forensik diperlukan. Terima kasih.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Terima kasih *Chairman*...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Pengerusi, ustaz, sekejap ya.

**Tuan Pengerusi:** Nanti dulu. Ustaz dulu.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Satu sahaja berkaitan jawapan tadi. Sekejap.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada. Hulu Langat dahulu, selepas itu Yang Berhormat Kuala Krau.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Terima kasih *Chairman*.

**Tuan Pengerusi:** Nanti dulu, nanti.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Saya hendak bertanya kepada Tuan Haji Zamri, saya merasakan sebagai anggota PAC, saya perlukan statistik jumlah surat yang dihantar oleh Menteri, minit yang dihantar oleh Menteri, yang *you* proses, yang diterima dan yang ditolak berdasarkan kepada itu. Akhirnya, selepas *you reply*, contohnya *you* cadangkan bahawa tidak sesuai, apakah benda itu ada proses lain sehingga dapat? Faham soalan saya? Terima kasih.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tempoh bila Yang Berhormat hendak tanya ini? Adakah...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Serahkan pada *Chairman* dan...

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Oleh sebab tempoh Yang Berhormat tanya itu untuk tempoh bila?

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Oh, untuk tempoh bila?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Kena beritahu spesifiklah.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Sejak daripada... *[Disampuk]* sama dengan Audit punya.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tempoh itu kena adalah. Jangan— Oleh sebab kita...

**Tuan Pengerusi:** *Time* Audit itu, Tan Sri. *Time* Audit, *time* Audit.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Skop Audit 2016 hingga 2018.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Okay, we will find on that period.*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Terima kasih.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Okay, thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Kuala Krau, Dato' Sri Kuala Krau.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Okey, yang kata 13 laporan polis tadi KP Imigresen, adakah ia terlibat dengan kes 1,013 yang gagal FOMEMA tetapi dapat PLKS? Adakah kes ini yang dimaksudkan 13 laporan polis itu?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Kes yang gagal FOMEMA ini Yang Berhormat, kes yang berlainan, berbeza. Laporan polis ini hanya untuk 21,378 PLKS yang diterbitkan secara tidak sah ini.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Terima kasih buat sementara waktu, selepas *lunch* kita akan jumpa kembali di dalam bilik mesyuarat ini pukul 2.30 petang. Terima kasih. Ada makanan, *lunch* disediakan untuk semua. Terima kasih banyak-banyak.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.15 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

#### ■1430

**Tuan Pengerusi:** Okey. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kita sambung prosiding kita setelah kita rehat tengah hari tadi. Jadinya, sebelum kita berhenti tadi, Ketua Pengarah JIM ada memberikan taklimat. Mungkin saya boleh jemput untuk teruskan.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada sedikit kenyataan saya perlu dibetulkan yang saya buat sebelum kita berehat tadi. Jumlah laporan polis yang saya nyatakan tadi 13 laporan, ya. Akan tetapi sebenarnya jumlah laporan polis yang telah dibuat ialah 20 laporan merangkumi laporan-laporan polis yang dibuat sebelum kes ini dijumpai oleh pihak Audit. Dari tahun 2017, tahun 2018 sehinggalah pertengahan tahun 2019. Sejumlah 20 laporan polis yang telah dibuat.



**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Apa itu, 20 laporan itu, berapakah sebelum penemuan dan berapa selepas penemuan Audit?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Sebelum penemuan –saya perlu semak Yang Berhormat dalam semua senarai ini.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Tuan Pengerusi. Sini, depan.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Dalam 20 laporan itu, apa perkembangan respons daripada PDRM dalam tempoh tahun 2017 sampai hari ini, apa ada respons?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Maklumat terbaru yang dimaklumkan oleh PDRM ialah kes ini masih lagi di dalam siasatan di bawah *computer crime* dan juga di mana pembuktian digital forensik adalah diperlukan, ya. Ini kerana...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Belum ada tangkapanlah?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Belum ada tangkapan lagi. *Of course*, belum ada pendakwaan kerana kes-kes ini terlalu teknikal.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tadi, tidak *on* mikrofon. Belum ada tangkapan lagilah?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Belum ada tangkapan lagi.

**Puan Wong Shu Qi:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Puan Wong Shu Qi:** Saya mahu tahu, seramai 21,378 pekerja asing daripada kuota yang tidak teratur telah mendapat PLKS ini, mana sumber negara asal mereka?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Kebanyakannya daripada Bangladesh dan Pakistan. Saya ada maklumat lengkap, ada di dalam *booklet* ini.

**Tuan Wong Chen:** Bagi peratusan itu.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Saya perlu kira Yang Berhormat kalau ini. Akan tetapi majoriti adalah daripada Bangladesh.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ada pegawai tidak yang boleh bantu dari segi peratusan?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Boleh.

**Tuan Pengerusi:** Boleh kirakan? Sementara Dato' KP...

**Seorang Ahli:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Boleh. Boleh.

**Tuan Pengerusi:** Ya, okey.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** *Okay. Alright.*

**Tuan Pengerusi:** Boleh tidak nyatakan juga negara-negara sumber.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Boleh, boleh.

**Tuan Pengerusi:** Berapa jumlah negara sumber? Kalau ia tidak banyak, kalau ia melebihi daripada 10, boleh dinyatakan negara-negara sumber tersebut?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya, boleh Tuan Pengerusi. Tolong kira ya?

**Tuan Pengerusi:** Bukan. Maksud saya Dato' KP, saya hendak tahu berapa banyak negara sumber yang dibenarkan di Malaysia ini?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Negara sumber...

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Negara sumber untuk pekerja asing.

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** 15 buah negara.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** 15 buah negara.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Sekarang ada 15 buah negara.

**Tuan Pengerusi:** 15?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** 15 buah negara sumber.

**Tuan Pengerusi:** Boleh tidak nyatakan negara-negara sumber tersebut?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Encik Mohd Zamri boleh tolong?

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Tuan Pengerusi, pertamanya Indonesia, Bangladesh, Nepal, Myanmar, India, Pakistan, Filipina, Vietnam, Thailand, Sri Lanka, Cambodia, Laos, Uzbekistan, Kazakhstan, Turkmenistan.

**Tuan Pengerusi:** China tidak ada?

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** China bukan negara sumber.

#### ■1440

**Tuan Pengerusi:** Habis yang urut-urut kaki, yang refleksologi itu?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Itu semua mereka yang menyalahgunakan pas lawatan sosial dan selalunya mereka ini ditangkap semasa operasi-operasi yang dijalankan.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey. Silakan Audit.

**Dr. Yati binti Md Lasa:** Ada juga yang— China ini adalah melalui kelulusan khas.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Itu Tuan Pengerusi, saya suka jelaskan, memang ada untuk projek-projek tertentu. Macam Pengerang punya projek. Pengerang di Johor. Ini projek khas yang dilaksanakan oleh kerajaan. Ada keperluan untuk syarikat yang ada di sana mengambil pekerja daripada China. So, kita bagi kelulusan khas untuk kes-kes tertentulah macam itu.



**Puan Wong Shu Qi:** Bolehkah Tan Sri jelaskan berapa projek yang khas ini diberi kelulusan untuk mendapat pekerja asing dari negara China?

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Yang Berhormat, *if I may respond* soalan berkenaan. Bagi tujuan di Pengerang Intergrated Petroleum Complex, di RAPID ini, Pengerang ini. Saya nyatakan keseluruhannya, kita telah meluluskan permohonan sebanyak 118 iaitu 88 *percent* syarikat daripada 134 permohonan yang melibatkan kelulusan seramai 35,774 orang pekerja asing. Dari jumlah tersebut, kita ada terima permohonan sebanyak 134 syarikat. Kita luluskan ke atas 118 syarikat dan permohonan awal sebanyak 69,351. Kita telah luluskan 35,774. Ini *general* punya *applications* dan juga *approval*. *To narrow to this* syarikat yang dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing warga China adalah sebanyak 23 syarikat iaitu 20 *percent* sahaja, meliputi sebanyak 11,694 iaitu meliputi 33 *percent* daripada seluruh pekerja asing yang kita telah luluskan kepada Pengerang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jasin, sekejap saya hendak pergi— saya hendak minta Yang Berhormat Jasin tolong mempengerusikan sementara ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkitkan satu perkara. Fasal ia kata sekarang, banyak daripada pelaburan-pelaburan dari negara China yang bukan sahaja dalam bidang pembuatan, bahkan dalam bidang perkhidmatan. Ia mengambil pekerja-pekerja bukan sahaja daripada kumpulan pengurusan, bahkan bawahan-bawahan pun. *Technician* pun ambil daripada sana. Jadi, macam mana kita boleh luluskan? Oleh sebab saya tahu, kelulusan mestilah berdasarkan daripada kumpulan pengurusan sahaja. Akan tetapi bawah-bawahan ini pun ia ambil. Tempat saya pun ada berlaku. Ia buka kilang, ia ambil pekerja dari negara China secara besar-besaran.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Yang Berhormat, *if I may respond*. Kelulusan di OSC adalah hanya untuk *low-skilled* sahaja. Sekiranya melibatkan *semi-skilled* dan *skilled*, maknanya ia akan minta di bawah TalentCorp ataupun di bawah *jurisdiction of* Jabatan Imigresen Malaysia. Di OSC KDN, bermula dari JTK dan kemudian di OSC KDN hanya *dedicatedly for low-skilled* sahaja.

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** Mungkin kalau boleh Dato' KP *explain*. Kita ada kategori itu. *One, two, three* itu. Satu, dua, tiga itu apa. Mungkin Dato' KP boleh tolong.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Bagi pelaburan-pelaburan daripada syarikat daripada China yang membuka kilang-kilang besi atau *steel companies* ini, pekerja-pekerja mereka yang melaksanakan kerja-kerja peringkat bawahan ini mereka masuk dengan apa yang kita panggil kelulusan *employment pass* kategori tiga iaitu *expatriate*. *Expatriate* kategori tiga, yang bergaji RM3,000 hingga RM5,000 lah. Ada juga yang masuk dengan menggunakan

*professional visit pass* yang ataupun dalam bahasa Melayu dipanggil PLP, yang sah selama 12 bulan. Kenapa mereka menggunakan pekerja-pekerja dari negara mereka, kerana *steel companies* ini membawa terus peralatan-peralatan, *machine* dari negara asal, daripada China. Hanya mereka yang terlatih di sana sahaja yang boleh mengoperasikan mesin-mesin ini. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, bukan semua. Ada juga dalam kalangan pekerja-pekerja mereka ini daripada warga tempatan. Akan tetapi saya tidak nafikan jumlahnya adalah rendah. Terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi:** Maaf. Soalan susulan tentang pekerja asing dari negara China ini. Selain daripada projek di Pengerang ini, ada lagi projek lain yang memohon untuk kelulusan khas untuk pekerja asing negara China tak?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Bagi kilang *steel companies*, mereka tidak perlu memohon kelulusan khas. Permohonan dibuat secara teratur melalui sistem *expatriate*. Ia mohon melalui TalentCorp. Kemudian akan dibuat pertimbangan yang sewajarnya dan kemudian akan diberi kelulusan sekiranya syarikat ini memang layak untuk menggunakan *expatriate*.

**Puan Wong Shu Qi:** Tak. Maksud saya, selain daripada projek di Pengerang, ada permohonan lain untuk dapat pekerja asing dari negara China dan untuk dapat kelulusan khas dari Yang Berhormat Menteri atau tidak?

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada beberapa lagi projek yang selain daripada kita luluskan di Pengerang iaitu antaranya di ECRL. *Because*, seperti yang telah kita ketahui— *because, the main contractor* ataupun syarikat adalah *associate* dengan *from* China. Kita juga ada meluluskan kelulusan kepada satu syarikat di Kuantan, Gebeng. Itu melibatkan syarikat daripada China. *Most of the* syarikat-syarikat yang kita telah luluskan untuk mendapat warga China ini adalah syarikat itu *based-nya* di China. Antara kriteria-kriteria yang telah kita pertimbangkan untuk meluluskan warga China ini adalah pertamanya adalah— pertama, *case to case basis*. Keduanya adalah sebahagian besar daripada— *so called experts* dalam *low-skilled*. *Amongst low-skilled* itu ada *expert*. *So, machinery* itu *totally comes from* China. *So, they need to get*— perlu merekrut pekerja-pekerja yang sedia ada, mahir daripada China.

Suka saya hendak nyatakan di sini Yang Berhormat, bahawa walaupun kita membenarkan secara *case to case basis* pekerja asing daripada China *even though* mereka ini bukan daripada negara sumber yang telah kita gazet atau telah kita wartakan. Akan tetapi secara prinsipnya *usually* kita meluluskan sehingga 50 *percent* sahaja. *For instance*, katalah kita telah luluskan 1,000 pekerja asing kepada mana-mana syarikat. Sekiranya syarikat berkenaan berhasrat untuk *hire* atau mengambil pekerja asing daripada China, *usually* kita akan mengguna pakai— membenarkan sehingga 50 *percent* sahaja daripada keseluruhan AP yang telah kita



benarkan, dalam keadaan tertentu. Maknanya, kita punya— *foundation* kita 50 percent. Akan tetapi ada kalanya kita tak dapat nafikan ada yang dalam kes-kes tertentu kita kasi sehingga lebih dari 50 percent kerana *most of the job spec* itu adalah *associate* dengan *machinery* yang hendak digunakan. Seperti yang di Kuantan itu, yang— saya lupa nama syarikat itu. Memang *most of* ini *from* China punya *machinery*. So, memudahkan syarikat cepat dalam proses mengeluarkan produk dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ketika ini, selain daripada pelaburan yang dibuat, yang diimport secara keseluruhan. *They have already established a colony of themselves. Chinese colony.* Itu kita bimbang fasal apa, tidak memberi peluang kepada orang tempatan. Bahkan, kemungkinan ada faktor keselamatan.

**Tuan Pengerusi:** Ada respons mengenai perkara ini?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Itu kita mengambil maklum, Tuan Pengerusi. Akan tetapi kita juga akur dengan dasar kerajaan pada ketika-ketika tertentu lah. Maknanya, *because of at the same time*, kita hendak *attract investment* untuk masuk *from* China dan *at the same time*, China punya *company* biasanya ia akan perlukan orang ia sekali, *because of the machinery* dan sebagainya. Jadi, itu yang kadang-kadang mereka juga perlu pekerja di *all levels*, daripada bawah sampai ke atas. Itu memang— sebahagian *companies* ia macam itu. Akan tetapi kita faham tadi, balik kepada projek-projek ini, hanya projek khas lah. Bukan menyeluruh kepada semua industri dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Okey Tan Sri, saya hendak bertanyalah mengenai yang terutamanya sekarang kita bercakap mengenai pekerja daripada China. Apabila kita meluluskan sejumlah pekerja untuk masuk ke Malaysia dan kita pun juga maklum China ini bukannya negara sumber. Adakah terdapat *transfer of knowledge* ataupun *transfer* dari segi itu kepada *local people* yang memang *required*?

#### ■1450

Ada tidak dasar-dasar itu dekat kita, di Malaysia ini? Ini sebab kita bawa *whole bunch of them* masuk ke Malaysia, lepas itu dia bekerja di sini dan ini menyebabkan ketiadaan pekerjaan untuk pekerja tempatan, satunya. Selepas itu yang keduanya pula, kadang-kadang proses untuk membuat satu pekerjaan walaupun ia berkadar kontrak, ia akan mengambil masa. Bila mengambil masa, *at the end of the day Malaysians* tidak ada pekerjaan, *knowledge* itu tidak di-*transfer*-kan, kita akan terus *dependent* kepada pekerja-pekerja dari China. Jadinya, boleh tidak saya hendak dapat maklum balas mengenai perkara ini? Kita memang tidak ada dasar orang masuk ke Malaysia...

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Kita di KDN *because* ini akan melibatkan juga dasar pelaburan negara termasuk mungkin MITI dari segi macam mana dia *attract business investment* daripada luar. Jadi kita di KDN *based on the* dasar yang diputuskan-lah. *It is because* apabila ada pelaburan dan ada keperluan untuk mengambil pekerja asing. Macam Pengerang punya kes, so apa yang kita buat ialah kita *establish* satu jawatankuasa khas di peringkat kementerian untuk memproses permohonan-permohonan yang berkaitan dengan pelaburan di Pengerang termasuk yang *investment* dari China tadi. Itu sahaja. Jadi, ini melibatkan dasar kerajaan-lah Yang Berhormat.

Kalau macam yang lain, macam melalui *TalentCorp* umpamanya, dia ada syarat-syarat tertentu. Akan tetapi *that one is* bukan hanya untuk China, tetapi untuk *other nationalities* juga yang ada dibenarkan untuk masuk bekerja dan sebagainya dengan syarat-syarat tertentu.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Yang Berbahagia Dato', respons.

**Dato' Amir bin Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya kalau untuk *TalentCorp*, dia memang ada *requirement* di mana kita bagi dalam tempoh tertentu dia kena *transfer of knowledge*. Itu kita tengok *sector by sector* dan dia hanya dibenarkan dalam tempoh tertentu sahaja, lima tahun *subsequently* dia *transfer the knowledge to the locals* supaya bidang-bidang tertentu dapat kita ambil alih untuk *upskilling and reskilling of our workforce*.

**Tuan Pengerusi:** Maksud, cuma di *TalentCorp* sahaja-lah, tetapi tidak secara menyeluruh kepada bidang-bidang lain? Di bawah kementerian lain tidak ada?

**Dato' Amir bin Omar:** Sebenarnya *TalentCorp is a coordinator* untuk semua sekarang ini-lah. Dahulu tidak ada, sekarang saya rasa *last year* kita sudah pastikan bahawa semua pengambilan profesional perlu melalui *TalentCorp* supaya kita boleh monitor *and also* kita ada *special programme* supaya dia *subsequently train the locals to replace all these foreign workers* terutama sekali di kalangan *expatriates*. Itu memang kita – Melainkan *expatriates* tertentu yang mana macam kewangan, yang mana ia bergantung pada syarikat tertentu-lah untuk mengawal selia dia punya kepentingan. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ini adalah dasar?

**Dato' Amir bin Omar:** Dasar.

**Tuan Pengerusi:** Dasar. Okey, terima kasih.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Yang Berhormat, mengenai *transfer of knowledge, transfer of technology*, ia berlaku melalui *pass PVP* yang kita bagi tadi, yang saya maklumkan *Professional Visit Pass* yang mana tempohnya adalah sama ada enam bulan ataupun setahun. Tujuan kita berikan *PVP* ini ialah supaya pekerja asing ini boleh datang. Contoh di dalam *steel company* syarikat-syarikat China ini untuk mereka ini melatih pekerja tempatan. Jadi selepas



setahun, mereka akan balik dan pekerja tempatan boleh-lah mengoperasikan sendiri mesin-mesin di kilang-kilang yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Susulan daripada jawapan itu, saya hendak bertanya, bila habis satu tahun, berapa peratus yang memohon semula untuk bekerja ataupun menyambung kerja ataupun buat permohonan baharu?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Memang ada kes-kes di mana pemegang *PVP* ini...

**Tuan Pengerusi:** Sekejap. Berapa peratus?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Saya tidak ada data sekarang Yang Berhormat, untuk saya nyatakan berapa peratus kerana dia dalam bentuk *big data*. Permohonan melalui *TalentCorp*, kemudian dibentangkan di dalam mesyuarat dan kemudiannya akan sampai kepada saya untuk kelulusan terakhir. Saya perlu menyemak berapa peratus.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, sebelum ini ada analisa dibuat atau tidak ataupun hanya berdasar kepada permohonan, sokongan, lulus? Ada tidak satu analisa dibuat mengenai perkara ini oleh JIM ataupun daripada kementerian?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Sepatutnya di bawah *TalentCorp*, tetapi saya ingat mungkin Yang Berbahagia Dato' KSU boleh *explain* sama ada benda itu...

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi bawah *TalentCorp* bukan baru-kah?

**Dato' Amir bin Omar:** *TalentCorp* hanya baru sahaja diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia...

**Tuan Pengerusi:** Sebelum ini?

**Dato' Amir bin Omar:** Sebelum ini di bawah JPM, EPU, MEA sekarang. Baru sahaja masuk. JPM ya? Bawah JPM. So bila dibawa masuk ini, baru sahaja...

**Tuan Pengerusi:** Okey. Yang Berbahagia Dato' KSU, macam mana Yang Berbahagia Dato'? Ada tidak buat analisa ini bawah kementerian?

**Dato' Amir bin Omar:** Tidak ada.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum ini *TalentCorp* itu bawah JPM. Akan tetapi macam yang saya kata, kalau analisa itu kita akan biasanya kalau MEA sendiri rasa perlu buat analisa, MEA akan buat analisa. Akan tetapi, kadang-kadang itu kementerian yang buat analisa. Akan tetapi bagi yang berkenaan dengan isu ini, MEA tidak ada buat apa-apa analisa.

**Dato' Amir bin Omar:** Dahulu *requirement*-nya hanya-lah bidang-bidang tertentu sahaja yang berdaftar kepada *TalentCorp*. Baru-baru ini kita ada buat pindaan akta supaya kita dapat penyelarasan, semua pekerja asing dalam bidang profesional perlu mendaftar. Kalau tidak, susah

kita hendak monitor *how much*. [Disampuk] Di bawah Kementerian Sumber Manusia. *It is because* kita dapati bahawa *even* dalam kategori kelas ketiga, *it is quite huge*, lebih kurang 178,000. Ia telah mengganggu pasaran buruh terutama sekali kepada graduan kita. Itu yang saya punya *concern* dan dia *competing with the local graduates* dan gajinya RM3,000 ke RM5,000. *So, these are things* yang kita...

**Tuan Pengerusi:** Gaji dia pun berbeza bukan?

**Dato' Amir bin Omar:** Berbeza. Kalau yang betul-betul *expatriate*, kita galakkan. Akan tetapi macam Yang Berhormat *highlight*, kita mesti ada *time-based* berapa yang dibenarkan. Kita tidak boleh *open floodgates*. Kalau tidak, dia *depress and subsequent*. Kita takut dia *depress the wages*, so gaji tidak naik.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Hendak sambung lagi?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Saya teruskan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, silakan.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Mengenai soalan daripada negara manakah sejumlah 21,167 PLKS yang tidak teratur ini tadi, majoriti adalah daripada India iaitu 34.6 peratus ataupun 7,331. Kedua ialah Pakistan 32.9 peratus atau 6,972; Myanmar 17.4 peratus iaitu 3,684 orang. Bangladesh di tempat yang ketiga iaitu 2,128 orang ataupun 10.5 peratus. Tempat keempat ya Bangladesh, maaf. Seterusnya ialah daripada Indonesia 916 orang, Sri Lanka 76, Nepal 38 dan China 22.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Pengerusi, daripada 21,378 pekerja asing yang tidak teratur ini, adakah kita kerajaan telah mengambil tindakan menghantar pulang atau mengambil tindakan undang-undang yang lain?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Tindakan yang telah diambil Yang Berhormat, setakat sekarang ini ialah semua majikan ini telah pun disenaraihitamkan. Majikan yang terlibat dengan 21,167 ini. Selain daripada itu, semua kuota lama yang berada di dalam sistem telah dibatalkan. Mengenai pekerja-pekerja ini, ada di kalangan mereka yang telah pun pulang melalui *Check Out Memo* dan ada juga yang berada di dalam depot tahanan dan ada yang ditangkap semasa penguatkuasaan.

**Puan Wong Shu Qi:** Jadi, boleh kita *conclude* bahawa jumlah 21,000 orang ini semua sudah dikesan oleh penguat kuasa di mana mereka ataupun ada yang masih hilang lagi?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Data dia dalam pengetahuan JIM atau ada yang belum dapat dikesan? Itu maksudnya.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Masih ada yang belum dapat dikesan. Saya tidak nafikan masih ada yang berada di dalam negara kita.



**Puan Wong Shu Qi:** Agak-agaknya berapa orang lagi dan berapa peratus?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Kalau berdasarkan...

**Tuan Pengerusi:** Susah kalau agak-agak. Saya kena maklumat kalau diberi, *make sure* maklumat itu ini – Maklumat tepat, jangan main agak-agak.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Maklumat yang saya dapat adalah berdasarkan kepada analisis data di dalam sistem. Apa yang telah dibuat, tindakan penguatkuasaan ialah 1,122 ataupun 5.25 peratus, depot tahanan 479. Saya ingin terangkan di sini bahawa mereka yang dikenakan tindakan penguatkuasaan dan berada di dalam depot tahanan ini sebenarnya apabila dia dikenakan tindakan penguatkuasaan, dia akan ditempatkan di dalam depot tahanan untuk tujuan pengusiran ataupun untuk tujuan siasatan sementara menunggu perbicaraan. *COM (Check Out Memo)* yang telah *confirm* balik ialah 1,409 orang. Seterusnya ialah pekerja – Istilah di sini pekerja asing keluar dari data kawalan 7,871...

**Tuan Pengerusi:** Ini maksud dia apa? Ini sebab *Check Out Memo* itu lain. Ini apa maksud dia?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Pasport keluar, telah keluar-lah...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya sudah balik ke negara sumber-lah ini? Sudah balik ke negara dia-kah?

#### ■1500

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ini balik tanpa *COM*.

**Encik Rosfan bin Hashim [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat & Rekod, Jabatan Imigresen Malaysia]:** Maksudnya, data keluar itu ia sudah balik melalui pintu masuk dan pintu keluar Imigresen. Memang sudah keluar.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Pengerusi, saya hendak bantu JIM. Kalau boleh dapat...

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tidak Tuan Pengerusi, saya hendak bantu KP JIM ini. Kalau boleh bekalkan secara detil, secara bertulis pun tidak apa sebab saya bimbang kita punya angka ini tidak- silap. Oleh sebab ini hendak kita rekodkan.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Better* Yang Berhormat. Kita *take note*.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Lebih baik kita secara bertulis, hantar kepada Pengerusi PAC.

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab semua maklumat-maklumat ini nanti untuk direkodkan dan kalau prosiding kita, bila laporan ke dalam Dewan, ia juga akan dibuat sebagai *attachment*.

Jadinya, kena pastikan semua maklumat yang dimaklumkan kepada kita pada hari ini adalah maklumat yang betul, yang memang ada di pihak kementerianlah. Okey.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Okey, saya akan bekalkan maklumat ini nanti ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, terima kasih.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Seterusnya ialah mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Imigresen Malaysia setelah kes ini dijumpai oleh pihak Audit. Saya ingin memaklumkan bahawa tindakan-tindakan ini telah pun mula diambil sejak tahun 2016 lagi sebenarnya. Jadi, bukanlah bermakna bahawa apabila Audit menjumpai kes-kes tidak teratur ini, baru jabatan mengambil tindakan, tidak. Bagi tindakan dalam jangka pendek contohnya, seperti mana saya maklumkan tadi, majikan telah disenaraihitamkan dan semua kuota-kuota yang terlibat. Kuota-kuota lama yang masih berada di dalam sistem telah pun dibatalkan.

Hasil daripada tindakan jabatan ini, kalau kita lihat di dalam *social media* semenjak dua tiga hari yang lepas... *[Disampuk]* Semenjak dua tiga hari yang lepas, terdapat NGO yang mewakili sekumpulan majikan yang telah membuat *statement* yang mengatakan bahawa Jabatan Imigresen membatalkan PLKS yang telah dibayar levi. Ini menunjukkan bahawa tindakan yang diambil oleh jabatan ini mempunyai kesan. Apa yang dibatalkan bukan PLKS, PLKS tidak boleh dibatalkan tetapi ialah kuota-kuota lama. Jadi, kami mengesyaki bahawa mereka ini adalah terdiri daripada kalangan yang mendapat secara tidak sah sebelum ini.

Jadi, saya telah memaklumkan supaya majikan yang mengalami- jika majikan itu *genuine*, mereka bolehlah datang ke Jabatan Imigresen Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Boleh tidak Dato' KP terangkan, sebab saya kurang faham sebab beberapa kali disebut mengenai 'kuota-kuota lama'. Jadinya, apa maksud 'kuota-kuota lama' ini dan boleh bagi pemahaman tidak kepada kita semua?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ada majikan yang sebelum ini mereka mendapat surat kelulusan. Contohnya, mereka diberikan 150 kuota untuk membawa pekerja asing daripada Bangladesh. Dalam tempoh 18 bulan, mereka mesti menyelesaikan *recruitment* ini. Terdapat majikan yang gagal membawa masuk pekerja asing dalam tempoh yang ditetapkan. Daripada 150 contohnya, mereka cuma membawa 100 orang. Jadi, baki 50 ini selepas tempoh 18 bulan masih lagi berada di dalam sistem. Jadi, inilah yang dimaksudkan dengan 'kuota-kuota lama'.

**Tuan Pengerusi:** Kenapa masih ada lagi di dalam sistem sedangkan tarikh ia sudah luput?



**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ia tidak luput secara automatik sebelum ini, Tuan Pengerusi. Jadi, selepas masalah ini dikenal pasti, jabatan telah membuat tindakan semua kuota ini dibatalkan.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, kenal pasti itu bila? Bila Audit *pointed it out* ataupun memang melalui proses dalaman di Imigresen yang mengenal pasti perkara tersebut?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Selepas Audit *pointed it out* dan tindakan dalaman diambil oleh jabatan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Boleh teruskan.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Seterusnya ialah laporan-laporan polis dibuat. Sebanyak 20 laporan polis yang saya maklumkan tadi dan notis tuntutan telah dihantar kepada vendor yang menguruskan sistem MyIMMs ini iaitu HeiTech Padu Berhad. Di mana pihak kementerian telah menuntut sejumlah RM24 juta supaya dibayar kepada kerajaan. Ini kerana di dalam kontrak terdapat klausa, di mana vendor mesti memastikan bahawa sistem yang digunakan ini adalah selamat dan tidak boleh di manipulasi. Seterusnya ialah sekarang ini seperti mana yang saya maklumkan di peringkat awal tadi, modus operandi kepada kuota yang tidak sah ini ialah mereka akan memohon di satu pejabat yang lain kemudian membuat bayaran kononnya di pejabat yang lain dan PLKS itu akan di cetak di pejabat yang lain yang kadangkala melibatkan tiga negeri yang berlainan. Mulai Ogos, satu arahan telah dikeluarkan supaya permohonan pembaharuan PLKS, pembayaran dan juga cetakan dibuat di pejabat yang sama.

**Tuan Pengerusi:** Okey, yang 20 itu, 20 laporan polis itu ada apa-apa- *how do I say it?* Ia sudah ada 20, ada apa-apa tindakan tidak? Maksudnya, ada atau tidak sudah di *charge*, ada pendakwaan? Status ia. *Sorry*, status ia. Terima kasih.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Setakat ini belum ada lagi Tuan Pengerusi. Belum lagi.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Masih dalam siasatan polis.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Daripada 20 laporan polis ini, saya ingin menjawab soalan tadi, berapa yang dibuat sebelum laporan audit. Sebelum audit, 13 laporan dibuat oleh jabatan dan selepas audit, tujuh laporan dibuat. Mengenai tindakan jangka panjang jabatan, satu sistem baharu seperti mana yang dimaklumkan oleh Tan Sri KSU tadi yang dikenali sebagai NISe sedang dibangunkan. Sistem yang bernilai RM1.2 bilion ini akan menggantikan keseluruhan sistem MyIMMs yang ada sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Sebenarnya, ada berapa banyak sistem ini dekat kementerian? Pening saya. Ada MyIMMs lah, selepas itu ini tadi ada, ini hendak *develop* lagi kementerian. Tan Sri KSU, berapa banyak ini sebenarnya sistem ini?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Ia ada satu sahaja. Di Imigresen ada satu sahaja, MyIMMs, *the existing system*. So, yang disebut oleh KP tadi ialah yang untuk menggantikan MyIMMs yang dikatakan sekarang ini banyak ia punya apa- terlalu lama, *out of date* dan sebagainya. Jadi, itu yang kita tengah bangunkan untuk sistem baru itu di panggil NISe tadi.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Boleh saya tanya soalan...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Boleh sebut sekali lagi, berapa kos ia tadi? Saya hendak dengar sekali lagi berapa kos ia.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Sebelum kos itu Tuan Pengerusi, sebelum pergi kos itu...

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey, silakan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Dalam Parlimen beberapa sesi lepas, Timbalan Menteri sedia ada telah menjawab bahawa, ya benar ada beberapa sistem yang telah diguna pakai oleh KDN, *different agencies*. Ada keputusan yang dibuat oleh kementerian untuk melihat terlebih dahulu kesemua sistem sebelum memutuskan kepada tindakan lanjut. Oleh kerana kebanyakan yang dipersetujui itu sudah ada- *is an existing long-term contractual arrangement*. Jadi, saya hendak tanya, takkan terus kita boleh terima di peringkat PAC ini tanpa mungkin *some detailed explanations before you came out with this new system, the mother of all systems?*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Okey. Ini kita- ya lah betul, kita banyak jabatan, Yang Berhormat. Kita ada 10 jabatan di bawah KDN ini. *Every* jabatan ada *their own system*, macam-macam. Kalau Jabatan Pendaftaran Negara, ada sistem untuk dokumen pengenalan diri, MyKad, *birth cert* dan sebagainya. Kalau polis, ia ada macam-macam lagi sistem. *We have 10 departments under KDN*. So, yang kita bercakap pada hari ini ialah untuk jabatan...

**Tuan Pengerusi:** Kalau 10 itu, 10 lah sistem itu? Tidak *integrated*?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Ya, banyak macam-macam, Tuan Pengerusi. Macam-macam. Ada yang...

**Tuan Pengerusi:** Ada *integrated*, ada yang tidak juga.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Ada yang *integrated*, *it depends on the* apalah. Jabatan kami besar ini, Tuan Pengerusi. Jadi, bukannya *small department*.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah Tan Sri, jabatan besar. Ia kena fikir *integrated, one thing is very important*. Oleh sebab itulah- ini nanti minta maaf, kadang-kadang orang baharu masuk, *introduce* kan sistem. Itu *perception*. *That is why* kita kena minta penerangan.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Okey, saya hendak sebut ini.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** MyIMMs, dulu masa kerajaan lama kita sudah mulakan dengan SKIN, sistem apa? *[Disampuk]* Apa dipanggil Sistem Imigresen Nasional, macam itulah.



Akan tetapi apabila kerajaan baharu *took over*, kita bawa balik kepada kerajaan. So, kerajaan memikirkan masa itu kos ia *RM3.5 billion*, terlalu tinggilah. So...

■1510

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *For the eventual integration.*

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** *Yes. For immigration only.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Ya, ya.

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** So, kita kerajaan telah memutuskan – Kita bawa ke Kabinet ini, bukan KDN sahaja putuskan. So, *new* kerajaan memutuskan untuk *review* balik. So, dia minta pegawai-pegawai kementerian tengok dan itulah kita akan *come out with this* dipanggil *National Integrated Immigration System* (NIISe) ya. *Hopefully nice* lah nanti. Kosnya, *much reduced* lah, *only RM1.1 billion*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Sebagai liputannya, memandangkan sekarang bercakap tentang terdahulu 10 agensi bawah KDN dan NIISe adalah pengganti kepada SKIN, *of course after presentation*. Akan tetapi liputan dia merangkumi data daripada imigresen sahaja ataupun bagaimana?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Untuk imigresen tetapi Yang Berhormat mesti faham imigresen ini banyak dia punya *core business* ini. Daripada pintu masuk, pekerja asing, pasport, visa dan sebagainya lagi. Saya hendak sebut pun KP lebih arif. Jadi kita memerlukan satu sistem yang *up to date* untuk *address the weaknesses of the MyIMMs* yang ada sekarang ini. Itulah masalah-masalah yang di *point out* oleh Audit.

Antaranya ialah *because of our system is* sudah terlalu lama lah. Pada zaman teknologi ini kita kena faham lah. Hari ini pakai *handphone* macam ini, esok tukar model lain. *But* kita punya *since 2012*. Jadi macam-macam dengan *burden* tugas yang ada di Jabatan Imigresen. Bila Yang Berhormat pergi di *airport*, orang *complain*, kenapa lambat, beratur panjang. *Because* kita kadang-kadang *system down*, proses dengan *volume* yang ada dan sebagainya.

Jadi itu sebabnya kita di kementerian daripada beberapa tahun dulu memikirkan untuk melihat dan mencadangkan untuk tengok balik sistem yang ada, teknologi yang ada supaya kita boleh *cope* dengan *burden* tugas *core business* yang ada di jabatan khususnya macam imigresen yang *direct to the public*.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *Chairman...*

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya. Silakan, silakan.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Kita ada tiga KSU di sini. saya ingin bertanya... *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Ini kita punya *ex-officio*.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Ya, tetapi boleh membantu juga. Sebab kalau saya tengok sistem ini, sistem yang digunakan di imigresen, apakah beberapa bahagian daripada sistem itu tidak boleh digunakan di kastam, tidak boleh digunakan di ECMS yang semalam kami dapat taklimat, mereka ada satu sistem, bawa pelajar-pelajar luar negara, letak cap jari semua pergi masuk ke sini dan sebagainya, apakah sistem-sistem ini tidak boleh di *integrate* dan dapat digunakan oleh semua kementerian dan kita akan dapat menjimatkan duit negara, satu.

Kedua, bila sebut RM1.1 bilion dan sebagainya, adakah melalui proses tender yang sepatutnya? Terima kasih.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Saya jawab soalan yang akhir tadi. Memang kita dalam proses untuk *open tender*, sudah buat pun, dalam proses *open tender*. Sekarang kita dalam *request for proposal* (RFP) sedang dilihat macam mana apa dan sebagainya, spesifikasi apa semua. Itu memang *open tender*.

Kemudian menjawab yang pertama tadi fasal *integration*, sebahagian daripada aktiviti memang ada. Contoh macam sistem imigresen dengan Kementerian Pendidikan daripada segi pelajar asing. Memang ada, kita *cross data* bukan *totally silo*. Ada *core* ataupun aktiviti tertentu yang memang kita *integrate* dengan beberapa jabatan yang berkaitan. Contoh macam imigresen dengan JPN. Kalau orang hendak minta permit masuk ataupun hendak minta warganegara, dia permit masuk dalam sistem JIM. So dia ada rekod. Jabatan Pendaftaran Negara tengok, ada, contoh. Itu saya beri contoh macam itulah.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih Tan Sri. Kita cakap fasal sistemlah sekarang. Sistem ini yang dulu punya sistem memanglah tadi sudah dimaklumkan bahawa *kind of outdated* dengan keadaan kehendak semasa sekarang ini. Sistem yang baharu, yang sekarang ini *is out for tender*, adakah ia nanti, kalau satu tahap dia ada opsyen – *I mean* opsyen untuk *being expanded* kalau waktu ketika itu *maybe five years from now, there would be a need* untuk ia dikembangkan, untuk mengambil kira pembaharuan ketika itu, itu satu.

Selepas itu yang keduanya pula, saya hendak juga bertanya kepada pihak kementerian, sebab banyak kali bila kita ada prosiding kadang-kadang masalah kita adalah bila sistem itu bukan kepunyaan kita. Bermaksud, yang *offer* ataupun vendor tersebut, dia mempunyai hak milik kepada semua data itu. Jadinya saya hendak bertanya, adakah yang ini kepunyaan Kerajaan Malaysia, *the government* ataupun *the vendor*? Saya minta penjelasan mengenai perkara ini.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Jawab yang *last* sekali tadi. Sistem memang kita akui bahawa apabila kita tender, vendor akan memainkan peranan. Akan tetapi kita juga belajar daripada *our mistake* yang lepas, memang *totally depends* kepada vendor. *But now I think*, dengan penglibatan pegawai-pegawai teknikal kita di kementerian, di Jabatan Imigresen, *even*



kita libatkan MIMOS semua ini, MAMPU semua, *hopefully* akhirnya pegawai-pegawai kita juga boleh mengendalikan apa yang ada dalam sistem dia, apalah yang di *provide by vendor* ini. Kita tidak hendak macam kes yang lepas...

**Tuan Pengerusi:** Sebab MOU itu semua penting Tan Sri. Bila kita tengok kontrak...

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Dalam kontrak memang lah. Dalam kontrak kita, kita akan lihat perkara-perkara ini supaya ada penglibatan pegawai-pegawai kita akhirnya. Maknanya, bukan jadi *sleeping partners* ataupun *just* tengok sahaja. Kita tidak hendak macam itu *because our technical* pun sebenarnya boleh buat kerja ini tetapi mungkin dulu keadaan agak berbeza, Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Saya hendak tanya...

**Tuan Pengerusi:** Soalan yang pertama tadi tidak jawab.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Soalan pertama tadi...

**Tuan Pengerusi:** Kemudian ada tambahan ataupun *you need to retender* lagi, buat tambahan lagi.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Untuk makluman Yang Berhormat, kita sekarang ini telah pun mengambil kira keperluan teknologi yang ada pada hari ini. Contohnya macam *facial recognition* selalu disebut ya. So, dalam sistem baharu ini kita masukkan elemen ini, *biometrics* dan sebagainya. Jadi elemen-elemen *based on the current technology*, kita sudah masukkan dalam *our new system*. Akan tetapi teknologi yang saya sebutkan akan berubah *from time to time*. Jadi kita harap sistem yang sedang kita tenderkan ini boleh bertahan dalam tempoh masa yang agak panjang, mengambil kira keperluan jabatan dan juga *core business* yang dilakukan pada hari ini.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Baik, saya hendak tanya soalan lanjutan Tuan Pengerusi. Pertamanya, berkait dengan verifikasi dan juga integrasi data. Contohnya memang kalau data 80-an akan berlainan dengan data sekarang termasuklah dalam isu *facial recognition* dan sebagainya. Akan tetapi bila kita memilih sistem yang terkini, sepatutnya ada proses berterusan untuk menambahbaikkan dan memasukkan data terdahulu.

Contoh saya, *simple* contoh, Bukit Aman ada semua cap tangan saya, cap ibu jari saya semasa ditangkap, *of course*. Akan tetapi kalau saya pergi ke luar, *for example to leave Malaysia*, tidak semestinya *the system that you used can access that data*. Jadi saya hendak tanya, *since* tadi Tan Sri sebut bukan, Tan Sri jelaskan, kalau ada keperluan, boleh sahaja mengakses data daripada jabatan lain. Adakah itu bermaksud bila ada ruang diberikan dalam siasatan dan sebagainya, mampu?

Kedua, pembatalan kontrak sebelumnya. Ada atau tidak gambaran berapa yang terpaksa dibelanjakan? Kalau tidak silap saya lebih 10 tahun, kebanyakan kontrak terdahulu yang telah dimeterai oleh syarikat-syarikat yang sebelumnya.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Saya tidak ada statistik berapa jumlah kontrak yang – Kami kena kiralah kalau Yang Berhormat hendak tahu berapa. *I do not have the figure at the moment.* Ada yang besar, ada yang kecil dan sebagainya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Ya. Balik kepada yang dibangkitkan juga fasal *cross* maklumat tadi, memang ada. Kalau macam contoh Yang Berhormat, kita di imigresen kadang-kadang menyekat orang ke luar negara. Itu adalah maklumat yang diberikan oleh pihak agensi penguat kuasa seperti SPRM, polis, kastam dan sebagainya. *Even* Lembaga Hasil, kalau kita ada masalah macam tidak bayar *income tax*, maknanya, Lembaga Hasil akan beri senarai ini kepada...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Yes. So,* imigresen akan tengok bila masuk dalam sistem, tidak lepas. Macam malam tadi ada *my friend* pun kalut juga fasal dulu dia jadi pengerusi anak syarikat apa, EPF tidak bayar, dia kalut, sibuk telefon saya dan sebagainya. Saya kata itu dalam sistem. Kita pun tidak boleh buat apa kecuali... *[Disampuk]* Macam itulah contohnya. Memang ada, kita memang ada keperluan, agensi kuat kuasa, memang kita *share all the data*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *And ownership is the government?*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *Ownership* itu sangat penting. Nanti *at the end of the day* penghabisannya bila kita tengok tetapi kita tidak boleh hendak saman vendor sebab tidak dinyatakan dalam kontrak. Jadinya kita kehilangan *the data*. *We are talking about big data.*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Yang Berhormat, mengenai keperluan untuk perubahan teknologi di dalam sistem baharu ini nanti sememangnya telah pun diambil kira Tan Sri ya, melalui teknologi *refresh* yang mana setiap lima tahun dan ini adalah spesifikasi wajib di dalam tender *all the contracts*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, bolehlah teruskan sebab kita baru.

■1520

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Okey. Seterusnya, mengenai tindakan-tindakan berterusan yang telah diambil oleh Jabatan Imigresen Malaysia ialah mengadakan *job rotations* dalam kalangan pegawai-pegawai untuk mengatasi isu-isu integriti...



**Tuan Pengerusi:** Sekejap Dato' Indera Khairul Dzaimée. Ini sudah tajuk lain sudah ini. Saya hendak tanya fasal yang saringan *Bio-Medical* ini. Itu sudah cakap *kah* belum?

**Dato' Indera Khairul Dzaimée bin Daud:** Itu belum lagi.

**Tuan Pengerusi:** Belum? Okey, okey. Belum, belum.

**Dato' Indera Khairul Dzaimée bin Daud:** Ya, saya...

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey. Terawal pula masuk.

**Dato' Indera Khairul Dzaimée bin Daud:** Saya, saya...

**Tuan Pengerusi:** Terawal pula masuk. Okey, okey, teruskan.

**Dato' Indera Khairul Dzaimée bin Daud:** Masih lagi— ataupun ini tidak perlu? Okey.

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** Kalau agak-agak boleh terus pergi.

**Dato' Indera Khairul Dzaimée bin Daud:** Ini disebabkan saya perlu *highlight*-kan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh jabatan apabila isu ini dibangkitkan oleh Audit.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *Chairman*, adakah ini dalam keperluan kita sebagai *under* PAC untuk melihat tindakan-tindakan? Saya faham kita hendak siasat apa-apa yang kegagalan dan berikan alasan kepada kita. Akan tetapi untuk ambil tindakan yang akan datang, itu perlu sesi lain saya rasa.

**Tuan Pengerusi:** Itu proses lain. Ini apa ini? Kelulusan kuota? *Oh*, ini maklum balas. Maklum balas tidak apa. Untuk makluman kita, susahlah. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya *lah*. Ini disebabkan sekarang ini apa penemuan Audit? Kita tengok sebab *at the end of the day* nanti kita akan buat kita punya *conclusion* dan kita buat cadangan...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Baik.

**Tuan Pengerusi:** ...untuk pihak kementerian. Okey. *Probably you can speak on this*. Ini disebabkan *Bio-Medical* ini *very important*.

**Seorang Ahli:** Okey.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Yang mana? Ini sudah ada sudah. Itu.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Indera Khairul Dzaimée bin Daud:** Seterusnya ialah saringan *Bio-Medical* tanpa saringan ISC. Saya *explain* dulu apa yang dimaksudkan dengan ISC. ISC ialah *Immigration Security Clearance*. Ia salah satu sistem '*patch on*' jabatan yang ditawarkan oleh satu vendor

yang berlainan, di mana ISC ini ialah saringan awal di negara sumber. Pekerja asing perlu melalui ISC. Walau bagaimanapun, ISC ini ia diintegrasikan dengan sistem MyIMMs. Ini bermakna sama ada seseorang itu berada di dalam senarai syak, senarai hitam ataupun tidak. Datanya diperoleh daripada sistem MyIMMs. Sistem Jabatan Imigresen Malaysia.

Dalam isu ini ialah ISC tidak dilakukan ke atas pekerja-pekerja daripada negara China. Jadi, penjelasan yang boleh diberikan di sini ialah yang pertama sekali, seperti mana yang telah diterangkan tadi, China bukanlah negara sumber pekerja asing. Jadi, kelulusan untuk pekerja asing warganegara China ini di Pengerang contohnya, ia dibuat melalui satu Jawatankuasa Khas, ya. Pertimbangan untuk kuota juga dibuat melalui Jawatankuasa Khas ini. Oleh yang demikian, pekerja-pekerja daripada Republik Rakyat China ini tidak tertakluk kepada SOP biasa pengambilan pekerja asing, di mana mereka perlu melalui *Bio-Medical*. Kemudian ISC dan proses-proses seterusnya. Walau bagaimanapun, satu kertas telah disediakan, di mana ISC ini telah pun dimulakan. Tahun bila? Ya?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** *Terminate?* Kepada 13 Februari 2018, Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada ketika ini telah memberi kebenaran kepada vendor ini untuk menjalankan saringan ISC di China. Walau bagaimanapun, pada 16 Mei 2018, surat penangguhan telah dikeluarkan. Ini berdasarkan keputusan yang dibuat pada ketika itu, di mana semua surat-surat kelulusan yang dikeluarkan kepada vendor hendaklah ditangguhkan. Dalam perkara ini juga, daripada 2,849 pekerja asing warga China yang telah lulus *Bio-Medical* ini, seramai 1,535 ataupun 53.9 peratus daripadanya telah pun memohon visa dengan rujukan (VDR), visa untuk membolehkan mereka masuk dan bekerja di Malaysia. Daripada jumlah ini, 1,475 telah pun masuk. Selebihnya belum lagi masuk untuk bekerja.

**Puan Wong Shu Qi:** Maaf. Boleh saya tahu ini jumlah untuk 2016 sehingga 2018?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya. Audit daripada 2016, 2017 dan 2018.

**Puan Wong Shu Qi:** Jadi, tidak kira— tetapi pekerja asing warga China ini semua masuk melalui kelulusan khas kan?

**Seorang Ahli:** Yang tadi itulah.

**Puan Wong Shu Qi:** Ya? Jadi...

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya, seperti mana yang saya *explain* tadi.

**Puan Wong Shu Qi:** Jadi, ini jumlah?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya.

**Puan Wong Shu Qi:** Okey.



**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ia lebih lagi kan? Ini yang di Pengerang saja kan?

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Ini *overall*.

**Tuan Pengerusi:** Itu kelulusan khas itu yang Pengerang tadilah?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Yang dimaklumkan.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya? Yang Pengerang tadi dan telah nyatakan *reason* kan?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Kenapa untuk Pengerang ini? Ini yang saya pelik sebab cara *the process* itu. Ini disebabkan, betul juga ia melalui *Bio-Medical*. Itu buat dulu. Sepatutnya *security* itu buat dulu sebab kalau ia lulus dari segi *medical*, selepas itu sudah dapat kelulusan, sudah lulus. Akan tetapi apabila sudah lulus, kemudian pergi saringan *security*, rupanya, *oh*, pernah jadi penjenayah kah, apa. Itu yang— macam mana itu?

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Boleh tidak bagi penerangan...

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** Encik Mohd Zamri, *explain*.

**Tuan Pengerusi:** Kenapa *Bio-Medical* dulu? Kenapa tidak buat *security* dulu? Ada permohonan masuk, *security* dulu. Apabila yang sudah lulus itu...

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** *Explain* macam ini. Sepatutnya ISC dulu.

**Tuan Pengerusi:** ...baru pergi *medical*. Boleh tidak saya dapatkan penjelasan mengenai perkara ini?

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** Encik Mohd Zamri, *explain*.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Tuan Pengerusi, memang asasnya, saya ada tunjuk— ini merupakan satu *flow ecosystem*. *The whole ecosystem*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, nanti, Encik Mohd Zamri. Kemudian, boleh maklumkan kepada kita melalui— kita dapat satu *copy* jugalah.

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** Kita boleh bagi.

**Tuan Pengerusi:** Ada *extra* satu *copy* tidak?

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Boleh, boleh.

**Tuan Pengerusi:** *At least*, sekretariat boleh tolong fotokopi dalam waktu penerangan itu, semua kita dapat sesalinan.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Saya ada lebih ini.

**Tuan Pengerusi:** Ada tidak?

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** *Ada few extras.*

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** Fotostatlah minta. Urus setia boleh fotostat.

**Tuan Pengerusi:** Urus setia boleh fotostat. Nanti tolong fotostat *kan*.

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** Mungkin satu *copy* kepada Tuan Pengerusi dulu.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa, tidak apa.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Hendak tunggu ini dulu? Boleh...

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa, boleh teruskan.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Boleh teruskan, okey.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi sementara itu, boleh terus terangkan.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Tuan Pengerusi, memang ini kalau saya boleh *share*, *in a nutshell*-lah, ini merupakan ekosistem sepenuhnya bermula daripada permohonan pekerja asing di JTK, sehinggalah mereka yang berjaya mendarat di Malaysialah. Sampai di Malaysia, *arrived* di Malaysia. *So*, kalau ikutkan selepas *after getting the approval from the KDN*, *so*, makanya majikan yang berkenaan boleh *start engage with the* negara-negara sumber berkenaan untuk *recruit prospect* ataupun *prospectors*-lah, pekerja asing. *So*, perkara pertama yang perlu diatitkan ialah ISC sebenarnya. Nombor tiga itu Tuan Pengerusi. Kemudian, *after getting the approval from the ISC* bahawa *prospectors* merupakan mereka yang tidak pernah melakukan sebarang kesalahan jenayah dan sebagainya. *Yet*, barulah mereka akan melalui proses *Bio-Medical*.

**Tuan Pengerusi:** Biasalah, kita ini kan. *la different party* tetapi dalam ini semua...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Sama.

**Tuan Pengerusi:** Sama tahu.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Satu hati.

**Tuan Pengerusi:** Sama hati tahu, sama hati.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Sama hati.

**Dato' Wan Ahmad Dahlan bin Hj. Ab. Aziz:** Sehati sejiwa.

**Tuan Pengerusi:** Minta maaf. Teruskan, teruskan.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** *After getting...*

**Tuan Pengerusi:** Silakan. Minta maaf, teruskan.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Saya ulang sikit saja balik, Tuan Pengerusi. *After getting the approval from OSC KDN*, maka syarikat-syarikat berkenaan seharusnya ataupun mereka harus *start engage* untuk mendapatkan pekerja asing di negara-negara sumber. Dalam konteks kita cakap tadi adalah 15 negara sumber. Akan tetapi bukan semua yang ikut pilihan



kesesuaian yang hendak direkrut oleh majikan ataupun syarikat-syarikat berkenaan. Perkara pertama yang perlu kalau kita tengok di sini, [*Merujuk kepada slaid*] di skop ini Tuan Pengerusi, perkara pertama yang perlu dilaksanakan, yang pertama ialah untuk mendapatkan kelulusan ISC terlebih dahulu. *This is because* kita harus mengenal pasti sama ada *prospectors* merupakan mereka yang layak dari segi keselamatannya untuk dipertimbangkan masuk ke Malaysia.

*After getting the clearance from the ISC, yet* barulah mereka ini perlu melalui *Bio-Medical*. So, apa yang kita ketahui di peringkat— di negara sumber, *in order to expedite the process*, mereka ini *concurrent*.

#### ■1530

Dia pergi ISC, dia pergi *Bio-Medical* juga. Ini *as far as our concern* di negara sumber. So mereka ini *after getting— they all nak cut*, hendak *expedite the process* lah. So, ada dekat mereka ini ketika diluluskan *Bio-Medical*, didapati ada yang juga tidak lulus ISC. Dia *concurrent*. Dia *simultaneously* dia punya *process* itu. *Ideally*-nya memang kalau ikutkan *flow*-nya memang harus melalui ISC, yang pertama. *Because* itu *prerequisite*. *Prerequisite because we are talking about security* punya *measure* lah kan. So, *yet* barulah *pass medical*, pun merupakan *prerequisite before entering our country*. So, *the rest* lepas itu *after getting approval from medical then* baru dia boleh— kalau visa selesai baru *they can— will be* mendarat di Malaysia lah, dibenarkan masuk Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi macam mana boleh ada yang dah lulus itu bila datang ke Malaysia, dia gagal pula FOMEMA. Adakah penyakit seperti Tibi, Hepatitis B dan lain-lain penyakit itu dibenarkan untuk dibawa masuk?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Nombor 4 ini...

**Tuan Pengerusi:** [*Berucap tanpa pembesar suara*] Nombor 4 dari ini.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** ...Proses itu kan.

**Tuan Pengerusi:** Sebab *the process*. Bila...

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** [*Menceelah*] Tuan Pengerusi, I ingat macam ini...

**Tuan Pengerusi:** Sebab boleh terlepas itu, Tan Sri.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Betul. Ada kes-kes yang terlepas. Jadi *with due respect* lah dia punya *standard medical check up* dia mungkin *lower than us* lah. Kita *more thorough*. Jadi itu yang— *at least* kita ada *first screening the source country* itu. Kalau tak ada lagi *worse* lah Tuan Pengerusi. Sekurang-kurangnya ada juga *benefit* sistem ini untuk menapis. Yang *majority*-nya *clear* lah bila pergi sampai *arrival* dekat negara kita. Memang adalah *a few cases* yang sangkut *because* yang tadi lah. *Standard of* mereka punya *medical check up* dan apa semua.

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bila sampai ke imigresen— di pintu imigresen, didapati mereka ada kes-kes ISC. Macam contoh penjenayah kah, ada tak? Terlepas sampai di imigresen kita baru tahu dia mungkin terlibat dengan jenayah antarabangsa kah.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tuan Pengerusi *refer* kepada pekerja asing ya?

**Tuan Pengerusi:** Ya pekerja asing. Sekarang tengah cerita pekerja asing Tan Sri.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Ya lah. Takut Tuan Pengerusi tanya lain pula, macam-macam orang masuk ini Tuan Pengerusi.

[Ketawa]

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] *Unqualified* pula. Okey.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Tuan Pengerusi, sama ada pekerja asing itu melalui ISC di negara asalnya atau tidak melalui ISC seperti mana kes pekerja-pekerja daripada China ini. Sampai di pintu masuk negara kita, dia tetap perlu melalui pemeriksaan keselamatan di imigresen iaitu dalam sistem myIMMs. Sekiranya mereka ini *hit* senarai syak atau senarai hitam, mereka akan di NTL. NTL maknanya "*Not To Land*", perlu balik semula ke negara asal.

**Tuan Pengerusi:** Berapa ramai?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Jadi saya tiada *figure* sekarang untuk saya jawab sekarang berapa ramai daripada pekerja asing ini.

**Tuan Pengerusi:** Ini perkara asas tahu. Sebab *security* kan Tan Sri.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Maaf Tuan Pengerusi. Akan tetapi saya ingat kalau Tuan Pengerusi hendak, pegawai boleh sediakan lah. Sebab kita data macam-macam data Tuan Pengerusi. Kalau kita tak boleh semua ada pada hari ini.

**Tuan Pengerusi:** Sepatutnya imigresen kalau perkara seperti ini untuk PAC, kena maklum. Kena tahu. Kena ada, *stand by*.

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** [Mencelah] Kita ada. Mungkin senarai NTL itu ramai.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Senarai NTL kita ada.

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** Akan tetapi termasuk pelbagai kategori lah. Pelancong dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Oh, tapi dia tidak ada spesifik...

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** [Mencelah] Tidak ada spesifik.

**Tuan Pengerusi:** ...Untuk *foreign worker* ini tak ada. Kena buat.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** NTL untuk semua pendatang asing. Ya, sama ada dia pelancong...

**Tuan Pengerusi:** Pendatang asing?



**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *[Mencelah]* Warga asing.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** ...Warga asing lah.

**Tuan Pengerusi:** Warga asing.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang masuk ke negara kita.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya, boleh tak nanti diberi maklumat ini kepada kita. Sebab kita hendak tahu dari segi pekerja asing ini yang lepas, sana semua lepas, ISC dekat negara sumber itu semua lepas, *Bio-Medical* pun lepas. Akan tetapi bila sampai ke Malaysia...

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *[Mencelah]* Trigger.

**Tuan Pengerusi:** Ha, *trigger* yang dia ada buat salah ke apa. Yang itu kita *need to know* ya.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Tuan Pengerusi, saya akan berikan maklumat senarai NTL mengikut warganegara. Sama ada boleh dikategorikan mengikut pekerja ataupun PLS...

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak boleh ke?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Boleh. Ya, kami akan bekalkan maklumat ini nanti. Okey.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya untuk pekerja asing sahaja tahu.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Sebab kita perkatakan mengenai pekerja asing sahaja. Okey Terima kasih.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Seterusnya mengenai isu pekerja asing lulus. Ini telah pun dijelaskan tadi. Lulus *Bio-Medical* tapi gagal FOMEMA kerana perbezaan standard. Sebagai tambahan kepada ini, pada tahun 2018 iaitu pada 19 April, bengkel telah diadakan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengemas kini dan memuktamadkan SOP mengenai kesihatan *Bio-Medical* ini di negara sumber. Bermakna sekurang-kurangnya klinik-klinik di sana perlulah mematuhi standard KKM.

**Tuan Wong Chen:** Dato', sebelum Dato' *continue* ya. Kalau kita lihat dalam slaid nombor sembilan itu. Menunjukkan Indonesia tertinggi ya dan Nepal dan Bangladesh. *What happened to all these workers? Were they sent back or did they disappear into the— you know, the illegal market?*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Semua pekerja asing yang gagal FOMEMA ini, menjadi tanggungjawab majikan untuk mereka maklumkan kepada imigresen, memohon COM (*Check Out Memo*) dan mesti dihantar pulang.

**Tuan Wong Chen:** Akan tetapi hakikatnya, *the actual result is what. How many percent actually all went back to Bangladesh and how many tercicir pula.*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Saya belum semak secara *detail* Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen:** *But there is a high percentage that disappear lah. Betul tak? I mean you have to concede, betul?*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ada yang balik ke negara asal dan saya tidak nafikan ada yang tidak balik. Bagi mereka yang tidak balik ini, tindakan-tindakan penguatkuasaan sentiasa dibuat Yang Berhormat. Berdasarkan rekod operasi yang mana kami lakukan setiap hari, warga Bangladesh, warga India, warga Indonesia adalah di kalangan mereka yang paling tinggi yang ditahan oleh imigresen dan diusir keluar semula.

**Tuan Wong Chen:** Jadi apakah tindakan terhadap majikan atau syarikat yang membawa mereka masuk?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** *[Mencelah]* Bagi majikan yang berterusan menggunakan pekerja yang gagal FOMEMA ini— gagal FOMEMA bermakna mereka tidak akan memperoleh PLKS. Tiada PLKS bermakna mereka PATI. Jika ditangkap di dalam operasi, majikan-majikan akan didakwa.

**Tuan Wong Chen:** Saya hendak tanya macam ini. Kalau majikan masuk aplikasi 100 orang ya, 20 *failed* FOMEMA. Seramai 10 orang cabut lari, 10 orang di hantar balik ke Bangladesh. *Don't you take action against the majikan yang hilangkan pekerja 10 orang itu?*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Tindakan akan diambil Yang Berhormat semasa operasi dijalankan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Semasa operasi dijalankan?

**Tuan Wong Chen:** Ya lah. Apakah makna "*semasa operasi*"? *Because this record is clearly, this employer sudah hilang sepuluh orang. Shouldn't you blacklist them or at least fine them lah.*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** *Blacklist* memang dilakukan Yang Berhormat. Sekiranya majikan ini pekerjanya gagal FOMEMA tetapi mereka tidak melaporkan kepada imigresen, mereka akan di-*blacklist* secara automatik.

**Tuan Wong Chen:** Maknanya imigresen tidak tahu— *FOMEMA is not linked to you is it? You would not know?*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Kami tahu.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *Linked.*



**Tuan Wong Chen:** Memang *linked* lah.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Memang *linked* dan kami tahu majikan ini. Maksud tindakan saya tadi ialah pendakwaan. Kalau mereka ini semasa operasi ditangkap, majikan ini akan didakwa dan tindakan awal yang dibuat ialah mereka ini akan disenaraihitamkan dahulu.

**Tuan Wong Chen:** *But you have the information, you just saman— hantar saman saja lah. Tidak? Itu bukan standard operating procedure? I mean you have your FOMEMA number.*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** *You* tengok syarikat ABC, 10 orang gagal. Okey. *You* tengok, *you linked to your immigration data*, dia tak *leave the country*. *Shouldn't you automatically issue the summon to sepuluh orang ini?*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** *[Berucap tanpa pembesar suara] To the company.*

**Tuan Wong Chen:** *To the company. Is not that the standard operating procedure?*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** SOP sekarang ialah disenaraihitamkan. Kita tidak boleh terus menyaman kerana perlu dibuktikan dahulu bahawa pekerja asing itu sememangnya berada dengan majikan ini dan sememangnya bekerja di situ.

**Tuan Pengerusi:** Macam mana cara ini. Sebab tadi kata dia ada *word* itu, "*kalau ditangkap*". Kalau misalannya tak ditangkap, tak ada macam standard— buat *random check* kah.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tuan Pengerusi, kalau boleh saya mencelah. Sepatutnya tanggungjawab majikan. Kalau dia tahu pekerjaanya tidak *fit*, patut dia *surrender* pekerja ini kepada imigresen untuk dihantar balik. *That is the responsibility of the employer*, itu. Akan tetapi *as usual* kita ada yang *follow the law*, ada yang *could not care less*...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Okey kalau dia tidak hantar balik, apakah tindakan kerajaan pada majikan itu?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Saya ingat kalau kita *find out* ada yang macam itu, makna tindakan boleh diambil kepada majikan.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Bukan hanya sekadar *blacklist* sahaja lah?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tidak-tidak. Sepatunya satu kesalahan lah.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Makna tidaklah tunggu bila operasi, jumpa, baru...

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Eh, tidak. Kalau kita ada maklumat itu...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Sebab saya faham daripada Dato' Indera tadi seolah-olah...

**Tuan Pengerusi:** Tadi Dato' cakap macam seolah-olah bila ada operasi, baru...

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Ingat kalau kita dapat maklumat, kita boleh ambil tindakan terus. *Under the law I think it is very clear.* Itu sahaja.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Saya jawab tadi kerana Yang Berhormat tanya adakah itu satu SOP ya, terus menghantar saman. Bukan SOP. Saya tidak mahu memberikan jawapan yang tidak tepat.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

■1540

**Tuan Wong Chen:** Betul. *I appreciated it, thank you very much.* But, cadangan saya itu bukan cadangan yang *illogical.* *Maybe perhaps you can bring back to your department as a policy SOP,* tukar sedikit.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Thank you. I think* kita boleh ambil...

**Tuan Wong Chen:** Sebenarnya, saya mengamalkan undang-undang, dahulu-lah sebelum menjadi Ahli Parlimen, ahli korporat, *lawyer.* *But, this is a very basic thing, you can reverse the burden of proof to the majikan* sebab majikan salah. *You* ada data Imigresen, *you* ada data FOMEMA, *you merged that two,* memang dia salah. Terima kasih.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Setuju Yang Berhormat, setuju. Ini sebab kita di Malaysia ini, Yang Berhormat pun *quite familiar with this,* majikan banyak mengambil ringan perkara-perkara macam ini. Ambil *illegal workers* dan sebagainya. Akan tetapi bila itu, *public blame* jabatan macam imigresen, tidak buat *enforcement* dan sebagainya. *What is the responsibility of the employers as a rakyat* ataupun masyarakat yang patuh kepada undang-undang? Patut dia ada tanggungjawab-lah. Kalau semua hendak *depend on enforcement agency, I think* sampai bila kita tidak boleh hendak berubah, Yang Berhormat. Jadi, masing-masing kena ada tanggungjawab. Jadi, majikan pun patutnya ambil tanggungjawab. Itu sahaja.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Dari segi tanggungjawab, kuasa Imigresen itu boleh pastikan syarikat disenaraihitamkan. So setakat ini, tidak ada satu pun syarikat-kah kalau disenaraihitamkan, membuat rayuan dan diberikan pelepasan?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Saya ingat ambil tindakan mahkamah semua ada, majikan. Ada.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Okey. *We can have those statistics just to know roughly by your...*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Boleh. Saya ingat statistik majikan berapa, tindakan ada.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Akan diberikan kepada PAC.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *We have the record.*



**Tuan Wong Chen:** Yang Berbahagia Dato', sorry. Kita selalu terima data-data tentang *illegal workers*, buruh, *labor workers*. *What is the actual number now? I mean, I have heard numbers up to eight, six million, four million. So... [Disampuk] No, no. Dia boleh estimate.*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat, saya ingat *the exact numbers we don't have. We don't have the exact numbers.*

**Tuan Wong Chen:** *Roughly.*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Roughly kalau I can say macam ini. Kita dahulu ada buat exercise dipanggil 3P masa- I think about five years ago. [Disampuk] 6P, sorry. Saya pun sudah lupa, 6P. So, I think from that exercise, yang illegal ini kita hendak legalize itu, we have a figure, 1.3 million, five years ago. Bila kita buat exercise itu, 1.3 million, kita managed to register. Itu yang kita dapat. Akan tetapi mungkin berapa yang tidak datang, tidak register, we still tidak apa ini. Akan tetapi macam-macam formula-lah tetapi we don't have exact figures. Itu sahaja.*

**Tuan Pengerusi:** Ini masa buat pemutihan dahulu?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** 1.5?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** 1.3 million.

**Tuan Pengerusi:** 1.3.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** 1.3 million.

**Tuan Wong Chen:** Akan tetapi biasanya ia kali tiga-lah. Betul tidak? Macam *drug users* ia kali tiga.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Itu pun, formula itu tidak ada...

**Tuan Wong Chen:** Lain?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *We can't say that this is the right formula. But, mungkin ada plus minus around that numbers.*

**Tuan Wong Chen:** *What I am worry about is one more data I asked, on average setiap tahun, pekerja baharu yang masuk negara kita ini, berapa average ia? Adakah ia 200,000, 150,000 a year coming in, then you can multiply more or less yang illegal itu berapa yang actually filled dan yang tercicir dalam sistem kita. It is because, as you know, as your slide were shown, banyak health issues. Not even crime, health, public health, tibi.*

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Saya hendak kata *the exact numbers* yang akhirnya landed di negara kita, *because dia varies. It is because we are given to the respective majikan 18 months to bring them in to Malaysia. So, ia ada tempoh yang panjang. So, yang tahun 2017 pun boleh bawa masuk sehingga awal tahun 2019. So, kadang-kadang ia melangkau sampai dua tahun, tiga tahun. Kalau akhir tahun 2017, 2018 dan awal 2019. So, figures itu agak dinamik.*

Cumanya kalau saya boleh *share* di sini, sehingga 30 September 2019, kita telah luluskan sebanyak 126,000. Selepas itu, ada ratus-ratus lagi-lah, saya *round-up* sahaja. Sebanyak 126,000 kuota yang telah kita luluskan. So, kita boleh baca trend. Maknanya, *last year* Yang Berhormat, berbeza. *Last two years* berbeza ia punya *numbers of approval*. So, *this year* slightly turun sedikit kelulusan ia. So, kita boleh agak dalam tempoh ini, sekiranya majikan membawa pekerja dalam tempoh yang kita telah tetapkan 18 bulan, maka kita boleh tengok trend bermula awal tahun ini— *Sorry. By last quarter of this year* sampai-lah *first quarter of 2021*, the duration yang ia boleh bawa pekerja asing.

**Tuan Wong Chen:** Baik Encik Zamri. *I understand. Like that, what don't you give me the numbers for 2015, 2016, 2017* sebab 18 bulan sudah lepas. *You should have these three years numbers divided by three, you get average.* Saya faham ekonomi kita sudah *slowdown*, that is why the numbers of foreign workers have slowed down also. Akan tetapi lebih kurang 2015, 2016, 2017, kata *apply* 2017 Januari, *surely within that 18 months* sudah cover sudah dalam kita punya *current number*. So, if you can give the average for the three years, I think we can have a good estimate.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Saya akan bekalkan *approval numbers*. *It is because even though approval numbers* kata-lah Yang Berhormat, 200,000 *towards end of this year* tetapi *not every single of them can turn-up here*. That is why kita ada elemen of *refund* levi pula. Maknanya, satu orang itu *they were given the approval* kata-lah 100, mungkin akhirnya 18 bulan *based on the economic whatever scenario*, so ia just able to bring them in about 50. So, the balance 50 itu ia tidak bawa.

**Tuan Wong Chen:** *I know, I know.* Saya faham. Saya faham. Jadi, kalau kita buat andaian matematik yang senang, you ambil nombor *gross* dia, *minus your refund levy*, lebih kurang 200,000. *I would imagine.* Betul tidak? *I mean* Encik Zamri, *more or less* right, 200,000 sahaja? Betul? *More or less.*

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** *More or less.*

**Tuan Wong Chen:** *Okay. Then, the other number I need is yang renew* sebab ia ada...

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** *This numbers I strongly believe we cannot achieve 200.*

**Tuan Wong Chen:** *No, no. I agree you. With this kind of economy, no way. But, at least we know over the last 10 years, we know what is the average. Then, we can see what is those that pulang balik, those who stayed behind. At least, when we have this kind of data, we can try to find out. The other data we need is geospatial.* Dia duduk mana, duduk Melaka atau Kuala Lumpur, Kota Bharu? *I know, we are not here to listen to— We are not here to change your policy.*



*I fully respect that. But, since we already dealing with this issue and the bigger issue is really about the numbers of migrants, some data will be useful for us. Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Seterusnya, mengenai isu pekerja asing mendapat PLKS walaupun mereka ini gagal FOMEMA. Apa yang berlaku di sini ialah apabila pekerja asing ini sampai di Malaysia, mereka mempunyai masa selama 30 hari untuk menyelesaikan urusan FOMEMA. Di dalam pemeriksaan yang pertama, mereka lulus. Pemeriksaan di klinik-klinik panel FOMEMA mereka lulus kerana ujian x-ray yang dilakukan di sini menggunakan x-ray analog, x-ray lama. Jadi, apabila mereka ini lulus, melalui sistem Imigresen akan memperoleh keputusan bahawa mereka lulus dan PLKS akan dikeluarkan. Semakan kedua yang dilakukan oleh FOMEMA sendiri selepas itu akan mendapati bahawa mereka ini gagal kerana daripada analisa yang dilakukan oleh FOMEMA, selalunya kes-kes terdapat kesan *scar*, contohnya di paru-paru mereka yang menunjukkan mungkin pekerja asing ini pernah mendapat penyakit tibi dan sebagainya. Jadi, ini adalah isu kenapa terdapat mereka yang telah lulus FOMEMA ini diberikan PLKS, walaupun akhirnya gagal. Dalam perkara ini, FOMEMA sendiri telah pun membuat perjanjian dengan klinik-klinik mereka, di mana selepas 36 bulan, semua klinik panel ini perlu menggunakan x-ray digital. Walau bagaimanapun, saya suka juga untuk memaklumkan bahawa sekiranya dalam pemeriksaan pertama itu, pekerja asing ini mempunyai penyakit berjangkit yang sangat jelas, contohnya batuk kering, sudah tentu mereka ini akan *fail*. Mereka *fail* di pemeriksaan kedua ini apabila pemeriksaan lebih teliti dilakukan.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa. Teruskan.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Tengok macam hendak bertanya soalan.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, dia kena dua kali-lah ya? Di negara sumber sekali, di sini...

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Bukan. Di negara sumber *Bio-Medical* tadi. Kemudian apabila...

**Tuan Pengerusi:** Oh, *bio*. Di sini baru betul-betul FOMEMA-lah?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya. Di sini FOMEMA. Di klinik panel FOMEMA. Pemeriksaan pertama mereka lulus. Apabila dianalisa secara lebih mendalam oleh doktor FOMEMA sendiri, mereka gagal sedangkan PLKS telah pun dikeluarkan berdasarkan kepada kelulusan yang pertama.

■1550

**Tuan Pengerusi:** Kalau misalannya gagal apa tindakan susulan daripada itu? Sepatutnya dia hantar balik. Adakah ada yang sepatutnya balik tetapi tidak balik. Ada tidak?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Itu yang tadi Tuan Pengerusi, sepatutnya tanggungjawab majikan. Kalau dia sudah tahu kawan itu ada tibi patutnya dia...

**Tuan Wong Chen:** Jangan hantarlah.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Ya, maklumkan kepada imigresen untuk dihantar balik. Tanggungjawab majikanlah. Akan tetapi majikan ini kadang-kadang ada tibi pun *dok* merayu-merayu lagi hendak *stay*. [Disampuk] Ada, kalau *maid* itu ada tetapi kadang-kadang kita pun dia sanggup buat *second medical check up* dengan *other hospital as well*. Jadi kita kata tidak boleh, *this is the*— takkan kita pula hendak pertikai doktor punya *finding*. Itu sahaja.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Tuan Pengerusi dalam data yang diberikan oleh Audit ini ya, 1,013 pekerja asing ini gagal FOMEMA dan mempunyai PLKS. Daripada ini 894 adalah berstatus *unfit*. Jumlah *unfit* ini sepatutnya telah pun meninggalkan negara tetapi berdasarkan semakan sistem mereka yang telah pun meninggalkan negara, rekod *Check Out Memo (COM)* ialah 440. Sebanyak 454 lagi kemungkinan mereka meninggalkan negara tetapi tidak melalui COM ini mereka terus keluar. Ya, kemungkinan juga masih lagi berada di dalam negara.

**Tuan Pengerusi:** Bukan imigresen dia boleh tahu masuk melalui proses ini, maknanya melalui pekerja asing tetapi bila keluar mesti, *I thought* mesti ada dalam sistem yang mengatakan bahawa, dia ini masuk pekerja asing, visa pekerja asing jadinya dia keluar. Maknanya kita boleh *identify* walaupun dia tidak melalui majikan dia pergi— patutnya kita boleh *identify* awal sebab ini *half* tahu, maknanya *half* itu merata dekat satu Malaysia ia akan mengakibatkan bil kesihatan meningkat, semuanya *public money* juga ya dalam negara dan mungkin berjangkit, itu tidak apa kos meningkat. Ini berjangkit dengan orang-orang lain sebab itu ada penyakit-penyakit baru, penyakit lama yang kembali timbul dekat Malaysia. Apa *your response regarding this*.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Bagi pekerja yang *unfit* ini Tuan Pengerusi sepatutnya majikan mereka datang ke imigresen memohon *Check Out Memo (COM)* untuk dikeluarkan *Check Out Memo* dan kemudian pekerja asing ini akan balik ke negara mereka. Bagi majikan yang berbuat demikian jabatan akan mempunyai rekod. Akan tetapi jika sekiranya pekerja asing yang tidak fit ini, majikannya tidak datang tetapi mereka terus balik, terus pergi beli tiket pergi ke *airport* dan balik, yang ini kita boleh *trace* melalui rekod pergerakan tetapi tidak ada di dalam rekod COM yang saya maksudkan tadi.

**Tuan Pengerusi:** Kalau misalannya majikan itu dia ada— ini saya hendak memahamkan juga mengenai isu ini. Kita dapati bahawa dia memang tidak *fit* lah, dia tidak *fit*, lepas itu dia tidak maklumkan kepada pihak imigresen. Maknanya dia tidak ada maklumkanlah, tidak ada maklumkan berapa ramai tidak *fit*. Jadinya apa tindakan pihak imigresen mengenai perkara ini?



Oleh sebab jumlah itu ada di tangan imigresen, atau imigresen tunggu sahaja sampai dia orang maklumkan baru itu, sebab mesti ada proaktif juga.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ini yang saya terangkan tadi Tuan Pengerusi, kita akan *blacklist* majikan ini, kita akan *blacklist*. Bermakna apabila selepas itu apa jua urusan mereka dengan imigresen, sama ada untuk *renew* ataupun memohon PLKS baru mereka akan digagalkan kerana ada rekod *blacklist*.

**Tuan Pengerusi:** Berapa ramai sudah kena *blacklist*? Berapa banyak syarikat sudah kena *blacklist*? Tidak bawa data.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Saya perlu semak, ada data.

**Tuan Pengerusi:** Sementara itu pegawai dekat belakang itu tolong carikan.

**Tuan Wong Chen:** Dato', Dato' saya hendak tanya Dato' Khairul ya. Biasanya kita dalam polisi ini, kita tengok perspektif kerajaan. *Do you understand what is the perspective of the employee, the Indonesian maid or the Indonesian worker or Bangladeshi worker.* Bila dia fail FOMEMA siapa beli tiket dia balik? *That is the first question.*

*Second, if the majikan mesti majikan don't want to pay, right? What happen to this people? Isn't there some way that immigration would pay for them to balik or what would happen to this people?*

*You know because kalau saya faham, kawan-kawan saya daripada Bangladesh, as Members of Parliament inform me, dia jual dia punya rumah, dia cagar dia punya kereta, beca dia semua to come here. Then if they fail the FOMEMA you kena imagine what they have to do. They have to go into the black market. In your officers what do they tell you about this experience suffered by the Bangladeshi or Indonesian that fail the FOMEMA test.*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Tanggungjawab untuk membelikan tiket supaya mereka ini balik adalah tanggungjawab majikan dan kerajaan ataupun imigresen tidak pernah membiayai perbelanjaan mereka untuk balik ke negara asal. Ya, kami menyedari bahawa terdapat pekerja-pekerja ini yang di *exploit* menjual rumah dan sebagainya untuk datang ke sini. *Procedure is procedure* Yang Berhormat. Jika sekiranya mereka gagal di dalam FOMEMA *they have to go back.* Jadi cara mereka balik itu terpulanglah kepada mereka sama ada membeli tiket sendiri ataupun dibeli oleh majikan. Jadi...

**Tuan Wong Chen:** *I think Dato' Khairul maybe you can send a small team just to go Bangladesh ask them lah. Oleh sebab you know if dia punya ejen bagi balik duit dia okey, you know. If the agent in Bangladesh dia terpaksa balik don't give back the money USD5,000 or whatever they pay to come here. Nobody would leave. That's the problem.*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Yang Berhormat, *I think we quite familiar with the system in Bangladesh, but this is beyond our kuasalah, control because ini Kerajaan Bangladesh punya sistem. Kita hendak interfere, I think is not the...*

**Tuan Wong Chen:** *No, no I agree you don't have to interfere lah.*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *But kita quite familiar, kita pun aware bahawa mereka before coming here memang dia bayar banyak ribu dan sebagainya through agent yang ada di negara mereka. Itu sistem mereka. Jadi kalau dia hendak datang, betullah kalau dia datang sini silap hari bulan majikan sini pula tidak bayar gaji. That is the problem here. Akan tetapi itulah saya pun hendak tanya juga Ahli-ahli Yang Berhormat macam mana kita hendak bagi awareness kepada majikan kita ini untuk tidak melakukan kesalahan macam tadilah supaya tidak membebankan akhirnya imigresen disalahkan kerana tidak ambil tindakan dan sebagainya. Majikan patutnya ambil tanggungjawab as a...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Saya hendak tanya soalan *follow up* kerana bagus juga Tan Sri bawakan isu ini. Dari segi penerimaan kita negara-negara luar dan terpilih, sudah tentu Malaysia boleh diletakkan penanda aras kerana itu ada diletakkan siasatan terdahulu dan sebagainya. Persoalan saya juga memandangkan kalau bagi majikan di Malaysia yang mengikuti arahan, garis panduan dan mereka contohnya ada slot 150 orang pekerja tiba-tiba dapati dapat tibi apakah, lapor kepada imigresen. *Now*, tempoh masa imigresen berikan supaya mereka boleh mendapatkan penggantian permit bagi jumlah tersebut, apa masanya?

Ini kerana rungutan yang diberikan kepada pihak kami bila mereka patuhi dan sebagainya lama sangat sebelum diberikan kelulusan baru untuk 150 permit terdahulu. Itu daripada segi majikanlah yang saya boleh tanyakan di sini.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Saya ingat untuk ganti tidak ada masalah, dia akan dapat apa yang *numbers you know*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *They said the time it takes...*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *I don't think ada masalah. Cuma masalahnya ialah untuk mendapatkan pekerja yang baharu itu from source country, itu dia kena uruskanlah. Itu dia kena uruskan. Akan tetapi on our side I think kalau katakan dia dapat kelayakan 100, ada tibi 10, so kita boleh ganti 10 tidak ada masalah, as long as dia lapor balik kepada imigresen lah.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** So, maksudnya itulah insentif yang diberikan kepada majikan yang berkata benar.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tidak ada penalti apa-apa kepada mereka kalau mereka *surrender* balik kepada imigresen, rekod berapa orang yang *unfit* dan sebagainya.



**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Dalam penelitian imigresen, ada tidak *ranking* diberikan kepada negara-negara yang sudah kita meterai perjanjian yang mana yang mengikut penanda aras yang diterima ataupun yang degil macam Bangladesh. Kalau ada *ranking* itu maksudnya selepas penemuan Audit mungkin boleh membantu juga dari segi perancangan ke depan.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tidak tahulah tetapi sebelum KSU KSM respons juga, saya ingat ini agak sukar untuk kita buat ini sebab negara sumber ini akhirnya *depends* kepada majikan, keperluan tadi, sektor. Kalau restoran umpamanya dia kata dia hendak perlu India dengan Bangladesh. Contoh.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Ya.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Kalau katakan *on the* Indonesia kata *on* pembinaan, contoh ya. Jadi kita hendak kata orang ini tidak apa payah Yang Berhormat sebab balik kepada majikan. Dia kata, Oh, saya tidak hendak pekerja dalam sektor pembinaan ini orang ini katakan *because* dia kata tidak boleh buat kerja, tidak rajin dan sebagainya. So, balik kepada itulah walaupun ada masalah tadi. *That is why* kalau boleh saya minta juga diberi kesedaran kepada majikan kalau dia ada masalah *unfit* dan sebagainya lapor balik kepada imigresen jangan campak mereka keluar ataupun dibiarkan begitu, jadi akhirnya lepas itu dia *blame* kita tidak ambil tindakan.

*So, to me unfair to enforcement agency* lah. Patutnya dia juga kena memainkan peranan untuk membantu *enforcement agency* melaksanakan tugas. Dia bagi maklumat itu. Kalau dia lari pun kena *report* kepada kami supaya kita boleh *detect*.

#### ■1600

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Tuan Pengerusi, terkait dengan jawapan itu tadi. Okey, saya faham bahawa majikan atau ejen kena hantar balik. Kita hendak supaya ada kesedaran dan tanggungjawab kepada mereka. Akan tetapi daripada segi undang-undang yang ada dalam negara kita ini, tidak bolehkah kita buat kalau tidak ada undang-undang, tidak bolehkah kita mencadangkan supaya majikan bertanggungjawab untuk menghantar balik, bukan hanya kesedaran sahaja?

**Tuan Pengerusi:** Dasar macam polisi...

*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Dato' KSM senyap sahaja.

**Dato' Amir bin Omar:** Terima kasih. Sebenarnya apa yang kita buat sekarang, terutama sekali dengan Bangladesh baru-baru ini, kita buat moratorium. Itu yang orang *complaint* kenapa tidak boleh dapat Bangladesh. *Because*, kita hendak komitmen daripada pihak Kerajaan

Bangladesh sendiri, *because* kita ada masalah *second tier watch list* ini. Bila- ayat ia kita letak di depot tahanan, ia tidak hendak ambil kat Semenyah, ia tidak hendak ambil.

**Seorang Ahli:** Oh, ia tidak hendak.

**Dato' Amir bin Omar:** So, ia kata— So, kita kata kalau *you* tidak buat macam itu, kita *put the moratorium*, sekarang kita hendak *review* bila ia sudah *agree* sudah. *Because-* tetapi masalahnya kita terpaksa berdepan dengan majikanlah. Mereka tanya kenapa susah sangat kita hendak ini. *So, that is the mechanism that we put even to an extent that* kita...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *The moratorium* mengakibatkan penundaan sedikitlah daripada segi pengambilan pekerja.

**Dato' Amir bin Omar:** Yes. Itu yang kita buat tetapi orang marahlah Kementerian Sumber yang kenapa *you create such a difficult situation* hendak ambil Bangladesh? Kadang-kadang kalau kita kata, *you* hendak ambil apa pun, kalau *as far as within the list, we allow*. Akan tetapi mereka kata mereka hendak Bangladesh, *because* kita tahu juga majikan-majikan ini diberi *key-off money* lebih kurang *certain amount*, saya diberitahu pun. *So*, sebab itu mereka *very adamant*, hendak pekerja Bangladesh. Dulu kalau *signed* ini *HR Manager*. Sekarang CEO *signed*. Itu apa penemuan-penemuan yang kita dapat. Kita juga *from time to time, discussed with* Kerajaan Bangladesh.

Pertama, untuk *reduce the cost of bring in*. Dulu kita ada B2B. *We even allow* kalau ada G2G, *must be better*, biar kerajaan sendiri *dictate how much the cost that we really required to come here*. Kita boleh *dictate it out*. Akan tetapi kadang-kadang biasalah B2B itu mungkin *lucrative*, itu yang menyebabkan susah juga. Kedua, kita juga mengenakan syarat kalau bolehlah— Ini kita masih di peringkat perbincangan. Kita *allow them to put some money* dalam *savings*, supaya bila balik, dia ada duit. Kedua, dia tidak lari, duit dia pada kita, dia tidak lari. Masalahnya bila dia tidak ada duit, dia hutang banyak, dia tidak ada *savings*, itu yang dia lari itu, kacaulah. Akan tetapi kalau kita boleh buat *savings*, sama ada— Itu masih kita berbincang dengan Kerajaan Bangladesh *to ensure that* bila dia balik 10 tahun, adalah duit untuk dia punya keluarga. *So, these are things* kita hendak cuba perbaiki. Itulah keadaan-keadaan. Oleh sebab itulah kita hendak *relook* daripada segi MoU yang kita hendak tandatangani. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Saya hendak bertanya sebab kita bercakap ini secara keseluruhan yang kita katakan ini sebab ada yang terlepas. Bila terlepas didapati tidak *fit*, kena hantar balik. Jadinya, susulan daripada itu saya hendak bertanya semula kepada saya rasa Imigresen mengenai sebab kita ada 1,000 lebih yang gagal FOMEMA tetapi telah mendapat PLKS. Adakah sistem sedia ada sekarang ini, ada *link*? Maknanya, daripada FOMEMA ini, ini mungkin ada *link* dengan negara sumber punyai *medical*, itu satu. Kalau ada, kenapa masih ada



lagi terdapat *differences*? Akan tetapi saya tadi telah maklum juga, Tan Sri juga ada maklumkan. Adakah sistem baharu yang akan diperkenalkan, yang akan diguna pakai ini nanti, ada penambahbaikan daripada segi ini? Ini disebabkan kalau daripada awal itu sudah selesai semua, kita tidak ada masalah yang kena hantar balik. Itu saya hendak minta respons mengenai perkara ini. Ada berapa itu soalan di sana.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** MyIMMs yang ada sekarang ini Tuan Pengerusi, diintegrasikan dengan FOMEMA. Akan tetapi tidak lah dengan negara sumber. Dengan klinik-klinik di negara sumber sana, tidak ada. Seperti mana yang dimaklumkan tadi, pemeriksaan *Bio-Medical* di negara sumber ini, cuma saringan awal sahaja. Tidak semestinya dia lulus *Bio-Medical* akan sampai ke Malaysia terus *clear* rekod kesihatannya, tidak. *Still have to go for FOMEMA procedure.*

**Tuan Pengerusi:** Jadinya, memang sana— Apa yang diproses di sana? Apa yang di-*check* di sana, di negara sumber itu? Ia *check* air kencing, lagi?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya, pemeriksaan kesihatan yang sepatutnya sama ada mempunyai penyakit berjangkit ataupun tidak...

**Tuan Pengerusi:** Darahlah. Ia *check* darah?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya, *check* darah dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Negara sumber. "*Darah dan sebagainya*" itu apa dia? Tidak banyak bukan? Oleh sebab ia asas. Jadinya, asas itu apa?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Pemeriksaan darah. Pemeriksaan yang menentukan sama ada dia *fit* atau tidak untuk bekerja. *Fit*, sama ada dia mempunyai penyakit jantung, mempunyai penyakit batuk kering.

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab asas pun kalau tadi dikatakan macam batuk kering, sepatutnya sudah tidak boleh dah. Sepatutnya daripada sebelum dia terbang pun kita sudah tahu dia tidak boleh sebab laporan *Bio-Medical* itu mengatakan begitu. Akan tetapi terbang juga, dapat juga ISC. Itu saya cuba hendak mendapatkan pandangan mengenai perkara ini.

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** Tuan Pengerusi, macam saya sebutkan tadi lah, mungkin standard *the medical* apa itu. Itu yang kita mungkin kena akur dengan keadaan di negara sumber berkenaan. Bukanlah kata kita— *I think...*

**Tuan Pengerusi:** Dalam sistem yang baharu, Tan Sri? Ada atau tidak hendak penambahbaikan daripada segi ini? Bahaya tahu ini sebab ini — *Long term, you will have* penyakit-*penyakit berjangkit* nanti di Malaysia, kalau sekiranya ia tidak kita selesaikan di peringkat ini.

**Seorang Ahli:** Sistem baharu...

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Tuan Pengerusi, *over the years- is not over the years* lah, saya bercakap secara berkalaanya, operator iaitu yang operator yang bertugas untuk menyaring kesihatan di negara sumber itu, memang mengguna pakai SOP, *so-called SOP* yang diambil daripada *Ministry of Health* di sini. *Okay, fine. As far as* macam *as per* Tuan Pengerusi nyatakan tadi bahawa ada kemungkinan *the standards of the machine* ataupun *health screener* di sana itu mungkin *not up to the standards* yang boleh guna di sini. Itu satu faktor. *Another factor is because, over the months,* ada *possibility* mereka juga akan dijangkiti kerana mereka ini masih lagi berhubung, *interact* dengan komuniti di negara sumber. Okey, itu satu.

**Tuan Pengerusi:** Tuan Haji, saya hendak tanya. *Stop you there.* Siapa yang- mereka ini kena jadi panel kah atau apa yang negara sumber itu kalau dia hendak pergi *check* itu? Kena jadi panel kah ataupun macam mana ya, pemilihan yang di luar itu? *I am not sure whether you know.* Kalau ada, boleh maklumkan pada kita.

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Itu diputuskan oleh pihak vendor.

**Tuan Pengerusi:** "*Vendor*"? Ini perkataan baharu diperkenalkan di sini. Vendor itu siapa?

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** Operator. Operator *health screening* di sana.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, negara sumber yang menentukan kriteria...

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** *Panellist, panellist.*

**Tuan Pengerusi:** Panel untuk mengeksport pekerja mereka ke luar negara. Betul?

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** *Same goes here,* Tuan Pengerusi. Kalau di sini FOMEMA pun, bukan FOMEMA yang buat. FOMEMA ia ada *appointed panel* yang akan membuat *health screening* itu. *Same goes in the* negara sumber juga. *So,* saya hendak cerita tadi, faktor-faktor itu bukan sahaja disebabkan oleh *low- sub standards.* Keduanya, *over the months before flying here* pun mereka masih lagi terdedah, *exposed* kepada komuniti di sana. *Eventhough after landing here* pun, mereka akan ditempatkan mungkin ditempatkan bersama komuniti-komuniti mereka ini juga, yang sedia ada pun ada penyakit. *So,* ada juga yang sudah sampai pun kita dapati *after going through the health screening* dengan FOMEMA pun *yet,* masih lagi ada kita *found* ada *result* yang *sub standards.*

**Tuan Pengerusi:** Saya akan bagi kepada Yang Berhormat Kluang tetapi *one thing,* sebab *I am curious.* Kalau kita pergi *landing,* selepas itu bila masuk, bukankah ada yang ambil kamera, ambil gambar kita itu, masuk itu bukan? Ada demam kah, tidak ada demam kah? Itu apa dia? Ada kena mengena... *[Ketawa]*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Kalau Kementerian Kesihatan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau mereka datang itu, kalau batuk-batuk, pun boleh...

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Itu Kementerian Kesihatan, Tuan Pengerusi.



**Tuan Pengerusi:** Oh, itu Kementerian Kesihatan, bukannya...

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Kalau ada musim-musim wabak tertentu, ia akan buat *random screening*.

**Tuan Pengerusi:** *Check* lah. Okey. Yang Berhormat Kluang.

**Puan Wong Shu Qi:** Tuan Pengerusi, saya cuma hendak tahu antara 1,013 orang ini, sektor atau bidang mana mereka yang kerja sebenarnya iaitu majikan mereka sebenarnya bidang mana? Ini kerana saya risau kalau majoriti dalam bidang restoran, bahaya sangat.

*[Ahli-ahli Mesyuarat berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Kita akan bekalkan secara bertulis nanti, Yang Berhormat.

*[Ahli-ahli Mesyuarat berbincang sesama sendiri]*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Macam-macam tanya.

**Tuan Pengerusi:** Eh, kena lah tanya. *[Ketawa]* Sepatutnya, imigresen kena tahu imigresen punya bidang.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Melawak sahaja, melawak. Tarik balik, tarik balik. *[Ketawa]*

**Puan Wong Shu Qi:** Tuan Pengerusi, boleh atau tidak minta JIM membekalkan tadi saya tanya tentang syarikat-syarikat China yang mohon kelulusan khas itu, selain daripada projek di Pengerang, mana projek lagi dan syarikat China yang mana lagi mohon untuk...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Wong Shu Qi:** Ya, senarai itu. Boleh ada atau tidak dan berapa yang kita akhirnya lulus?

**Encik Mohd Zamri bin Mat Zain:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1610

**Tuan Pengerusi:** Saya dapat maklumat. Ini penting ini, ada orang belakang ini. *The expert*, kita kena ada *expert*. Saya dapat makluman, rupanya apabila dia sudah masuk, sebelum lagi dapat apa-apa, belum *test* dengan FOMEMA *pun*, ini penemuan Audit. Dia sudah bekerja dengan majikan. Kenapa ini berlaku?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Dia lewat melaksanakanlah, menjalani FOMEMA punya *test* ini semua. Macam mana ini? Macam mana ya? Boleh ada respons?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Mereka tidak lewat Tuan Pengerusi. Apabila pekerja asing ini sampai di Kuala Lumpur ini...

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, Audit kata lewat. Penemuan Audit tahu.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Mereka akan diberikan *Special Pass (SP)* selama 30 hari untuk mereka menyelesaikan FOMEMA. Sepanjang tempoh 30 hari ini, mereka akan berada dengan majikan.

**Tuan Pengerusi:** Dia boleh bekerja atau tidak?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Mereka telah bekerja.

**Tuan Pengerusi:** Telah bekerja?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Yes, yes.

**Tuan Pengerusi:** Memang boleh dia bekerja?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Boleh bekerja.

**Tuan Pengerusi:** Memang dibenarkan bawah *Employment Act* kita untuk bekerja?

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Kalau mengikut peraturan, mereka hanya boleh bekerja apabila dikeluarkan PLKS, ya. Akan tetapi, di...

**Tuan Pengerusi:** Itu lain itu. Oleh sebab itu, tadi saya tanya, adakah dibenarkan ataupun kebiasaan. Lain tahu? *Norm* dengan dibolehkan atau tidak? Itu lain itu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* You should ask Datuk Amirudin. *It's not a case at all?*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Datuk Amirudin, Datuk Amirudin.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara]:** Kena semak dengan undang-undang Tuan Pengerusi. Kalau undang-undang secara jelas menghendaki supaya ada permit baru boleh bekerja dan itu kehendak undang-undang.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Puan Helina binti Dato' Sulaiman [Penasihat Undang-undang Kementerian Dalam Negeri]:** Tuan Pengerusi, *if I may* Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya, silakan.

**Puan Helina binti Dato' Sulaiman:** *Okay. This special pass di bawah regulation. Ia mengatakan Special Pass may be issued by the controller that is the KP, to any person if the controller considers the issue of such a pass desirable for any other special reason. For this reason ini, bagi maksud ini, bagi maksud FOMEMA itu hendak diproses, so special reason-nya mereka akan berada di situ untuk mungkin bekerjalah. That's a special reason. That's a...*



**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *You really mean that they legally sound-lah?*

**Puan Helina binti Dato' Sulaiman:** *Legally sound.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Based on assumption.*

**Puan Helina binti Dato' Sulaiman:** *This is because –not to say it's a blacken.*

**Tuan Pengerusi:** Boleh Datuk Amirudin?

**Puan Helina binti Dato' Sulaiman:** Boleh.

**Tuan Pengerusi:** *Legal?*

**Datuk Amirudin bin Abd. Rahman:** *Yup.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *So, technically they can come in free pass and they might have tibi but in that interim process, they will have the 30 days to go for FOMEMA. Akan tetapi, kalau sudah ada tibi itu maksudnya sudah aktif bekerjalah?*

**Tuan Pengerusi:** Sudah merebakkan TB dia dengan... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Jadi, pada pandangan Jabatan Imigresen Malaysia contohnya, tidak ada masalah dengan pas sementara ini? *Are you happy to keep it going?*

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Setakat ini Yang Berhormat kami tidak ada masalah untuk...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Dengan pas ini.

**Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud:** Ya, dengan *Special Pass* selama 30 hari ini. Jika mereka –ada keputusan dasar jika mereka ini gagal. Bukan gagallah. FOMEMA tidak berjaya diselesaikan dalam tempoh 30 hari ini, SP yang kedua akan diberikan untuk 30 harinya lagi, selanjutnya.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Tuan Pengerusi, *just* hendak tambah. Dulu perkara ini pernah dibincangkan panjang lebar *before the new government*. *This is because* kita juga lihat macam tadilah, *before* dia tunggu. Jadi, kita telah meminta supaya FOMEMA mempercepatkan *result medical check up* tadi. *You know, in order* mereka boleh bekerja ataupun kalau tidak *fit*, kita hantar baliklah.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Ya.

**Tan Sri Alwi bin Hj. Ibrahim:** *That's why* kita minta FOMEMA dulu, *I think instead for one month I think we...*

**Dato' Amir bin Omar:** *Two weeks.*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *Asked for two weeks I think.* Cuma...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Oh.*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Itu saja. *This is because* kita melihat...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *An then it was not approved by FOMEMA.*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *I think, they're tried...*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *They're agree to apalah, to expedite the process itu.*

**Tuan Pengerusi:** *Sekarang ini belum lagilah. Masih lagi 30 days-lah.*

**Dato' Amir bin Omar:** *This is because this core, dia punya core screening itu macam tibi that's high risk. That –the detail maybe later-lah. Cuma...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Itu maksudnya *that high risk possibility* apabila sudah sampai di Malaysia selama dua minggu ataupun sebulan sebelum FOMEMA *double check* ini kan?

**Dato' Amir bin Omar:** *Ya. Okay.*

**Encik Asri Ab. Rahman:** Tuan Pengerusi, *just –over the years*, yang mana kerajaan melihat perkara ini merupakan perkara yang serius, yang mana kita perlu ambil tindakan. So, langkah penambahbaikan, *it's not in term of implementation but in term of policy*. Ini sebab kalau kata kita lihat yang Yang Berhormat bangkitkan tadi, apa *actually mechanism* yang mana kita bincangkan dengan negara sumber dan tanggungjawab mereka dalam menentukan bahawa *those* yang katakan *not fit*, tidak sepatutnya *landed* dan bekerja di Malaysialah.

*So, through MOU, we spell out clearly on the* tanggungjawab. Sudah ada. Kalau kata dia gagal pemeriksaan kesihatan di negara sumber, tanggungjawab ejen yang bawa masuk dan tanggungjawab pekerja itu sendiri. *Even* kita *spell out* juga tanggungjawab negara sumber untuk membawa mereka balik.

Akan tetapi, apabila mereka mula dan bekerja di sini, kalau gagal, tanggungjawab kita *extend-kan* kepada majikan untuk bertanggungjawab dan bawa balik. Akan tetapi, as *mentioned by* Tan Sri Alwi, KSU KDN bahawa *that* tanggungjawab yang dalam proses pelaksanaan itu, kadang-kadang *of course* ejen di sana, kalau kata dia bawa balik, *replacement* berbangkit yang dibangkitkan mengatakan *employer* kita susah untuk dapat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Yes, actually.*

**Encik Asri Ab. Rahman:** *This is because replacement, employer* kita hendak supaya *total* kos harus ditanggung oleh ejenlah. So, *that the issue* yang mana majikan kita, *played with this* sedikit kelonggaran di situ. So, dia *just ignore* kadang-kadang *that* tanggungjawab melaporkan *to the authority* dan sebagainya.

*So, in term of the implementation* dari segi *detail-nya*, so, kita lihat dari segi peranan itu jugalah. Peranan FOMEMA dan juga peranan untuk *identify* perkara-perkara hak pekerja itu sendiri. *This is because we're not only dealing with this. That's why the USA* letak kita *Tier 2*



*Watch List. In term of treatment, dia katakan kita in term of policy implementation pun, government agak longgar dalam memberi protection.*

Oleh sebab itu, ada isu, *early of this government took over*, yang mana ada satu *group of workers* sebelum kita berbincang mengenai pas sementara tadi, *they're landed* di Malaysia dan ditamatkan. So, hak pekerja itu tidak ada dari segi *legal*. So, *even though* kontrak telah ditangani, kontrak pekerjaan. Dua perkaralah. Kontrak pekerjaan satu hal dan satu lagi permit untuk bekerja. Kontrak dia sudah tandatangan di negara sumber. *The day* dia *landed* dekat sini, hak dia bekerja dari segi *Employment Act*, dia sudah ada hak.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Ya betul.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Sekarang, dari segi hak, dari segi undang-undang, bukan warganegara untuk bekerja di Malaysia, kita kena baca dengan Akta Imigresen. Harus ada Pas Lawatan Kerja Sementara, dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Barulah boleh bekerja.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Akan tetapi, mahu tidak mahu, memang diperlukan Pas Lawatan Kerja Sementara itu?

**Encik Asri Ab. Rahman:** Yes.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Okay.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Akan tetapi, isunya, apabila kita hendak bagi perlindungan, bukan setakat dari perlindungan— yang kita bercakap sini dari segi keadaan keselamatan dan kesihatan negara. Keseluruhan. Akan tetapi, pada masa yang sama, *the other side...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Hak *individual rights*.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Hak *individual rights, human rights and so on*. So, *that dilemma* yang mana kita harus ada...

**Dato' Amir bin Omar:** *Balance*

**Encik Asri Ab. Rahman:** *Balance*. Dari sudut itulah. *That's why* yang mana kita Kementerian Sumber Manusia cadangkan pada KDN dan juga JIM, saya keluarkan pas sementara sebelum kita keluarkan PLKS. Yang kita bangkitkan dari segi —sepatutnyalah ya, sepatutnya tapisan pertama itu di negara sumber, sudah cukup baik untuk menapis mereka yang tidak sihat, tidak sepatutnya lepas. Akan tetapi, perkara yang katakan bukan senang untuk kita hendak...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Kawal.

**Encik Asri Ab. Rahman:** Ambil standard kita diaplikasikan. Contoh saya bagi Yang Berhormat. Apabila kita berbincang MOU dengan India dan juga negara China, mereka membangkitkan bahawa, *you apply which standard? Which WHO's standard* yang you guna pakai? *Even* India menyatakan dengan bangganya menyatakan bahawa, *our standard should be*

*higher than you.* Salah satu contoh. Begitu juga negara China contohnya *because technology-nya more advanced* dari negara kita. So, dia mengatakan kenapa *you are so concern about this?* Kita boleh laksanakan. *No need your standard to apply to our country.* So, dalam hal-hal perbincangan MOU.

Akan tetapi, sesetengah negara *willing to more or less apply our standard.* Akan tetapi, dari segi *detail-nya*, pelaksanaan kemungkinan ada –masih perlu ditambahbaikkan. So, itu –dan dalam negara *pun, as being mentioned* Tan Sri Alwi, *I think* FOMEMA dengan Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil inisiatif yang agak orang kata berterusan untuk menambahbaikkan kemungkinan perkara-perkara ini tidak berlaku lagi.

Akan tetapi, apa yang dicadangkan oleh Tan Sri Alwi, KDN itu, kemungkinan harus ada satu pendekatan yang menyeluruh dari segi kesedaranlah. Ini disebabkan kita juga *benchmark* dengan negara-negara lain yang mana merupakan negara penerima pekerja asing.

#### ■1620

Contohnya, *our neighbour* di selatan, Korea *and even* Dubai. Kita pergi dan kaji sistem mana yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ini. Okey, itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ini ada lagi ini hendak tanya ini. Ya, Dato' KSU. Ya, silakan.

**Dato' Amir bin Omar:** *Even our Minister was thinking*, kalau boleh kita *quarantine* mereka, kita buat *induction training for one week.* Dalam masa itu kita boleh tahu sudah *screening.* Itu cadangan tetapi banyak orang tak suka lah. *Even* macam di *plantation, one week* buat *induction course, subsequently familiarised it.* Selepas itu, dalam masa itu sudah dapat *screening result.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Amir bin Omar:** Tidak, yang *plantation* itu ada dua tiga syarikat sudah buat.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pilot?

**Dato' Amir bin Omar:** *The pilot* ya.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okey.

**Encik Asri Ab. Rahman:** *Even* kita *discuss* dengan MOH sama ada kalau kata ada cadanganlah. Fasal isu ini isu yang serius. Apabila dia *landed*, kita ambil dia, tempatkan satu pusat, kita terus buat tapisan kesihatan. Kalau lulus, baru kita boleh bagi keluar. Akan tetapi MOH menasihatkan kita, *even* yang *advance technology* yang kita adapun, mesin, 14 hari baru boleh *detect.* So, dalam tempoh 14 hari, siapa yang akan tanggung kos makan, minum, tempat tinggal dan sebagainya. So, sudah sampai peringkat itu yang kita bincangkan.

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab itulah *I think* lah, kos ia itu yang asas ia itu *the source country.* Selepas itu, *Foreign Workers Centralized Management System* ini, Bestinet Sdn Bhd



kan? Ia yang sepatutnya pergi keluar dan ia lah yang kena menentukan panel-panel yang bersesuaian. Betul tak? Ini betul kan? Oleh sebab apa tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian? *Advise* ia ke, bagi amaran kepada ia ke ataupun bagi *warning*, cari betul-betul. Itu satu saya hendak tanya ya? Bestinet ini. Oleh sebab kalau tidak, kalau kita tidak selesaikan masalah asas ini, ini yang banyak sangat perkara-perkara ini yang berlaku sampai siapa yang hendak beri makan dan sebagainya. Oleh sebabnya, disebabkan yang *the root cause* ini, bila masuk sini, lepas itu kita ada masalah yang dengan dinyatakan dengan FOMEMA.

Saya hendak maklumkan untuk Ahli-ahli PAC semua. Ini penemuan. 2017 - daripada 3,659 orang, 141 gagal. Ini yang FOMEMA, dan gagal daripada jumlah ini, 17 ada Hepatitis B tahu. Selepas itu, jumlah ini meningkat lagi, 2018— ini *root* sebab tadi itu kita tak selesaikan. 2018 pula, daripada tadi yang kena Hepatitis B, disebabkan proses ini, selepas itu lambat dengan FOMEMA, 38. Maknanya, lebih daripada 100 *percent* meningkat. Oleh sebab itu kita kena perlu selesaikan apa masalah asas ia. Ini yang kat luar negara ini. Jadinya, minta tolong menjawab dari segi apa tindakan dengan— apa yang dibuat oleh pihak kementerian kepada syarikat Bestinet yang menguruskan *Foreign Workers Centralized Management System* ini.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Saya ingat Tuan Pengerusi, *on* Bestinet ia ada modul-modul tertentu yang ada kontrak dengan kerajaan lah, KDN. Saya ingat *every*— semua ada dalam kontrak ia. Ada kontrak ia. Apa tanggungjawab ia dan sebagainya, Jadi, itu yang saya tidak bawa lah kontrak. Akan tetapi tanggungjawab ia ialah untuk dua modul tadi lah. Bio-Medical dengan eVDR. Jadi, itu tugas Bestinet itu. Jadi, kita tengah melihat semula peranan mereka. Peranan vendor ini, Bestinet ini sama ada— untuk *me-review* balik lah tanggungjawab sama ada wajar dikekalkan atau sebaliknya lah. Kita di pihak kementerian memang sedang meneliti perkara ini, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Jadinya, adalah juga tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian mengenai perkara ini. Oleh sebab kalau tak, kita akan bercakap mengenai masalah yang sama setiap kali bila kita berbicara mengenai masalah-masalah *foreign workers* ini. Jadinya— ada apa-apa lagi soalan?

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Kontrak vendor syarikat tadi itu berapa tahun sebenarnya, kalau dalam perjanjian itu?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Kontrak yang telah ditandatangani sampai 2021. Sudah tak lama lagi dah.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Mula sains bila? Makna, saya hendak tanya *how long* tadi?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Enam tahun. Enam tahun sahaja Yang Berhormat. *[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]* Ya, 2021.

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi? Yang Berhormat Kluang? Yang Berhormat Hulu Langat? Yang Berhormat Subang? Eh ada? *[Ketawa]* Yang Berhormat Permatang Pauh, ada apa-apa lagi soalan?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak nak dah.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Okey, kalau tak ada apa-apa soalan— tapi saya hendak maklumkan ia tidak terhenti setakat ini. Kalau sekiranya ada apa-apa lagi soalan yang timbul kemudian, kalau perlu untuk kita memanggil semula, kita akan panggil semula. Nanti kita akan maklumkan kemudian melalui— *properly*, kita akan maklumkan semula. Okey, terima kasih banyak-banyak saya ucapkan kepada kedua-dua KSU, Ketua Pengarah, Timbalan KSU, Timbalan Ketua Pengarah dan juga KSU selaku *ex-officio* kat belakang. *[Ketawa]* Terima kasih banyak-banyak.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Beri saya satu minit untuk bercakap.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** Saya juga, Tuan Pengerusi, Ahli-ahli PAC, mengucapkan terima kasih di atas sesi pada pagi, tengah hari dan petang ini. Jadi... *[Ketawa]* Saya ini kali keempat saya berhadapan PAC. *I think this is the longest lah from my experience. So,* terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Jadi, kami di pihak Kementerian Dalam Negeri khususnya, akan mengambil perhatian di atas apa-apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli PAC dan Tuan Pengerusi untuk tambah baik kita punya sistem penyampaian. Jadi, saya ucapkan terima kasih dan saya juga mohon maaf kalau terkasar bahasa, sesetengah itu mungkin melawak dan tidak sengaja. Saya minta maaf ya. Saya kenal Tuan Pengerusi agak lama juga, jadi *hopefully this is my last meeting with PAC before my retirement in November...*

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Muda lagi nak retire?

**Tan Sri Alwi bin Haji Ibrahim:** *[Ketawa]* Jadi, saya ucapkan terima kasih atas *feedback* dan kerjasama daripada pegawai-pegawai saya di KDN dan Jabatan Imigresen. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.27 petang]***